

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Dakwah politik merupakan suatu isu penting dan wajar difahami dengan mendalam untuk memartabatkan Islam di kancah politik. Konsep dakwah itu merupakan tunjang terpenting dalam penyebaran dan pemahaman Islam yang merupakan arahan secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunah. Urusan dakwah ini menjadi urusan utama yang tidak boleh dikesampingkan kerana ia merupakan tugas utama para rasul, khususnya nabi Muhammad s.a.w. Allah s.w.t menyatakan secara jelas di dalam al-Quran mengangkat kedudukan pendakwah ke tingkat yang amat tinggi dan mulia berdasarkan firmanNya.

﴿ وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴾

Al-Fuṣilat 41: 33

Terjemahan: dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam.

Ajaran Islam adalah ajaran yang mengatur kehidupan manusia secara syumul yang turut tidak terlepas dalam masalah politik dan kenegaraan.¹ Memisahkan politik dengan agama merupakan pemikiran yang salah dan ia merupakan amalan sekularisme. Fahaman sekularisme merujuk kepada corak kehidupan di mana

¹ H.Abuddin Nata, *Metodologi Studi Islam* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2000), 267.

berlakunya pembebasan insan dari asuhan agama.² Ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan ilmuan Islam, bahawa sekularisme merupakan fahaman yang menganggap urusan agama dan ketuhanan tidak boleh sama sekali mencampuri urusan negara, politik, pentadbiran dan sebagainya.³

Berdasarkan kefahaman di atas, politik memerlukan agama agar semua pengamalannya selari dengan kehendak Allah s.w.t. Apabila timbul persoalan bagaimana ini boleh dilaksanakan, maka jawabnya adalah melalui dakwah. Konsep dakwah dan politik perlu digarap bersama. Inilah yang dipraktikkan oleh nabi Muhammad s.a.w sepanjang hayatnya, iaitu sebagai pembawa risalah ketuhanan, pendakwah, pemimpin negara dan pemimpin seluruh umat Islam. Pemimpin politik yang akhirnya sebagai pemimpin umat dan negara, dituntut agar sentiasa sedar akan amanah besar yang dipikulnya.

Dalam Islam, semua pemimpin akan ditanya akan amanah yang dipikul sama ada dilaksanakan atau diabaikan. Bolehlah disimpulkan bahawa Rasulullah s.a.w merupakan tokoh yang menjalankan dakwah di dalam jalur politik dan ketika berpolitik, dakwahnya tidak pernah ditinggalkan. Maka konsep dakwah politik perlu difahami. Pada waktu yang sama Rasulullah s.a.w merupakan ikutan yang utama untuk dikaitkan dengan konsep dakwah politik. Sekiranya dakwah yang berkait dengan Islam dipisahkan dengan politik, maka akhirnya manusia secara

² Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization, 1993), 17.

³ Mohd Ismail Bin Mustari, "Mendepani Kemelut Sosial Umat Islam: Cabaran Gerakan Dakwah" (Kertas Kerja Muzakarah Gerakan Dakwah Dan Kepedulian Sosial, Anjuran Jabatan Agama Islam Perak dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Cawangan Perak, Pusat Konvensyen PTTC, Ipoh, 2005).

keseluruhannya akan rugi bukan sahaja di dunia malah di akhirat. Begitu juga sekiranya urusan politik dibiarkan golongan jahil menguruskannya secara bebas, maka akan timbulah isu kezaliman ke atas manusia .

1.2. Pernyataan Masalah

Fadzil Mohd. Noor, adalah merupakan seorang tokoh dalam dakwah dan politik negara dan diakui di kalangan tokoh ilmuan bahawa beliau adalah nama besar dalam deretan tokoh-tokoh ulung gerakan Islam tanah air.⁴ Banyak sumbangannya yang tidak ternilai yang dapat dilihat dalam konteks kesinambungan memartabatkan Islam, walaupun suatu ketika kedudukan beliau dalam politik negara sebagai ketua pembangkang. Kajian terhadap sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik sangat penting bagi umat Islam. Persoalan konsep dakwah politik perlu dibahaskan untuk memantapkan kefahaman bahawa dakwah perlu dalam kancas politik, dan berdasarkan ketokohan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor persoalan cabaran, sumbangan, pengajaran sepanjang beliau menerajui kepimpinan parti politik perlu dikaji. Persoalan lain yang juga perlu dikaji, Fadzil Mohd. Noor sebagai tokoh yang berwibawa, berpandangan jauh dan turut menyumbang dalam kebangkitan Islam serta memberi impak di kalangan masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Hasil kajian tentang tokoh ini boleh menjadi rujukan kepada banyak pihak sama ada yang terlibat secara langsung dalam politik negara atau sebaliknya. Misalnya,

⁴ Siddiq Fadzil, "Dato'Haji Fadzil Nor: Satu Catatan Apresiasi"(Kertas Kerja Seminar Tokoh Gerakan Islam Malaysia, Anjuran Yayasan Pembangunan Ummah, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Anjung Rahmat, Kuala Lumpur, 2004).

Fadzil Mohd. Noor dikaitkan setara dengan ketokohan mantan Perdana Menteri Indonesia iaitu Mohammad Natsir yang terkenal dengan dengan tokoh yang berdakwah di jalur politik, berpolitik di jalur dakwah.⁵

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. Memahami konsep dalam dakwah politik.
2. Mengetahui sejarah perjuangan Fadzil Mohd. Noor di dalam gerakan dakwah politik di Malaysia.
3. Mengenal pasti sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik.

1.4. Kepentingan Kajian

Secara asasnya, kajian yang dilaksanakan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu terutamanya dalam aspek pengertian dakwah politik. Pengkaji berpandangan bahawa kajian ini sangat penting secara peribadi untuk dijadikan tauladan serta manfaat yang banyak boleh diambil dalam sudut ilmu dakwah dan politik. Sudah pasti definisi dakwah politik akan diperincikan dalam kajian sehinggalah bagaimana pandangan dan pengalaman tokoh ilmuan Islam yang lain akan turut diambil kira, dalam konteks betapa pentingnya dakwah politik dalam memperjuangkan kesempurnaan Islam di jalur politik, sama ada di dalam atau di luar negara.

⁵ *Mohammad Natsir, Berdakwah Dijalur Politik, Berpolitik Dijalur Dakwah* (Kuala Lumpur: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2010).

Kajian ini juga, akan menyentuh bagaimana tokoh yang dibincangkan ini mempraktikkan dakwah dan keberkesannya dalam konteks beliau sebagai aktivis politik, ahli parlimen, Ketua Pembangkang di parlimen Malaysia dan pada waktu yang sama sebagai presiden PAS yang meletakkan asas perjuangan politiknya berlandaskan al-Quran dan al-Sunah. Sesuatu yang sangat menarik untuk dikaji dan diteliti bagaimana dakwah diimplimentasikan dalam kancah politik berdasarkan pengalaman tokoh yang dibincangkan. Dengan ini, organisasi atau parti politik yang sememangnya mahu memartabatkan Islam secara jujur, sudah pasti boleh mengambil manfaat hasil kajian ini. Dengan kajian yang dilakukan, berkemungkinan beberapa maklumat penting mungkin dapat diperolehi sama ada dalam bentuk kelemahan atau kebaikan yang boleh dianggap sebagai maklumat tambahan untuk kepentingan dakwah Islam dalam aspek politik negara.

Di samping itu, mungkin ada pandangan yang segar dan bermanfaat daripada pihak-pihak yang ditemui ketika sesi kajian, kepada pelbagai pihak seperti masyarakat yang cintakan Islam, mahasiswa pengajian tinggi, para penyelidik, dan yang paling utama aktivis politik tidak kira mewakili mana-mana parti sama ada yang beragama Islam atau sebaliknya. Hasrat kajian yang berasaskan keterlibatan dan pengalaman tokoh ini adalah untuk menambah khazanah ilmu yang berlandaskan kebenaran, akhirnya untuk keadilan manusia sejagat yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenarnya. Akhir sekali, antara perkara penting yang ingin diharapkan daripada kajian ini, ialah suatu penambahan bahan bacaan dan rujukan, pengetahuan dalam konteks dakwah politik dan sekaligus menyebarkan ilmu dakwah politik kepada semua pihak sama ada dalam atau luar negara yang turut terlibat dalam aktiviti dakwah, politik, penyelidik dan sebagainya.

1.5. Skop Kajian

Pengkaji menetapkan skop kajian pada disertasi yang dihasilkan agar tidak terpesong daripada tajuk kajian. Tumpuan dalam kajian adalah berfokus kepada sumbangan Fadzil Mohd. Noor di dalam dakwah politik. Apabila kajian ini berkenaan seorang tokoh dakwah yang terlibat dengan politik, maka sudah pasti kajian ini menjurus kepada penglibatan tokoh di dalam parti politik dan sistem demokrasi di Malaysia.

Kajian akan bermula pada masa tokoh menyertai politik secara serius sepenuh masa sehinggalah beliau meninggal dunia pada 23 Jun 2002, ketika Allahyarham masih memikul amanah besar sebagai Presiden PAS dan Ketua Pembangkang di Parlimen Malaysia. Termasuk yang akan dikaji ialah pengalaman beliau yang bermula sebagai pemimpin di institusi dakwah dan tenaga pensyarah institusi pengajian tinggi awam pada peringkat awal sebelum Fadzil Mohd. Noor terjun ke arena politik sepenuh masa.

1.6. Kajian Terdahulu

Terdapat beberapa penulisan yang telah dihasilkan bagi membicarakan tentang Ustaz Fadzil Mohd. Noor tokoh yang menjadi kajian. Antaranya ialah, penulisan Ahmad Lutfi Othman (2002), *Pilu Mengenal Ustaz Fadzil*, merupakan sebuah artikel yang disiapkan beberapa hari selepas Fadzil Mohd. Noor meninggal dunia. Hasil kajian, pengkaji mendapati:

- a. Penulis menggambarkan Fadzil Mohd. Noor seorang pejuang Islam unggul bertaraf negarawan.

- b. Penulis memberi gambaran secara peribadi tentang sifat keterbukaan, kewibawaan dan keserdahanaan Fadzil Mohd. Noor sepanjang beliau memimpin PAS dan diakui oleh sebahagian pemimpin politik dalam negara.⁶

Sebuah buku yang ditulis oleh Subky Abd.Latif (2003) *Fadzil Noor, Dia Guru...Dia Kawan*. Hasil kajian daripada penulis ini, pengkaji mendapati:

- a. Penulis memberi suatu gambaran yang baik dan fakta yang lengkap berkenaan tokoh dalam aspek latar belakang dan sifat peribadi.
- b. Penglibatan tokoh dalam aktiviti dakwah, parti politik, dan penglibatan di peringkat antarabangsa.
- c. Pada waktu yang sama tidak terlepas pandangan penulis buku berkenaan melontarkan komennya secara peribadi dalam aspek atau tajuk yang disentuh seperti sifat peribadi tokoh sebagai manusia biasa tidak sunyi dari kelemahan dan kesilapan.
- d. Secara keseluruhan buku ini diakui oleh penulis sebagai satu catitan ringkas, pandangan peribadi dan satu ingatan semula sepanjang beliau mengenali tokoh.⁷

Ini bermakna kajian secara terperinci dalam konteks sumbangan besar Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik masih belum dilakukan. Walau bagaimanapun, buku yang dihasilkan ini cukup bermakna dan masih menyentuh secara tidak langsung aspek yang berkaitan dakwah dan politik.

⁶ Ahmad Lutfi Othman, "*Pilu Mengenal Ustaz Fadzil*", Ahmad Lutfi Othman *et al.* (eds.), 2 Dekad Terajui Perubahan, 20 Tahun Harakah 1987-2007. (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Dan Penyelidikan PAS Pusat, 2007),10-16.

⁷ Subky Abd.Latif, *Fadzil Noor, Dia Guru Dia Kawan* (Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim Sdn.Bhd, 2003), v.

M. Anuar Tahir et al., (2004) *Fadzil Nor, Ni'amat Yusoff dan Abdul Wahab Zakaria, Bintang-bintang Di Medan Dakwah*, merupakan buku yang diterbitkan hasil daripada seminar tokoh gerakan Islam di Malaysia yang di anjurkan oleh Yayasan Pembangunan Ummah dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Hasil kajian daripada himpunan makalah ini, pengkaji mendapati,

- a. Penjelasan dan kisah penglibatan Fadzil Mohd. Noor yang begitu aktif dan komited dalam urusan dakwah ABIM.
- b. Terdapat juga catatan penglibatan Fadzil Mohd. Noor sebagai pendakwah dan seorang tenaga pengajar yang begitu dikagumi oleh pelajar-pelajarnya, sekaligus menggambarkan beliau seorang tokoh yang mencintai ilmu.
- c. Ia juga menggambarkan kekuatan persahabatan Fadzil Mohd. Noor dengan pengerak-pengerak awal ABIM di peringkat awal.⁸

Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor (2010) *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden, Siri 2*, pula merupakan sebuah kajian yang mencatat penglibatan tokoh-tokoh besar gerakan Islam peringkat antarabangsa. Berkenaan tokoh yang dikaji, dengan tajuk kecil di dalam buku berkenaan yang bertajuk *Ustaz Fadzil Noor (1937-2002) Dalam Kenangan, Dari Gudang Ilmu Ke Kancah Siasah*. Hasil kajian ini mendapati:

- a. Penjelasan latar belakang tokoh dari sudut keluarga, pendidikan, perkahwinan, perkhidmatan, penglibatan dalam aktiviti masyarakat sehinggalah penyertaan dalam politik.

⁸ M.Anuar Tahir et al., *Fadzil Nor, Ni'amat Yusoff Dan Abdul Wahab Zakaria, Bintang-bintang Di Medan Dakwah* (Selangor: Yayasan Pembangunan Ummah, 2004), 4-11.

- b. Pengiktirafan terhadap Fadzil Mohd. Noor terbukti sebagai tokoh gerakan Islam yang boleh diletakkan setanding dengan tokoh gerakan Islam antarabangsa yang lain.
- c. Fakta-fakta penting secara khusus sejarah hidup tokoh berkenaan.⁹

Selain daripada itu, sebuah buku yang menghimpunkan beberapa makalah berkenaan Fadzil Mohd. Noor turut dihasilkan, disusun oleh Zabidi bin Morad (2005) *Fadzil Noor Dalam Kenangan, Pilu Mengingatumu*. Hasil kajian ini mendapati:

- a. Pengumpulan makalah berkenaan tokoh yang melibatkan penulisan pihak-pihak yang terdekat seperti anak tokoh yang dikaji, Munna Izzah binti Fadzil, yang membicarakan bagaimana hubungan Fadzil Mohd. Noor bersama keluarga ketika beliau sebagai pemimpin besar dalam sebuah parti politik.¹⁰
- b. Memaparkan pengalaman individu-individu yang pernah bersama dengan tokoh.
- c. Memaparkan ketulusan, keakraban dan sifat peribadi yang positif berkenaan tokoh.
- d. Secara keseluruhan penulisan yang ada masih tidak menyentuh secara mendalam peranan dan sumbangan besar Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik.

⁹ Zainudin Hashin & Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Modern, Siri Dua* (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. 2010), 69.

¹⁰ Zabidi bin Morad, *Fadzil Noor Dalam Kenangan, Pilu Mengingatumu* (Selangor: Dewan Pemuda Pas Kawasan Kubang Pasu, Kedah, 2005), 43.

John Hilley (2008) *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni Dan Pembangkang Baru*, telah membuat suatu komentar dengan tajuk kecilnya *Fadzil Noor Dan Kepimpinan Pas*.¹¹ Hasil kajian mendapati:

- a. Penulis menghasilkan suatu pandangan tentang tokoh dari sudut kepimpinan dalam parti politik.
- b. Penulis agak berjaya menonjolkan beberapa gerakan politik Fadzil Mohd. Noor secara jelas dalam beberapa situasi berdasarkan fakta yang lengkap dan tepat.

Sebuah buku yang disusun oleh Zunar (2005), *Warkah Anwar, Surat-Surat Dari Penjara 1998-2004*, memuatkan lapan puluh satu rencana yang pernah ditulis oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ketika di penjara Sungai Buloh. Dalam bab yang keempat, tercatat tajuk yang berkaitan dengan kajian, *Kenangan Bersama Ustaz Fadzil*, hasil kajian mendapati:

- a. Lebih menyentuh perhubungan peribadi beliau bersama tokoh yang dikaji.
- b. Penglibatan bersama penulis dan tokoh dalam kegiatan dakwah dan politik.
- c. Jasa-jasa penting Fadzil Mohd. Noor dalam kancah politik yang disulami dengan mesej dakwah.
- d. Tokoh merupakan individu yang berfikiran jauh ke hadapan. Misalnya peranan Fadzil Mohd. Noor dalam penubuhan parti Keadilan.¹² Maklumat yang ada dalam buku ini sedikit sebanyak akan membantu penyelidikan

¹¹ John Hilley, *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni Dan Pembangkang Baru (terj.)* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2008), 219.

¹² Zunar, *Warkah Anwar, Surat-Surat Dari Penjara 1998-2004* (Selangor: Edisi Prima Sdn. Bhd., 2005), 315.

berdasarkan fakta dan kenyataan yang jelas peranan yang telah dimainkan oleh Fadzil Mohd. Noor ketika hayatnya.

Sebuah buku terbaru yang dikarang oleh Mujahid Yusof (2010), *Menuju PAS Baru, Krisis, Peluang Dan Dinamisme*, merupakan sebahagian daripada tesis ijazah Doktor Falsafah yang mendapat kelulusan Senat Universiti Malaya pada 25 Oktober 2007. Hasil kajian ini mendapati:

- a. Lebih menyentuh tentang sikap dan tindakan Fadzil Mohd. Noor yang berkecuali ketika berlaku krisis dalaman ketika PAS di bawah kepimpinan Haji Yusuf Rawa sebagai Presiden.
- b. Mengambarkan Fadzil Mohd. Noor adalah antara pemimpin ABIM yang menyertai PAS dalam isu infiltrasi ABIM ke dalam PAS.
- c. Fadzil Mohd. Noor adalah antara tokoh penting mempromosikan PAS sebagai parti Islam dan sebagai sebuah gerakan Islam yang bukan sahaja di kalangan pelajar kampus dalam dan luar negara, malah diperingkat global.
- d. Di era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor sebagai Presiden PAS yang telah melakar satu lonjakan besar dalam usaha memulihkan imej politik PAS di mata pengundi apabila pakatan politik Angkatan Perpaduan Ummah (APU), berjaya menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum 1990.¹³

Sebuah kertas kerja oleh Dr. Farish A. Noor (2002), *PAS Post-Fadzil Noor: Future Directions and Prospects*. Hasil kajian mendapati:

¹³ Mujahid Yusof, *Menuju PAS Baru, Krisis, Peluang Dan Dinamisme* (Kuala Lumpur: The Malaysian Insider Sdn. Bhd., 2010), 87,107 & 113.

- a. Kematian Fadzil Mohd. Noor telah mengejutkan ramai khususnya rakyat Malaysia dan serta merta memberi kesan kepada politik dalaman PAS, terutamanya di kalangan golongan moderat.
- b. Kehilangan Fadzil Mohd. Noor juga turut memberi kesan kepada kekuatan PAS terutamanya di Kedah.
- c. Fadzil Mohd. Noor juga dikatakan sebagai elemen penting dan kuat dalam hubungan PAS terhadap Anwar Ibrahim selaku tokoh yang bertanggungjawab dengan kelahiran parti Keadilan serta barisan pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA).¹⁴

Sebuah kajian akademik oleh Muhaimin Sulam (2003) yang bertajuk *Kepimpinan Politik Dato'Hj. Fadzil Mohd Noor*, merupakan sebuah kajian yang lebih bersistematik yang menggunakan kaedah perpustakaan dan temubual. Hasil kajian ini, didapati:

- a. Kajian ini lebih bertujuan untuk melihat perkembangan kepimpinan Fadzil Mohd. Noor yang berjaya meletakkan PAS berjaya menaikkan imej, pendekatan dan perjuangannya yang sesuai dengan masyarakat majmuk.
- b. Kajian ini merumuskan kepimpinan Fadzil Mohd. Noor dikaitkan dengan kepimpinan transformasi, sebagai pemimpin sebuah organisasi politik dan gerakan Islam sekaligus sebagai gerakan massa.¹⁵

¹⁴ Farish A.Noor, "PAS post-Fadzil Noor: Future Directions and Prospects" (Kertas Kerja *The Forum On Regional Strategic And Political Developments, Institute Of Southeast Asian Studies, Singapore*, 25 Julai 2002), 1.

¹⁵ Muhaimin Sulam, "Kepimpinan Politik Dato'Hj.Fadzil Mohd Noor" (Kertas Projek, Fakulti Sains Sosial Dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003)

Terdapat kajian ilmiah yang membincangkan peranan Fadzil Mohd. Noor. Ahmad Nawawi bin Yusuf (2003), *Dato' Fadzil @ Ali B.Mohd Noor*. Hasil kajian mendapati,

- a. Mengenalpasti sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam bentuk dakwah sama terutamanya sebelum menyertai politik dan ketika menyertai politik.
- b. Kajian menjelaskan metode dakwah yang digunakan oleh Fadzil Mohd. Noor. Hasil kajian juga turut menjelaskan bentuk sumbangan beliau kepada masyarakat, negara dan antarabangsa.¹⁶

Walau bagaimanapun, penulis mendapati kajian berkenaan masih tidak mendalami kajian berkenaan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor. Masih banyak ruang sumbangan dakwah politik yang boleh dibincangkan dalam skop yang lebih luas.

Dalam kajian ilmiah oleh Zubaidah binti Saman (2006), yang bertajuk *Dato'Haji Fadzil Mohd Noor: Tokoh Politik Islam, 1978-2003*, pengkaji mendapati fokus utama penulisan ialah:

- a. Membuat kajian tentang perjalanan politik dan perjuangan Fadzil Mohd. Noor dari perspektif sejarah.
- b. Membentangkan sejarah khusus tokoh-tokoh tempatan yang banyak memberi sumbangan kepada negara Malaysia sama ada dari pihak kerajaan atau pembangkang.
- c. Mendedahkan kepada umum secara tidak langsung tentang PAS iaitu gambaran ringkas tentang penubuhan, pergolakan yang pernah berlaku dan perbezaan kepimpinan setiap pemimpin yang ada.¹⁷

¹⁶ Ahmad Nawawi B. Yusuf, "Dato'Fadzil @ Ali B. Mohd Noor", (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Sebuah kertas kajian ilmiah oleh Nurhidayah Salleh (2007), *Pemikiran Fadzil Mohd Noor: Analisa Ucapan Dasar Muktamar Parti Islam Semalaysia (PAS)*, satu-satunya kajian yang mengkaji pemikiran Islam Fadzil Mohd. Noor. Objektif kajian ini antaranya adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan susur galur keluarga, biografi dan perjalanan hidup, menganalisis ucapan dasar Muktamar PAS kali ke 36 hingga 48, dan mengkaji pemikiran-pemikiran yang berkaitan dengan isu-isu agama. Hasil kajian mendapati,

- a. Hanya menumpu ucapan dasar Fadzil Mohd. Noor yang disifatkan oleh penulis merangkumi aspek politik, sosial, ekonomi dan pendidikan.
- b. Mendapati pemikiran Islam Fadzil Mohd. Noor yang berkaitan dengan isu-isu agama seperti kepimpinan ulama, sistem pendidikan Islam dan sebagainya.¹⁸

Sebuah buku yang ditulis berdasarkan kajian tesis ijazah Doktor Falsafah oleh Nor Raudah Hj Siren (2013) *Retorik Penulisan Dakwah*,¹⁹ telah menyentuh aspek retorik pembujukan dakwah dalam teks ucapan dasar Fadzil Mohd. Noor. Secara keseluruhannya, buku ini memberi tumpuan perkaitan antara dakwah dengan ilmu retorik, dalam usaha mempengaruhi sasaran dakwah melalui penulisan. Maka pelbagai gaya dan pendekatan dakwah boleh dilaksanakan melalui ilmu retorik yang tertumpu kepada kaedah memanipulasi minda dan persaan khalayaknya, sama ada

¹⁷ Zubaidah binti Saman, *Dato' Haji Fadzil Mohd Noor: Tokoh Politik Islam, 1978-2002*, (Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2006).

¹⁸ Nurhidayah Salleh, "Pemikiran Fadzil Mohd Noor: Analisa Ucapan Dasar Muktamar Parti Islam Malaysia (PAS)" (Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam (29-30 Ogos 2007), Prosiding, penyusun: Abdul Ghafar Hj. Don, Anuar Puteh dan Wan Kamal Mujani, (Bangi: Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 355-356.

¹⁹ Nor Raudah Hj Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013).

secara lembut, keras, halus, berterus terang, menggunakan dalil rasional selari dengan al-Quran. Penulis yang menghasilkan buku ini, berjaya mengkaji penulisan ucapan dasar tokoh Fadzil Mohd. Noor dan membuat sedikit perbandingan dengan penulisan ucapan dasar Siddiq Fadzil sebagai mantan Presiden ABIM. Penumpuan yang diberi oleh penulis ialah aspek gaya penyampaian Fadzil Mohd. Noor yang merupakan elemen penting untuk mempengaruhi, mengubah pendapat, tingkah laku dan keyakinan manusia dalam arena dakwah politik.

Akhir sekali, pengkaji mendapati setakat ini tidak ada lagi kajian secara mendalam berkenaan tokoh yang bernama Fadzil Mohd. Noor dalam aspek apakah sumbangan dakwah politiknya dalam arus politik negara. Sumbangan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor ada kesannya sehingga kini, dan dalam bacaan awal pengkaji, banyak tindakannya membawa kesan yang positif kepada Islam dan negara selepas ketiadaan beliau di arena politik negara. Maka kajian ini sangat penting untuk kebaikan kepada politik negara yang melibatkan kepimpinan negara di masa hadapan.

1.7. Metodologi Kajian

Kejayaan kajian ini sememangnya bergantung kepada metodologi kajian. Pengkaji bercadang untuk menggunakan beberapa kaedah untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Kajian ini akan lebih dalam bentuk kualitatif iaitu menggunakan fakta, ulasan, persepsi, perasaan, ciri-ciri yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena.²⁰ Pada dasarnya penyelidikan ini adalah gabungan kajian

²⁰ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah, Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 26.

perpustakaan²¹ dan kajian lapangan. Bagi mendapatkan maklumat untuk penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan beberapa metode seperti berikut:

1.7.1 Sumber Data

Sesuai dengan tajuk yang dipilih, penyelidik memilih untuk membuat kajian mengikut metode penyelidikan berikut:

1. Penyelidikan Perpustakaan.

Penyelidik menggunakan metode kajian perpustakaan bagi melaksanakan penyelidikan ini. Penelitian yang sebaik mungkin dibuat terhadap sumber primari dan sekunder. Semuanya bergantung dengan autoriti yang ada pada kedua-dua rujukan yang terpilih. Antara rujukan yang digunakan ialah:

- i. Al-Quran dan al-Sunah.
- ii. Buku-buku teks yang diiktiraf sebagai berautoriti dalam bidang pengajian Islam, dakwah dan sebagainya.
- iii. Kajian daripada tesis yang berkaitan dengan kajian yang pernah dihasilkan terutamanya dalam bidang pengajian Islam dan dakwah.
- iv. Minit mesyuarat tahunan, kertas kerja dan catatan-catatan yang berkaitan.

Antara perpustakaan utama yang dimanfaatkan oleh pengkaji untuk memperolehi rujukan tersebut ialah:

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur
- ii. Perpustakaan Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur

²¹ *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 15.

- iii. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Kuala Lumpur.
- iv. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kuala Lumpur.

2. Kajian Lapangan

Kajian lapangan²² juga penting untuk dilaksanakan di samping kajian perpustakaan bagi memperolehi maklumat atau yang diperlukan. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat atau data yang tepat dan seimbang dalam konteks kajian tokoh yang terlibat. Kajian luaran yang dimaksudkan ialah pengumpulan data yang berlandaskan pada mana-mana rujukan yang mengandungi maklumat mengenai masalah yang hendak diselidiki atau dikaji. Dalam usaha mencapai tujuan yang ada, penyelidik menggunakan metode kajian kes. Banyak perkara yang terjadi tidak dapat dijelaskan hanya dengan merujuk kepada data kuantitatif sahaja. Sebenarnya, kajian kes sesuai dilaksanakan kerana ia dipraktikkan bagi mengumpul semua maklumat secara mendalam mengenai tingkah laku tokoh dan keadaan sosial bagi mengetahui bagaimana tingkah laku tokoh atau perubahan keadaan sosial tersebut berlaku.²³

Kajian kes juga merupakan penerokaan secara mendalam dan membongkar persoalan secara terperinci. Data yang terkumpul bukan sahaja dalam bentuk fakta, malah meliputi perasaan, reaksi, persepsi dan nilai-nilai yang abstrak.²⁴ Kajian

²² Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 141.

²³ *Ibid.*, 156

²⁴ Idris, *Penyelidikan Ilmiah, op. cit.*, 29.

perlu memberi fokus terhadap tokoh dengan menggunakan kaedah pengumpulan data seperti dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam (*in-depth interview*) pemerhatian peserta.²⁵ Bagi mencapai maksud kajian, pengkaji telah menggunakan dua metode khusus iaitu metode temubual²⁶ dan metode pemerhatian atau observasi.²⁷

a. Temu bual

Metode temu bual (*interview*) adalah merupakan kaedah asas tinjauan penyelidikan (*survey research*). Metode temu bual ialah suatu kaedah mengumpul data di mana kaedah ini mempunyai persamaan dengan soal selidik secara lisan. Temu bual boleh dilaksanakan secara tidak formal dan fleksibel atau berstruktur dan berfokus.²⁸ Pengkaji menggunakan metode temu bual bagi mendapatkan fakta-fakta yang lebih tepat dan berfokus. Kemungkinan soalan yang berbeza kepada responden yang berbeza mengikut kesesuaian.²⁹ Bagi menjamin metode temu bual ini bersifat objektif dan tepat, beberapa kaedah yang lebih mendalam dilaksanakan seperti berikut:

1. Setiap responden yang terlibat adalah tokoh-tokoh yang terlibat dengan dakwah dan politik yang masih boleh ditemui seperti Anwar Ibrahim selaku mantan Presiden ABIM, tokoh politik seperti Abdul Hadi Awang selaku Presiden PAS, dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, responden yang

²⁵ Chua Yan Piaw (2006), *op.cit*, h. 156.

²⁶ *Ibid.*, 113.

²⁷ Uma Sekaran, *Research Methods For Bussiness, A Skill Building Approach, Fourth Edition* (United States Of America: John Wiley & Sons, 2003), 251.

²⁸ Neil J. Salkind, *Exploring Research, Fifth Edition* (United States Of America: Pretence Hall, 2003), 189.

²⁹ Keneth D. Bailey, *Methods of Social Research, Third Edition* (New York: MacMillan, Inc., 1987), 174.

ditemubual adalah tokoh yang menjawat jawatan penting dalam organisasi dakwah atau politik seperti ahli jawatankuasa, setiausaha dan sebagainya.

2. Butiran atau isi kandungan temu bual ini telah di pastikan supaya bersifat menjurus kepada ruang lingkup dan tumpuan kajian.

b. Analisa Data

Apabila semua bahan yang dikehendaki dikumpul melalui semua metode di atas, analisis data akan dilaksanakan. Antara metode analisis yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Metode Induktif-generatif.³⁰

Setiap maklumat yang diperolehi akan terus dinilai untuk mengetahui kekuatannya. Proses pengumpulan dan penilaian data atau maklumat akan terus berlaku secara serentak (generatif) sepanjang kajian. Kejelasan akan semakin bertambah dalam kajian sehingga pada akhir kajian. Semua dokumen rasmi seperti minit mesyuarat, surat-surat rasmi, perjanjian, memorandum, resolusi, fail rasmi, fail sulit, akhbar-akhbar, majalah-majalah dan sebagainya akan dikaji untuk penyelidikan ini.

2. Metode Deduktif-enumeratif.³¹

Pengkaji akan mengenal pasti satu teori yang telah dibentuk oleh mana-mana pihak dan akan digunakan sebagai premis kajian. Pengkaji akan mengagaskan satu teori yang khusus berasaskan pandangan, pengalaman dan hasil kajian lepas.

³⁰ Idris, *Penyelidikan Ilmiah, op. cit.*, 23.

³¹ *Ibid.*

1.8. Kesimpulan

Kajian secara terperinci dan mendalam perlu dibuat agar hasilnya nanti memberi suatu implikasi terhadap tokoh semua pihak termasuk individu yang terlibat terus dengan arus politik negara. Ketika ini persoalan integriti, keadilan, ketelusan, membela nasib rakyat tidak lenggang disuarakan oleh semua pihak. Sosok kesederhanaan tokoh yang dikaji, begitu kaya dengan contoh yang baik sewajarnya di contohi. Sebagai manusia biasa kemungkinan beberapa perkara yang dikira kesilapan tidak pernah menggugat keyakinan banyak pihak terhadap beliau, sehingga dilihat beliau disegani oleh pihak kawan dan lawan. Kepercayaan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan politik pemerintah, sedikit sebanyak berkaitan dengan tokoh pemimpin yang memimpin parti yang terlibat. Maka sewajarnya kajian berkenaan sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik dibuat supaya hasilnya akan dikongsi bersama pelbagai khususnya pihak yang terlibat sebagai pemimpin politik.

BAB 2

KONSEP DAKWAH POLITIK

2.1. Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji akan menumpukan perbahasan teori atau konsep dakwah politik. Konsep dakwah politik ini adalah suatu manifestasi perjuangan dakwah melalui medan politik kenegaraan dan pemerintahan. Maka pengkaji akan membahagikan perbahasan kepada dua fokus utama iaitu tentang pengertian dakwah politik, serta perbahasan kepada asas dakwah politik kepada umat manusia. Perbahasan dakwah politik perlu penelitian kerana perkataan dakwah itu adalah perkataan bahasa Arab, manakala perkataan politik adalah perkataan bahasa Inggeris. Maka pengertian politik itu boleh dikaitkan dengan perkataan bahasa Arab iaitu *siyāsah* atau siasah.³² Dengan itu pengertian dakwah politik boleh di fahami sebagai *dakwah siyāsah* atau dakwah siasah

2.2. Definisi Dakwah

Dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan, iaitu dalam bahasa percakapan membawa erti patuh dan mengikut kepada ajaran agama Islam dengan lebih sempurna sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain.³³ Memandangkan perkataan dakwah merupakan kata serapan bahasa Arab iaitu *dakwah* (دعوة) ke dalam bahasa Melayu, maka takrifan ilmu dakwah boleh

³² Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.), *Kamus Dewan, Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1486.

³³ *Ibid.*, 305.

dihuraikan kepada dua bahagian yang penting iaitu takrifan dakwah dari sudut bahasa dan dari sudut istilah.

2.2.1. Dakwah Dari Sudut Bahasa

Menurut Syeikh Ali Mahfuz, perkataan dakwah membawa erti memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan.³⁴ Perkataan dakwah yang berasal dari bahasa Arab juga berkait rapat dengan perkataan Arab دعا, يدعو, دعوة, دعاية, yang mempunyai pelbagai pengertian seperti berikut:

- i. Dakwah (الدعوة) bermaksud memalingkan manusia kepada kamu dengan bersuara atau bercakap.
- ii. Dakwah (الدعوة) juga bermaksud menjemput makan.
- iii. Dakwah (الدعوة) juga bermaksud merujuk kepada keturunan. Bermula dari sinilah wujud perkataan “داعية اللبن” yang bermaksud susu yang berbaki di dalam pundi susu binatang untuk diambil. Maka terbitlah pula istilah lain iaitu “تداعت الحيطان” yang membawa erti kepingan dinding yang jatuh satu persatu.

³⁴ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn. Bhd., 1996), 1.

- iv. Dakwah (الدعوة) juga bermaksud percubaan berbentuk perkataan dan perbuatan bagi tujuan mencapai matlamat atau pekerjaan.
- v. Dakwah (الدعوة) juga bermaksud agama Islam itu sendiri dan usaha untuk menyebarkannya kepada seluruh manusia yang bertepatan dengan perkataan lain menyeru manusia kepada Islam (دعاية دينية اسلامية).³⁵

Penjelasan tambahan takrifan dakwah dari kamus (مقايس اللغة) bermaksud melaksanakan ikhtiar dan daya usaha, baik dari sudut amalan mahupun perkataan bagi menyeru dan mengajak orang lain kepada Islam atau dalam erti yang lain bahawa seseorang menarik sesuatu kepadanya dengan suara dan percakapan yang terbit dari dirinya.³⁶ Dengan maksud lain, dakwah Islam itu adalah menyeru manusia kepada satu akidah, satu kiblat dengan bersyahadah dan berikrarkan Allah s.w.t sebagai Tuhan yang Esa, Tuhan sekalian langit dan bumi, Tuhan sekalian Timur dan Barat. Dengan itu tidak timbul lagi golongan barat dan golongan timur bertepatan dengan penegasan Allah s.w.t di dalam al-Qur'an,³⁷

إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوَاحِدٌ ﴿١﴾ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
 الْمَشْرِقِ ﴿٢﴾

³⁵ Ramli Bin Endut, *Dakwah: Satu Pengenalan, Koleksi Dakwah 8* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998), 15.

³⁶ Ahmad Ghallusy (Terjemahan Ismail bin Mohd Hasan), *Dakwah Islamiah, Siri 1*, (Kuala Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu (57), 1990), 3.

³⁷ Sidi Gazalba Dan Zainab Ismail, *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini-Dakwah Kepada Non-Muslim: Masalah Dan Cabaran* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, 1995), 71.

Terjemahan: Sumpah demi sumpah, sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah satu. Tuhan yang mencipta serta mentadbirkan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya, dan Tuhan yang mengatur tempat-tempat terbit matahari di Timur.

Berdakwah kepada Allah s.w.t bererti menyeru manusia kepada Allah s.w.t dan mengajak mereka agar beriman dan mematuhi syariatNya. Dengan itu semua rasul merupakan pendakwah dan kepada Nabi Muhammad s.a.w, Allah s.w.t telah berfirman,³⁸

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۗ
 وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Al-Ahzab 33:45-46

Terjemahan: Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufik yang diberiNya dan sebagai lampu yang menerangi.

Berdakwah kepada Allah merupakan suatu tuntutan dan para pendakwah itu akan mendapat kemuliaan dan penghormatan yang tinggi disisi Allah s.w.t,³⁹

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

³⁸ Universiti Al-Azhar Cairo, *Penerangan Untuk Seumum Masyarakat Islam*, terj. Ismail bin Mohd. Hassan (Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 1987), 429.

³⁹ *Ibid.*, 431.

Terjemahan: Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah.

Manakala kepada umat yang meringan-ringankan dan cuai dalam menjalankan urusan dakwah, maka terdapat amaran keras, berdasarkan firman Allah s.w.t,⁴⁰

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ
 مَرْيَمَ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ
 عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Al-Maidah 5:78-79

Terjemahan: Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibnu Maryam, yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan.

Kesimpulannya, daripada semua huraian dan penjelasan yang ada, dapatlah difahami bahawa maksud dakwah itu dari susut bahasa ialah ikhtiar-ikhtiar serta daya usaha yang baik dengan perkataan mahupun perbuatan dengan tujuan untuk mencapai satu-satu tujuan atau matlamat atau pekerjaan. Sebenarnya dalam perkataan-perkataan tersebut terkandung keberatan, kesulitan, kesukaran kerana wujudnya seruan, ajakan, desakan dan ada kelihatan satu usaha dan kegiatan.

⁴⁰ *Ibid.*

2.2.2. Dakwah Dari Sudut Istilah

Dakwah dengan maksud penyebaran dan penyampaian telah menjadi suatu ilmu yang khusus dan berasingan serta mempunyai objektifnya sendiri dengan ciri-ciri dan sasaran-sasarannya sehingga dapat menyaingi seluruh ilmu keislaman yang lain, saling membantu di antara satu sama lain untuk membawa kemajuan dan kejayaan Islam beserta tatacara yang teratur bagi memastikan perkembangannya.⁴¹ Maka apabila dakwah dalam ertikata agama, bermaksud Islam dan ajarannya.⁴² Dalam pengertian yang lebih luas, sebaran suatu ilmu yang meliputi segala usaha yang boleh menyampaikan agama Islam kepada manusia dalam aspek akidah, syariah dan akhlak.⁴³ Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran,

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ^ط وَجَدِّ لَهُم بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ^ط وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Di dalam ayat di atas, ada tiga kalimah atau perkataan yang boleh diberi perhatian khusus untuk mendapatkan kefahaman kaedah dakwah menyampaikan agama Islam,⁴⁴

⁴¹ Ghallusy, *Dakwah Islamiah* 5.

⁴² Ramli, *Dakwah*: 16.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*, 17.

- i. **Al-Hikmah** (الحكمة) bermaksud ilmu yang konkrit, cermat dan teliti. Mengajarnya adalah suatu kesempurnaan ilmu dan keputusan melaluinya adalah kesempurnaan berbentuk praktikal.
- ii. **Mau'izah Al-Hasanah** (موعظة الحسنه) bermaksud bimbingan yang mendekatkan diri pendakwah dengan orang yang ingin didakwahkan. Hal ini mengandungi unsur-unsur stimulasi dan menggerakkan perasaan bertujuan secara jelas untuk member nasihat dan bimbingan.
- iii. **Al-Mujadalah Al-Hasanah** (المجادلة الحسنه) bermaksud pendakwah yang memberikan hujah-hujah untuk menundukan lawan agar mereka mempercayai dengan seruan. Ini membezakan “*mujadalah ahli mantik*” yang bertujuan untuk memenangi sesuatu debat dan bukan untuk mencari kebenaran.

Dakwah dari sudut agama juga dapatlah difahami dengan pengertian seperti berikut:

- i. Dakwah Islamiah bermaksud tunduk dan patuh terhadap Allah s.w.t tanpa syarat. Maka yang dimaksudkan dengan dakwah ialah panggilan ke jalan Allah s.w.t bersesuaian dengan firmanNya,

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحٰنَ اللَّهِ
 وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Yūsuf 12: 108

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia

umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik) dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Maksud ajakan ke jalan Allah s.w.t ialah ke jalan agama Islam, agama yang benar di sisi Allah s..w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk disebarakan kepada semua manusia. Al-Quran menjelaskan,

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْيَا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ

الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Āli Imr ān 3: 19

Terjemahan: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

Dengan itu Islam adalah merupakan objek dakwah dan Rasul itu merupakan unsur dakwah yang pertama. Semenjak Nabi Muhammad s.a.w diangkat sebagai Rasul yang terakhir sehingga akhir hayat, baginda telah diutuskan sebagai pendakwah.⁴⁵ Allah s.w.t berfirman,

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۗ

وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

⁴⁵ *Ibid.*

Terjemahan: Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi.

Rasulullah s.a.w menyampaikan dakwah berdasarkan metode dan melalui media yang telah diwahyukan iaitu al-Quran dan al-Sunah. Dengan itu dakwah mengandungi empat unsur iaitu objek dakwah, jurudakwah, penerima dakwah dan metode atau media.⁴⁶

- ii. Dakwah juga bermaksud Islam merupakan agama yang direndhai oleh Allah s.w.t untuk sekalian alam dan menurunkan ajarannya melalui wahyu kepada Muhammad s.a.w, nabi akhir zaman yang termaktub di dalam al- Quran dan dijelaskan oleh al-Sunah.
- iii. Dakwah juga merupakan suatu sistem peraturan am dan undang-undang yang menyeluruh terhadap setiap urusan hidup manusia yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dari Allah s.w.t. Matlamatnya ialah keredaan Allah s.w.t.
- iv. Agama Islam yang dibawa oleh Muhammad s.a.w itu, merupakan agama yang sama dengan agama yang dibawa oleh para Nabi sebelumnya. Perbezaannya hanyalah dari segi furuknya sahaja. Allah s.w.t berfirman,

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَىٰ

⁴⁶ *Ibid.*

الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۗ اللَّهُ تَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ



Al-Syūrā 42: 13

Terjemahan: Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukumNya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya, berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadaNya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa yang merujuk kembali kepadanya (dengan taat).

2.2.3. Kedudukan Dakwah Dalam Islam

Kedudukan dakwah dalam Islam sangat penting sebagai elemen mengajak manusia kepada akidah yang benar berdasarkan al-Quran dan al-Sunah. Menurut pandangan ilmuan Islam Hasan A. Hudzaibi di dalam kitabnya *al-Islam wad-da'iyah*,⁴⁷

Dakwah Islam adalah dakwah yang meliputi semua persoalan hidup dan kehidupan manusia, mampu mengubah akidah yang sesat (seperti mengubah keyakinan menyembah patung, menyembah sesama manusia) masuk ke lubuk hati manusia untuk menerangi bashirah mereka, mampu memperlihatkan kepadanya yang hak itu hak dan yang batil itu batil serta mampu membawa mereka untuk mengikuti kebenaran itu dan menjauhi kebatilan.

Allah s.w.t. telah memerintahkan RasulNya untuk menyampaikan dakwah Islam dengan sempurna tanpa menghiraukan pujuk rayu atau tentangan daripada mana-mana pihak.⁴⁸

⁴⁷ Husni Adham Jarror, *Pergilah ke Jalan Islam, Sebuah Paket Tentang Metode Gerakan Islam Masa Kini* (Jakarta: Gema Insani Press, 1993), 19.

⁴⁸ Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., 1998), 2.

فَلَعَلَّكَ تَارِكٌ بَعْضَ مَا يُوحَىٰ ۖ وَإِلَيْكَ وَضَائِقٌ بِهِ صَدْرُكَ أَن يَقُولُوا لَوْلَا
 أُنزِلَ عَلَيْهِ كُتُبٌ أَوْ جَاءَ مَعَهُ مَلَكٌ ۖ إِنَّمَا أَنْتَ نَذِيرٌ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 وَكِيلٌ ﴿١٢﴾ أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ ۗ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ ۗ مُفْتَرِيَاتٍ
 وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِن دُونِ اللَّهِ ۖ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٣﴾ فَإِلَّمْ يَسْتَجِيبُوا
 لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أُنزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ وَأَن لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۗ فَهَلْ أَنتُمْ مُسْلِمُونَ



Hūd 11: 12-14

Terjemahan: Jangan-jangan engkau (Wahai Muhammad) tidak menyampaikan sebahagian dari apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit dada untuk menyampaikannya disebabkan orang-orang yang ingkar itu berkata: Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) perbendaharaan (harta benda yang banyak), ataupun datang bersama-sama dengannya malaikat (untuk menolongnya menyiarkan Islam)? kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi amaran kepada orang-orang yang ingkar, dan Allah jualah Pentadbir yang menguruskan tiap-tiap sesuatu (maka berserahlah diri kepadanya). Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu! Katakanlah (Wahai Muhammad): (Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Quran), maka ketahuilah bahawa al-Qur'an itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah setelah (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturannya?

Rasulullah s.a.w dalam melaksanakan ketaatan atas perintah Allah s.w.t. baginda terus melaksanakan dakwahnya dengan tidak memperdulikan cabaran, ugutan,

tohman, pujuk rayu dan sebagainya daripada pihak musuhnya. Baginda tetap bersabar sebagaimana firman Allah s.w.t,

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا
وَمِنْ أَانَائِي اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾

Tahā 20: 130

Terjemahan: Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad) akan apa yang mereka katakan, dan beribadatlh dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya dan beribadatlh pada saat-saat dari waktu malam dan pada sebelah-sebelah siang supaya engkau reda (dengan mendapat sebaik-baik balasan).

Secara keseluruhannya pengajaran daripada ayat-ayat di atas, secara jelas menunjukkan kedudukan menyampaikan dakwah Islam itu suatu kewajiban yang ditegaskan oleh Allah s.w.t.

2.2.4. Wajib Melaksanakan Dakwah

Menurut Mohammad Natsir, Islam merupakan agama risalah untuk manusia keseluruhannya. Maka umat Islam adalah pendukung amanah untuk meneruskan risalah dengan dakwah, baik sebagai umat kepada umat yang lain ataupun selaku perseorangan di tempat manapun mereka berada mengikut kemampuan masing-masing.⁴⁹

⁴⁹ M. Natsir, *Fiqhud-Da'wah, Djejak Risalah Dan Dasar-Dasar Da'wah*, (Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations (I.I.F.S.O), 1980), 105.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Al-'Ashr 103:1-3

Terjemahan: Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

2.2.5. Dakwah Rasulullah S.A.W

Urusan dakwah merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Allah s.w.t telah memberi beberapa garis panduan umum kepada Nabi Muhammad s.a.w dan kepada umatnya.⁵⁰ Garis panduan tersebut dijelaskan dalam al-Quran;

وَلَتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Ali 'Imrān 3: 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Al-Nahl 16: 125

⁵⁰ Abdul Halim El-Muhammady (penyelenggara), *Dinamika Dakwah, Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, (Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd., 1992), 86.

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُم وَلَا تَعْتَدُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Al-Baqarah 2: 190

Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu mencero boh (dengan memulakan peperangan) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencero boh.

الشَّهْرِ الْحَرَامِ وَالْحُرُمَاتِ قِصَاصٌ ۚ فَمَنْ أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا
عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

Al Baqarah 2: 194

Terjemahan: (mencabuli) bulan yang dihormati itu ialah dengan (sebab membalas pencabulan dalam) bulan yang dihormati; dan tiap-tiap perkara yang dihormati itu (jika dicabuli), ada balasannya yang seimbang. Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu; dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.

Semua ayat di atas mengandungi beberapa perkara penting yang ditekankan oleh Allah s.w.t dalam usaha menyampaikan ajaran Islam terhadap umat manusia. Penekanan awal ialah persiapan satu golongan yang benar-benar berusaha untuk menggerakkan dakwah. Ketika menyampaikan dakwah, perlu ada kebijaksanaan dalam aspek isi dan cara supaya dapat menarik pihak yang menerima dakwah. Apabila berhadapan dalam keadaan tertentu, seperti ada pihak yang menggunakan

kekerasan untuk menghalang atau mencerooboh usaha dakwah terutamanya golongan kafir, maka penerusan dakwah juga dilakukan secara kekerasan juga. Walau bagaimanapun, kekerasan yang dimaksudkan hanya sekadar untuk menjaga keselamatan dakwah serta masyarakat Islam dan bukannya untuk mencerooboh.⁵¹

Antara perkara asas yang turut diberi perhatian oleh Rasulullah SAW ialah keyakinan tentang kewujudan alam akhirat dan pembalasan. Ini berdasarkan tujuan kebangkitan Rasulullah s.a.w telah ditegaskan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran,

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

Al-Ahzab 33:45

Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).

Bermula dari itu, Rasulullah s.a.w telah memulakan dakwah baginda berasaskan iman dan takwa dalam setiap peribadi umat ketika itu. Dakwah yang berteraskan pendidikan (tarbiah) dalam berbagai aspek sehingga berjaya melahirkan umat yang terpilih dan unggul (al-safwah al-mukhtarah) di zaman Mekah. Proses tarbiah yang diberi penekanan oleh Rasulullah s.a.w ketika itu ialah aspek pendidikan iman, akal, jiwa dan fizikal. Hasilnya umat di zaman itu semakin mantap walau pun jumlah mereka yang sedikit.⁵²

⁵¹ *Ibid.*, 88.

⁵² Roslan bin Mohamed, "Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah: Suatu Tinjauan," Jurnal Yadim, Bilangan Kedua (November 2001), 104.

2.2.6. Metodologi Dakwah

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.⁵³ Maka pengertian metodologi dakwah ialah bagaimana kaedah dan prinsip dalam kegiatan dakwah Islam. Menurut Ahmad Ghallusy⁵⁴ berdasarkan al-Quran dan adalah perlu berdasarkan corak manusia yang berbagai dengan unsur-unsur keberkesanan yang berbeza di kalangan mereka. Beliau membahagikan lapan fasal ke arah pelaksanaan atau kaedah dalam penyampaian dakwah iaitu,⁵⁵

- i. Pandangan-pandangan yang umum untuk melaksanakannya.
- ii. Pengkajian kisah di dalam al-Quran.
- iii. Pengkajian gaya bahasa sumpahan.
- iv. Pengkajian terhadap perumpamaan di dalam al-Quran.
- v. Pengkajian terhadap perbahasan di dalam al-Quran.
- vi. Pengkajian Sunah nabawi.
- vii. Cara-cara pelaksanaan.
- viii. Sikap pendakwah.

2.3. Definisi Politik

Penggunaan perkataan politik adalah merupakan kata serapan bahasa Inggeris iaitu *Politics*.⁵⁶ Perkataan *politics* berasal daripada perkataan Greek iaitu *city-state*

⁵³ Kamus Dewan, 1030.

⁵⁴ Ahmad Ghallusy, *Dakwah Islamiah*, terj. Ismail Bin Mohd Hasan Siri 2.Siri (Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, 1990), siri 2, 138.

⁵⁵ *Ibid.*, 137.

⁵⁶ Khairiah Salwa Mokhtar & Mahmud Sabri Haron, *Istilah Pentadbiran Awam dan Politik*, (Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2002), 100.

(*polis*).⁵⁷ Maksud *city-state* (dahulunya) negara bebas yang terdiri dari bandar raya dan kawasan di sekelilingnya.⁵⁸ Ahli falsafah barat iaitu Aristotle, mempunyai pandangan yang lebih luas berkenaan *politics* seperti berikut,

.....dan Aristotle (384-322 B.C) bermula dengan (maksud) politik yang terkenal berdasarkan pemerhatiannya bahawa manusia (*man*) itu secara semulajadinya adalah binatang politik (*political animal*). Berdasarkan pandangan itu, beliau berpandangan bahawa kewujudan hubungan sosial itu adalah politik dan perhubungan di antara dua orang manusia atau lebih adalah merupakan suatu penglibatan di dalam perhubungan politik. Aristotle juga menyatakan juga semua itu adalah semulajadi dan tidak dapat dielak kecenderungan ini di kalangan manusia. Manakala manusia yang lebih suka untuk mengasingkan diri juga termasuk sebagai sahabat kepada hubungan sosial yang ada.⁵⁹

Aristotle melengkapkan pandangannya tentang *politics* dengan nilai-nilai etika (*ethics*),

Beliau berpandangan bahawa untuk menikmati hidup yang baik, seseorang itu perlu memastikan dirinya terlibat dengan komuniti (*political community*). Hanya di *city state* atau negara bebas sahaja yang akan menyediakan peluang kepada orang ramai untuk mengawal rasional, moral dan potensi manusia. Dengan penegasan ini, secara jelas Aristotle telah menunjukkan sikap atau tingkahlaku orang Greek.⁶⁰

Secara ringkasnya, *politics* atau politik secara umumnya dimaksudkan sebagai,⁶¹

- i. Kerajaan yang berkaitan dengan masyarakat awam (*civil government*), negara dan perhubungan awam.
- ii. Berkenaan dengan konflik dan penyelesaian.

⁵⁷ Carlton Clymer Rodee et.al, *Introduction To Political Science, Fourth Edition*, (Singapore: McGraw, Hill, Inc., 1983), 2.

⁵⁸ A S Hornby (Penterjemah dan Editor Umum Asmah Haji Omar), *Oxford Fajar, Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 2000), 299.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Perry, Chase et.al, *Western Civilization, Ideas, Politics & Society, Seventh Edition*, (New York: Houghton Mifflin Company, 2004), 88.

⁶¹ Ian McLean And Alistair McMillan, *Concise Dictionary Of Politics, New Edition*, (New York: Oxford University Press, 2003), 422-423.

- iii. Berkenaan dengan punca kekuasaan dan bagaiman menggunakan kuasa yang ada.

Perkataan *politics* juga bermaksud;⁶²

- i. Berkenaan tindakan dan semua aktiviti yang berkaitan dengan cara memperolehi dan menggunakan kuasa di dalam negara dan masyarakat.
- ii. Kepercayaan seseorang bagaimana memerintah negara.
- iii. Kajian bagaimana perjalanan atau pemerintah sesebuah negara.
- iv. Berkenaan perkongsian kuasa di dalam organisasi dan bagaimana perhubungan di kalangan individu atau manusia yang terlibat memberi kesan.

Manakala merujuk kamus umum bahasa Indonesia, karangan W.J.S Poerwadarta, politik dimaksudkan sebagai pengetahuan mengenai ketatanegaraan, seperti tatacara pemerintahan, dasar-dasar pemerintahan dan sebagainya. Ini juga dikaitkan dengan segala urusan dan tindakan kebijaksanaan pemerintah sesuatu negara terhadap negara lain.⁶³ Sebagai suatu sistem, politik adalah suatu konsep yang mengandungi ketentuan-ketentuan tentang siapa sumber kekuasaan negara, siapa pelaksana kekuasaan tersebut, apa dasar dan bagaimana cara untuk menentukan serta kepada siapa kekuasaan itu diberikan dan bagaimana bentuk tanggungjawabnya.⁶⁴

⁶² John Sinclair et.al, *Collins Cobuild, Learner's Dictionary*, (London: Harper Collins Publishers Ltd., 1999), 843.

⁶³ H.Abuddin Nata, M A, *Metodologi Studi Islam*, (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2000), 268.

⁶⁴ *Ibid.*

2.3.1. Politik Dalam Perspektif Islam

Perkataan politik biasanya diwakili dalam bahasa Arab iaitu *al-siyāsah* (السياسة) dan perkataan *al-daulah* (الدولة).⁶⁵ Perkataan *al-siyāsah* juga berasal dari kata *sasa* yang bermaksud mengatur, mengurus dan memerintah atau pemerintahan, politik dan kebijaksanaan.⁶⁶ Pengertian ini memberi isyarat bahawa tujuan *siyāsah* adalah untuk mengatur, mengurus dan membuat kebijaksanaan atas sesuatu yang bersifat politik untuk mencapai sesuatu. Secara terminologi, *al-siyāsah* merupakan suatu pengaturan perundangan yang diciptakan untuk memelihara ketertiban dan kemaslahatan serta untuk mengatur keadaan.⁶⁷

Manakala Yūsuf al-Qarḍawī turut menghuraikan kata *al-siyāsah* (politik) dalam bahasa Arab daripada kata *saas yasuus siyāsah* (سأس يسوس سياسة) yang bermaksud mengatur atau memimpin. Dinyatakan bahawa kata *saas addabbah au al-fars* yang bermaksud binatang atau kuda mengatur urusan termasuk mencari sendiri makanan, minuman, berlatih dan juga membersihkan dirinya sendiri. Maka berdasarkan makna yang ada, beliau mengaitkan atau mengungkapkannya politik manusia.⁶⁸ Maka apabila telah menjadi kebiasaan yang digunakan manusia, penggunaannya berkembang menjadi politik manusia dan usaha mereka dalam mengatur segala

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Drs. Muhammad Iqbal, M. Ag, *Fiqh Siyāsah, Kontekstualisasi Doktrin Politik Islam*, (Jakarta: Gaya Media Pertama, 2001), 3.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Yūsuf al-Qarḍawī, *Ad-dīn wa Al-Siyāsah* (Al-Qahīrah: Darul Shurūk, 2006), 27.

urusannya.⁶⁹ Secara keseluruhannya, pandangan Yūsuf al-Qarḍawī dalam maksud *al-siyāsah* atau politik itu bermaksud suatu disiplin ilmu berkenaan organisasi sosial kemasyarakatan dan juga segala aktiviti manusia yang berkaitan dengan penyelesaian pelbagai konflik serta menciptakan keamanan bagi seluruh manusia.

2.3.2. Kepentingan Islam Dalam Politik

Agama Islam yang disyariatkan oleh Allah s.w.t., tidak ada memisahkan satu aspek pun dalam kehidupan manusia kerana agama Islam itu bersifat komprehensif atau sempurna (*syumul*) merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Memandangkan aspek politik hari ini berkaitan langsung dengan kuasa mengurus negara, kepimpinan dan soal amanah maka sudah tentu aspek ini tidak boleh diabaikan. Malah suatu kesilapan besar jika ada pihak yang meremehkan dan menolak hal berkenaan. Sesungguhnya Allah s.w.t berfirman,

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ^ط وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا
عَلَى هَؤُلَاءِ^ع وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبَيِّنًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً
وُشْرَى^ب لِلْمُسْلِمِينَ

Al-Nahl 16: 89.

Terjemahan: Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (Wahai Muhammad) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu) dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam.

⁶⁹ *Ibid.*

Agama Islam apabila dimasukkan ke dalam dunia politik, akan menyuntik pengaruh positif yang akan mendorong kepada kebaikan dan jalan kebenaran selari dengan tuntutan al-Quran. Ini sekaligus akan mengelak dan menentang sebarang bentuk kezaliman seperti penindasan, penipuan, fitnah dan sebagainya. Politik yang diserapi agama yang benar iaitu Islam, akan berusaha keras mencapai tujuan manusia yang paling penting iaitu mengagungkan Allah s.w.t, menuruti al-sunnah Rasulullah s.a.w. yang matlamat akhirnya untuk mencari keberkatan hidup di dunia serta keredaan Allah di akhirat kelak. Politik yang didasari oleh agama iaitu Islam juga akan membela umat yang lemah, memantau dan menentang kezaliman. Inilah yang diperjuangkan oleh Rasulullah s.a.w. sesuai dengan sabdanya,

انصر أحاك ظالما أو مظلوما. قالوا: يا رسول الله، ننصره مظلوما، فكيف
ننصره ظالما؟ قال: تمتنعهم الظلم، فذلك نصره.⁷⁰

Tolonglah saudaramu, sama ada yang berbuat zalim atau dizalimi. Maka seorang sahabat bertanya, wahai Rasulullah, kami akan menolong saudara kami yang dizalimi, tetapi bagaimana kami perlu membantu saudara kami yang berbuat zalim? Rasulullah SAW bersabda, cegahlah dia supaya tidak melakukan kezaliman lagi, itulah pertolongan baginya.

Menurut Yūsuf al-Qarḍawī, perbuatan yang memisahkan agama daripada politik merupakan tindakan sesat berdasarkan pandangan seorang ulama besar, Syeikh Muhammad al-Khidir Husain yang merupakan syeikh Azhar. Syeikh Muhammad al-Khidir menegaskan bahawa memisahkan agama daripada politik adalah sama dengan menghancurkan sebahagian besar hakikat agama. Beliau menggunakan istilah *ḍalālah* (kesesatan) dan terdapat banyak dalil yang menguatkan

⁷⁰ Hadith riwayat Al-Bukhari, Kitab al-Mazālim wa al-Ghaḍab, Bab A‘in Akhāka Zālimān Au Mazlūmān, no. Hadith 2444. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ (Al-Qaḥīrah: al-Maṭba‘ah al-Salfīyyah, 1403H), Jld. 2, 190.

pandangannya bahawa di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t menyarankan agar mempraktikkan urusan agama dalam interaksi sosial dan politik.⁷¹ Allah s.w.t berfirman,

أَفْحَكَمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ^ع وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Al-Maidah 5: 50

Terjemahan: Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? Padahal kepada orang-orang yang penuh keyakinan tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih pada daripada Allah.

2.3.3. Sumber Sistem Politik Dalam Islam

Dalam menghuraikan sistem politik dalam Islam, rujukan yang sangat penting ialah al-Quran, al-Sunah, sejarah dan apa yang berkaitan.

i. Dalil daripada al-Quran dan al-Sunah

Sumber utama untuk mempraktikkan sistem politik dalam Islam ialah al-Quran dan al-Sunah. Apabila maksud politik dengan nyatanya mengaitkan soal amanah kepimpinan dan soal kenegaraan, al-Quran menerangkan secara jelas dalam banyak ayat.⁷²

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾ ﴿٥٨﴾
يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَإِن

⁷¹ Yūsuf al-Qarḍawī, *Ad-dī*, 85.

⁷² Yūsuf al-Qarḍawī, *Min Fiqh Al-Daulah fī Al-Islam Makanatuha, Ma'alimuha, Ṭabī'atuha, Mauqifuha min Al-Dimoqrathiyah wa Al-Ta'dudiyah wa al-Marah Wa Ghairu Al-Muslimīn*, (Al-Qahīrah: Darul Shurūk, 1999), 10.

تَنْزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
 ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٨﴾

Al-Nisā 4: 58-59

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat. Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (al-Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Yūsuf al-Qarḍawī menegaskan bahawa ayat berkenaan ditujukan kepada para pemimpin dan pihak penguasa supaya tetap menjaga amanah serta menegakkan kekuasaan secara adil. Apabila amanah dan keadilan diabaikan, maka kesannya ialah keruntuhan satu-satu bangsa dan negara.⁷³ Dalam sebuah hadis sahih, Rasulullah s.a.w. menegaskan soal amanah dan kesan yang sangat berat apabila soal amanah itu dipikul oleh pihak yang tidak sepatutnya,

إذا ضيعت الأمانة فانتظروا الساعة, قيل: وكيف إضاعتها؟ قل: إذا وسد الأمر
 إلى غير أهله فانتظر الساعة.⁷⁴

Jika amanah dihilangkan, maka tunggulah saat kehancurannya. Sahabat bertanya, bagaimanakah amanah boleh dihilangkan?

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ *Hadis riwayat al-Bukhari*

Rasulullah s.a.w. menjawab; Jika satu perkara diserahkan kepada orang yang bukan ahli, maka tunggulah kehancurannya.

ii. Dalil Daripada Sejarah Islam

Rasulullah s.a.w. berjuang sepenuh tenaga dan fikirannya untuk mendirikan negara Islam melalui usaha dakwah yang penuh dengan kesabaran. Negara yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. adalah berasaskan syariat Allah s.w.t. dan baginda menyeru semua kabilah Arab beriman kepada Allah dan RasulNya. Rasulullah s.a.w. mengingatkan umatnya bahawa fenomena akhir zaman yang membawa pemikiran atau konsep pemisahan antara agama dan negara dan memerintahkan umat Islam agar bangun menentanginya.⁷⁵ Penentuan untuk mengangkat kepimpinan atau ketua negara sangat penting kerana pemimpin atau ketua negara itu diibaratkan sebagai pengganti fungsi kenabian dalam menjaga agama dan mengatur dunia. Maka penentuan pemimpin atau ketua negara adalah wajib menurut ijma.⁷⁶ Menurut Ibnu Taimiyah, jika pemimpin rosak, nescaya rakyat yang dipimpinnya juga akan rosak. Faktor inilah yang menyebabkan keadulatan negara dan kehormatan umat Islam akan hilang serta mendorong musuh Islam menyerang umat Islam.⁷⁷

iii. Dalil Daripada Ijmak Para Sahabat dan Khulafa' al-Rasyidin

Ijmak atau persepakatan ahli mujtahid di kalangan para sahabat terutamanya khulafa' al-Rasyidin merupakan sumber utama dalam aspek sumber politik dalam

⁷⁵ Yūsuf al-Qarḍawī, *Min Fiqh Al-Daulah*, 16-17.

⁷⁶ Al-Mawardī. *Al-Ahkam Al-Şultaniah wa Al-Wilayah Al-Dīnīyah*, (Al-Qahīrah: Maktabah Al-Tawfiqīah), 15.

⁷⁷ IbnuTaimiyah (Rofi'Munawwar pent.), *Peradaban Politik Islam*, (Surabaya: Albaz Publishing & Distribution Sdn. Bhd., 1997), viii.

Islam. Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Irbid bin Sariah yang bermaksud,

Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk selepasku. Peganglah ia sekuat-kuatnya.⁷⁸

iv. Bersumberkan Ijtihad

Ijtihad bermaksud suatu usaha pengkajian dalil-dalil syarak untuk mengeluarkan hukum syarak mengenai perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa yang tidak mempunyai nas dan ijmak mengenainya.⁷⁹

2.4. Konsep Dakwah Politik

Dakwah politik merupakan suatu konsep yang menggabungkan pengertian menyeluruh dakwah dan politik. Konsep dakwah politik lebih menumpukan soal perjuangan menegakkan Islam dalam konteks politik yang melibatkan pemahaman politik sekularisme. Apabila politik tidak terpisah dan merupakan sebahagian daripada agama,⁸⁰ maka konsep dakwah politik adalah merupakan sebahagian misi penting dalam penyebaran risalah agama Islam sendiri. Allah s.w.t berfirman;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا

يَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾

Al-Sabā' 34: 28

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya,

⁷⁸ Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy (Mat Taib Pa et.al pent.), *Sistem Politik Islam, menurut al-Qur'an, Sunnah dan Pendapat Ulama Salaf*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., 2008), 28-29.

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ Yūsuf al-Qarḍawī, *Min Fiqh Al-Daulah*.

sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

Maka gerakan dakwah tidak harus meninggalkan medan politik seperti yang diungkapkan oleh Anwar Harjono,⁸¹ bahawa gerakan dakwah itu laksana air yang mengalir. Aktiviti dakwah tidak boleh dan tidak pernah berhenti, seumpama air yang tidak pernah berhenti untuk mencari tempat ia mengalir. Tambahnya lagi, sekiranya air dibendung, maka air akan menjadi wap seterusnya menjadi awan, dan akan turun menjadi hujan di suatu tempat. Di tengah-tengah apa juga situasi dan keadaan, gerakan dakwah akan terus berjalan seumpama air. Maka menurut Hussein Umar,⁸²

Di tengah situasi politik internasional pasca 11 September 2001 seperti itu, maka gerakan-gerakan dakwah dituntut untuk melakukan berbagai aktiviti yang cerdik dan istiqomah.

2.4.1. Maksud Politik Dakwah

Ada kemungkinan timbul persoalan, kenapa tidak dibincangkan sebagai politik dakwah atau " *سِيَّاسَةُ الدَّعْوَةِ* ". Hujahnya ialah, makna bahasa dari perkataan politik dakwah atau " *سِيَّاسَةُ الدَّعْوَةِ* " banyak menitikberatkan kepada objek politik semata-mata. Ini tidak ada sunahnya di dalam ajaran Islam. Adapun meletakkan dakwah sebagai keutamaan, adalah sunah yang tidak boleh dipertikaikan lagi kebenarannya. Sebenarnya perkataan politik dakwah lebih bermaksud strategi di dalam berdakwah. Apabila dikatakan strategi dalam berdakwah maka skop perbincangannya lebih

⁸¹ Hussein Umar, "Fiqh Al-Dakwah: Peranan Gerakan Dakwah Pasca 11 September" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Memperkasa Gerakan Dakwah di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, 8 Jun 2002), 5.

⁸² *Ibid.*

kecil dari yang diinginkan iaitu dakwah. Sedangkan perkataan dakwah sebenarnya lebih luas serta merangkumi pelbagai elemen yang mendukung perjalanan dakwah itu sendiri dan menitikberatkan kesyumuluan atau kesempurnaan dakwah itu sendiri. Sekiranya perkataan yang lain digunakan seperti "الدَّعْوَةُ لِلْسِّيَاسَةِ" adalah lebih mengelirukan dan menjejaskan nilai murni dakwah itu sendiri kerana ia lebih bermaksud dakwah untuk politik. Maka hilanglah nilai keikhlasan di dalam tajuk seumpama ini.

2.4.2. Maksud Dakwah Politik

Manakala konsep dakwah politik perlu diperhalusi dan dibincangkan dalam istilah bahasa arab dan yang paling tepat iaitu "الدَّعْوَةُ السِّيَاسِيَّةُ".⁸³ Maksud perkataan dakwah politik atau "الدَّعْوَةُ السِّيَاسِيَّةُ" ialah dakwah yang bersifat politik atau dengan maksud lain ialah dakwah Islam dalam kancah politik. Maksud ini mempunyai pertautan yang sangat jelas dengan pemikiran tokoh M. Natsir iaitu berdakwah di jalur politik, yang membuat suatu tindakan, iaitu penglibatan dengan aktiviti politik hanya bertujuan untuk membela Islam dan menegakkan Islam berasaskan *amar ma'ruf nahi mungkar* (mengajak membuat kebaikan serta mencegah kemungkaran). Ini terbukti apabila beliau melibatkan diri secara langsung dalam politik praktis. Ini merupakan suatu gambaran yang cukup jelas bahawa umat Islam wajib berpolitik sebagai saranan dakwah Islam.

⁸³ Gema Hadi Shah Putra (Guru Bahasa Arab di Maahad Al-Ummah, Chemor Perak dan Pensyarah Sambilan Kolej Darul Hikmah, Cawangan Perak) dalam temu bual dengan penulis, 24 Disember 2012.

M. Natsir dalam karyanya yang bertajuk *Agama dan Politik, Capita Selecta II, Umat Islam* tidak mungkin dapat melepaskan diri dari politik. Apabila telah terlibat dengan politik, umat Islam tidak mungkin pula dapat melepaskan diri dengan fikrah Islam. Maka apabila keyakinan membela dan menegakkan Islam itu ada, sudah tentu ia pula tidak akan dapat dipisahkan dengan dari menegakkan masyarakat, menegakkan negara, dan menegakkan kemerdekaan.⁸⁴ Definisi dakwah politik boleh diperhalusi dengan huraian seperti berikut:

- i. Berjihad atau berusaha bersungguh-sungguh untuk menyampaikan dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam urusan kenegaraan seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunah. Misalnya, tanggungjawab menegakkan kebenaran dan keadilan di dalam politik merupakan suatu keawajiban yang perlu dilaksanakan oleh seluruh umat Islam.
- ii. Apabila umat Islam melaksanakan proses dakwah di jalur politik, maka dia perlu mengambil pendekatan dakwah yang bersifat politik.

Pemikiran dan tindakan M. Natsir sebagai pendakwah yang terjun ke arena politik praktikal, yang dikatakan sebagai tindakan berdakwah di jalur politik itu adalah merupakan asas kepada konsep dakwah politik. Ia merupakan saranan yang relevan yang tidak boleh dikesampingkan.

Menurut pandangan Mujar Ibn Syarif,⁸⁵ dakwah politik merujuk kepada orang yang berdakwah dalam medan politik. Dakwah politik merupakan integrasi agama dan politik dimana politik yang dimasukkan misi dakwah Islamiyah. Pada suatu

⁸⁴ Thohir Luth, *M. Natsir, Dakwah dan Pemikirannya*, (Jakarta: Gema Insani Press, 1999), 85.

⁸⁵ KH.Mujar Ibnu Syarif (Pendiri Pondok Pesantren Darussiyasah, Dosen Fakultas Syari'ah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta dan pensyarah pelawat di Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 13 Disember 2010.

ketika, dakwah yang tidak ada sokongan politik, kadang kala tidak berhasil. Dakwah yang sudah disokong oleh politik maka keupayaan dan langkah-langkah untuk berdakwah mudah diperolehi. Beliau juga bersetuju bahawa pemikiran M.Natsir menjadi asas dalam dakwah politik yang mempunyai integrasi Islam dan politik. Dakwah politik akhirnya menjadi simbol kepatuhan kepada ajaran agama. Ahli politik yang berkuasa seperti ketua atau presiden sebuah negara agak mudah untuk mengimplimentasikan tuntutan agama selari dengan ajaran agama dan menjauhi unsur-unsur kemungkaran seperti rasuah, ketidakadilan, salah guna kuasa dan sebagainya berbanding seseorang yang menyampaikan dakwah dalam lingkungan di tempat-tempat seperti di masjid-masjid atau di surau-surau.

Sebenarnya konsep dakwah politik ini merupakan suatu praktikal yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW . Baginda menggabungkan kuasa agama dan kuasa politik ketika baginda berada di Madinah apabila disamping sebagai nabi dan Rasul, pada waktu yang sama sebagai ketua negara. Dakwah Islam berjaya dilaksanakan kerana nabi Muhammad mengepalai urusan politik dan pentadbiran negara. Rasulullah bijak mencatur strategi dakwahnya, kerana tanpa kuasa politik, dakwah untuk melaksanakan Islam tentunya sukar. Politik dakwah menggunakan cara-cara politik untuk keberhasilan dakwah.

Menurut Atabik Luthfi dakwah politik merupakan istilah kontemporeri selari dengan perkembangan dakwah yang sudah memasuki dunia politik, sama ada di tingkat parlimen, mahupun di tingkat eksekutif. Istilah dakwah politik perlu sentiasa difahamkan kepada umat, kerana masih ramai yang mempersoalkan dan menafikan kebenaran dakwah politik. Dakwah Politik merupakan dua kata yang

tidak saling bercanggah. Dakwah sebagai intinya, iaitu mengajak manusia menjalankan syariat Islam, sedangkan politik pada istilah ini merupakan objek atau sasaran dakwah Islam. Apatah lagi dengan berbagai isu semasa di dunia Islam, seperti di Libya, Mesir, Syria, Tunisia dan sebagainya, maka dakwah politik menjadi suatu kemestian. Kini Islam dan umatnya semakin diperhitungkan dalam kancas politik internasional. Beliau menegaskan lagi bahawa Sayidina Utsman bin Affan pernah menegaskan pentingnya dakwah politik yang mafhumnya, banyak persoalan yang tidak dapat diselesaikan dengan Al-Qur'ān, tetapi ia dapat diselesaikan dengan kekuasaan.⁸⁶

Ammar Fadzil Mohd. Noor bersetuju dengan istilah dakwah politik, dan perlunya istilah ini diketengahkan untuk membuka minda rakyat dan pembaca bahawa politik dan dakwah tidak boleh dipisahkan. Selalunya orang melihat dakwah tertumpu kepada aktiviti masyarakat, dakwah di masjid, dakwah kepada pembentukan rohani tetapi politik telah dipisahkan dari dakwah. Menurut beliau pandangan tersebut adalah tidak tepat, kerana nabi itu seorang pendakwah dan juga terlibat dengan politik. Bila kita bercakap tentang politik, politik itu adalah sifat kepada dakwah itu dan dakwah politik itu adalah bentuk baru yang boleh memberi kefahaman baru kepada masyarakat agar orang memahami dakwah dalam konteks yang lebih luas dan politik itu adalah perkara yang perlu dititik beratkan oleh badan-badan dakwah, kerana sesuatu organisasi itu tidak boleh pergi jauh tanpa kuasa politik. Tanpa kuasa seperti persatuan pelajar tidak akan mampu membuat perubahan. Dakwah politik ini boleh disokong oleh mana-mana badan dakwah. Orang awam patut

⁸⁶ Atabik Luthfi (Pengurus Pusat Ikatan Dai Indonesia) dalam temu bual (melalui telefon dan email) dengan penulis dengan penulis, 27 Disember 2011.

memahami bahawa politik bukan suatu perkara yang kotor, tetapi orang yang terlibat itu yang mengkotorkan politik. Politik itu suatu perkara yang penting sama penting dengan ilmu-ilmu yang lain. Maka pendokong dakwah tidak harus lari dari politik. Bila dilihat istilah dakwah dan politik di asingkan, seperti nampak seperti ada jurang antara keduanya itu.⁸⁷

Apa bezanya dakwah kerohanian, pada hal dakwah politik ini lebih luas lagi, kerana bila ia berjaya badan-badan dakwah yang lain akan selamat juga. Kita perlu berani membuat pembaharuan dalam istilah-istilah. Agama itu juga suatu politik, dakwah itu sebahagian daripada agama. Apabila kita bersempang isu keadilan di masjid tanpa terlibat dengan politik itu hanya berlaku teori sahaja.

Md. Hashim Yahaya berpandangan bahawa medan untuk berdakwah adalah luas misalnya medan pendidikan termasuk medan politik⁸⁸. Maka beliau bersetuju dan memperkukuhkan pandangan Dr. Mujar berkenaan maksud dakwah politik, dengan menyatakan bahawa politik perlu dijadikan medan dakwah. Dakwah politik itu merupakan suatu usaha untuk merealisasikan tuntutan, arahan, perintah dan tegahan agama yang kesannya yang cukup besar. Bercakap soal politik, ia menjurus kepada mendapatkan kuasa yang bukannya untuk kesenangan, keuntungan dari sudut harta, wang ringgit, hidup mewah dan semua yang berkepentingan peribadi. Da'i yang berada di kancah politik, berusaha untuk memperolehi kuasa politik dan ketika berkuasa itu, sewajarnya direalisasikan dakwah politik iaitu berusaha untuk menegakkan perintah dan larangan Allah s.w.t. dan RasulNya.

⁸⁷ Ammar bin Fadzil Mohd. Noor (Anak kedua almarhum Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor, Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.

⁸⁸ Md. Hashim bin Haji Yahaya (Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Dekan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 19 April 2011.

Beliau turut menegur sesetengah pihak yang yang gagal merealisasikan dakwah politik, sama ada yang orang Islam yang telah berkuasa yang jauh sama sekali tidak mahu menegakkan syariat mahu pun pihak yang berada dalam wadah politik Islam tetapi gagal menampilkan akhlak serta *qudwah hasanah* (ikutan yang baik) kepada orang lain. Sesiapa yang berada dalam kelompok ini, beliau dengan yakin menyebut kedudukan mereka tidak akan lama dan pasti akan diganti oleh Allah s.w.t.. Sambil memberi contoh kewibawaan tokoh Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat yang kekal berkuasa dalam tempoh yang agak lama sebagai Menteri Besar Negeri Kelantan dan tokoh dakwah politik didalam persada politik negara. Antara sebab sesetengah pihak yang gagal serta tidak *istiqamah* (konsisten) dalam kerja dakwahnya ialah bergantung dengan niat seseorang di peringkat awal penglibatan dalam perjuangan dakwahnya berdasarkan pesanan Rasulullah s.a.w,⁸⁹

الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِيَ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِيَ هِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ . مُتَّفَقٌ عَلَى صِحَّتِهِ

Sesungguhnya setiap amal itu berdasarkan niat, dan sesungguhnya bagi setiap perkara berdasarkan apa yang diniatkan, maka barangsiapa yang berhijrah kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya adalah kerana Allah dan RasulNya, dan barang siapa yang berhijrah kerana memperolehi dunia atau perempuan yang ingin dinikahnya maka hijrahnya apa yang diniatkan.

⁸⁹ Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al- Īmān, Bab Innamā al-A‘māl bi al-Niat wa al-Hisbah, no. Hadith 54. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ (Al-Qahīrah: al-Maṭba‘ah al-Salfiyyah, 1403H), Jld. 1, 35.

Bagi Sheikh Ghazali Abdul Rahman dakwah itu besar pengertiannya dan merangkumi berbagai bidang termasuklah politik atau siyasah. Beliau menegaskan apabila soal pemerintahan disentuh dalam kehidupan ini, maka sudah termasuk di dalam aktiviti berpolitik dan tujuannya adalah untuk mendapatkan kuasa. Maka politik yang berteraskan dakwah ini akan menunjukkan nilai akhlak yang mulia seperti bercakap hanya dalam soal kebaikan yang dianjurkan oleh Islam, dan yang lebih utama ialah menghormati sesama manusia tanpa melakukan kezaliman dalam semua aspek kehidupan.

Sekiranya istilah dakwah politik atau dakwah siyasah itu ingin digunakan, beliau berpandangan di antara kalimah dakwah dan politik itu ada perkara lain seperti kalam baligh dalam ilmu balaghah.⁹⁰

Bagi saya dakwah itu besar, dakwah ini mengajak kepada kebaikan. Jadi dakwah ini merangkumi dalam berbagai-bagai bidang, dalam kehidupan, ibadah, ekonomi, perundangan dan dengan siyasah semuanya di bawah dakwah. Ertinya bila kita berdakwah, kita bercakap soal-soal pemerintahan ertinya kita berpolitiklah itu. Sebab bila kita berpolitik atau siyasah, tujuannya untuk mendapatkan kuasa. Jadi bila kita berdakwah untuk mendapatkan kuasa disitu ada politik. Dan selagi kita berpegang kepada politik yang berteraskan dakwah, dia tidak akan 'hentam' orang, dia akan bercakap mengenai kebaikan, ada integriti, dalam penyampaian kita, dalam tindakan kita, untuk kita sampai kepada matlamat iaitu kuasa. Sekiranya penggunaan istilah dakwah politik atau siyasah digunakan, di antara dakwah siyasah itu ada perkara lain. Maknanya jika mengaji ilmu balaghah, misalnya kita kata kalam baligh, maknanya disitu ada beberapa perkara yang kita tidak sebut. Jika itu maknanya ya. Makna kita tidak kecilkan dakwah, kerana dakwah itu besar.⁹¹

⁹⁰ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman (Mantan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan menyandang beberapa jawatan penting), dalam temu bual dengan penulis, 30 Jun 2011.

⁹¹ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, *Ibid*.

Jamilah binti Ibrahim bersetuju dengan kalimah dakwah politik kerana metodologi ilmiah, ia memerlukan suatu perubahan baru. Beliau berpandangan pemikiran umat Islam di mana-mana negara Islam ada menjalankan usaha dakwah kerana ia merupakan suatu kefarduan. Tetapi sekiranya dakwah sahaja tanpa melibatkan politik, ia menjadi sesuatu perkara yang tidak lengkap. Dakwah dan politik itu perlu seimbang dan seiring. Maka umat Islam atau pendakwah harus berperanan dan memahami bahawa dakwah tanpa politik tidak membawa erti yang luas, tetapi dakwah bersama dengan politik adalah suatu pengurusan, sehinggalah kepada pengurusan negara, kita memerlukan dakwah dan politik untuk menyusun negara agar lebih berkesan dan bersistematik. Beliau memberi contoh pendakwah dan juga ahli politik seperti Muna Haddad Yakan, bekas aktiivs politik lubanan dan suaminya Fathi Yakan. Maknanya wanita-wanita yang terlibat sebagai aktivis politik di negara Timur Tengah lebih awal lagi mengenali dakwah dan melibatkan diri dalam politik pada waktu yang sama.⁹²

Bagi pandangan Zawawi bin Ahmad, dakwah politik itu berlandaskan kefahamannya berdasarkan amanat al- Quran,

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Ali 'Imrān 3: 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang

⁹² Jamilah binti Ibrahim (Mantan Senator dan Ketua Muslimat PAS Pusat) dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.

daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Umat Islam mesti ada memegang kuasa politik untuk melaksanakan *amar ma'ruf nahi mungkar*. Politik PAS menuju *amar ma'ruf*, kerana peranan dakwah untuk menyedarkan masyarakat dan dakwah tanpa kuasa politik tidak akan ke mana. Mengambil contoh seperti di Palestin, umat Islam di sana terlibat di dalam peperangan dengan Israel untuk mendapat kuasa politik. Manakala di Malaysia umat Islam di sini tidak perlu berperang untuk mendapatkan kuasa politik, kerana di Malaysia pemerintahannya berasaskan demokrasi berparlimen, maka untuk mendapatkan kuasa, umat Islam perlu menyertai pilihan raya melalui politik. Pada waktu yang sama dakwah politik dilaksanakan. Dakwah dan politik tidak boleh dipisahkan. Apabila umat Islam mahu melaksanakan undang-undang Islam atau hudud, terlebih dahulu perlembagaan perlu diubah, maka untuk mengubah perlembagaan, umat Islam perlu menguasai parlimen terlebih dahulu.⁹³

Menurut Anwar Ibrahim, beliau memahami dakwah dalam konteks istilah M. Natsir dalam bukunya *Fiqhud Da'wah*, ialah dakwah itu merupakan komitmen yang menyeluruh, berdasarkan iktikad dan kefahaman yang jelas. Maka itulah perkejaan terbaik yang ditetapkan oleh al-Quran:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ

الْمُسْلِمِينَ

⁹³ Zawawi bin Ahmad (Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Islam Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah, Mantan Ahli Parlimen Padang Terap dan Pensyarah Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2012.

Terjemahan: dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Islam.

Oleh itu, pendirian umat Islam baik di dalam badan masyarakat, mahasiswa, politik, maka dakwah itu wajib diteruskan. Menurut beliau lagi dakwah politik dari segi ini sangat relevan dan dengan sendirinya, memukul dan mematikan hujah keliru yang memisahkan agama dengan politik. Ada teguran bahawa mungkin timbul isu “over politicize” sehinggakan kepentingan politik akhirnya menggunakan simbol Islam, seperti mana yang berlaku dikalangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Beliau menegaskan bahawa dakwah politik itu hanya timbul dari pencernaan dan keyakinan bahawa Islam itu menuntut umat Islam untuk terus bergerak menyebarkan risalah dalam pelbagai bidang. Sekiranya mana-mana umat Islam yang sudah memilih politik kepartian, soal asas, etika dan akhlak yang juga harus dikembangkan dan harus dipertahankan.

Beliau sangat bersetuju bahawa dakwah politik dan boleh diperjuangkan. Ditegaskan lagi berdakwah itu membawa suatu peringatan, bahawa kepimpinan itu amanah, pentadbiran yang telus, integriti, maka tanpa dakwah politik, akhirnya akan menjadi politik *Machiavellan*, iaitu matlamat menghalalkan cara. Pada waktu yang sama dakwah politik meletakkan prinsip *al-Ghāyah la Tubarriru al-Wasīlah*

yang bermaksud tujuan itu tidak menghalalkan cara. Maka dakwah politik itu seharusnya berteraskan al-Quran dan al-Sunah secara konsisten.⁹⁴

Saya ketika zaman penuh kencang, zaman macam mana pun, saya selalu diperingatkan jangan lupa pesan al-Qur'an dan Hadis, kerana mengingatkan bahawa, bila kita bicara soal reformasi atau islah, kita bicara soal rasuah dan penyalahgunaan kuasa, ia mesti tercerna dari keyakinan kita sebagai seorang muslim, menginginkan satu sistem yang lebih baik, *tamurunā bil ma'ruf wa tanhā'anil mungkar*

Menurut Abdul Hadi Awang, dalam konteks dakwah politik sekiranya kita merujuk kepada al-Quran, sirah nabi-nabi yang akhirnya nabi Muhammad s.a.w, jelas menunjukkan bahawa tidak ada pemisahan politik daripada dakwah. Firman Allah s.w.t,

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Ali 'Imrān 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Perkataan *yad'unā ila khair* sekiranya kita merujuk kepada tafsir al-Quran keseluruhannya menunjukkan bahawa ulama-ulama tafsir dikalangan sahabat dan tabiin seterusnya ulama yang kemudian daripadanya menyatakan (*yad'unā ila khair*) berdakwah kepada kebajikan (*al-khair*) itu dengan makna seluruh ajaran Islam yang merupakan maudu' dakwah. Islam yang sempurna yang tercakup di dalamnya tiga peranan yang besar kepada manusia, mengapa mereka diciptakan

⁹⁴ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Ketua Pembangkang Malaysia, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat, Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

oleh Allah s.w.t iaitu matlamat *‘ibādah*, matlamat *khilāfah*, dan matlamat *amānah*.

Ketiga-tiga peranan ini disebut dalam al-Qur’ān, matlamat *‘ibādah* ialah,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Al-Adhariyāt 51:56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Manakala matlamat *khilāfah* disebut ...

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَنْ
يُّفْسِدُ فِيْهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ اِنِّيْۤ اَعْلَمُ مَا
لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٣٠﴾

Al-Baqarah 1:30

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi, mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

اِنَّا عَرَضْنَا الْاٰمَانَ عَلَى السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَالْجِبَالِ فَاَبَيْنَۙ اَنْ
يَّحْمِلْنَآ وَاَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْاِنْسَانُ ۗ اِنَّهٗ كَانَ ظَلُوْمًا جَهُوْلًا ﴿٧٢﴾

Al-Ahzāb 33:72

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka

persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Ini merangkumi seluruh tajuk Islam. Bagi merialisasikan tajuk ini mestilah dilaksanakan *amar ma'ruf nahi mungkar*, merupakan mata rantai yang bersambung antara satu sama lain. Kemuncak kepada *amar ma'ruf nahi mungkar* ialah mendirikan negara yang mewujudkan amalan politik secara langsung. Di mana keseluruhan hukum Islam tidak boleh dilaksanakan dengan sempurna melainkan dengan wujudnya amalan politik. Di sinilah al-Quran melaporkan kepada kita bahawa semua para nabi bermula Adam a.s sehingga Muhammad s.a.w menjalankan tugas dakwah dan politik dan tidak berpisah. Nabi Adam a.s bukan sahaja menjadi ketua keluarga pada masa yang sama menjadi ketua dalam mentadbir dan mengurus keluarga di masa hayatnya. Nabi Nuh a.s bukan sahaja berdakwah menghadapi rakyat biasa pada masa yang sama menghadapi golongan *al-malā'*. *Al-malā'* itu ialah pemimpin, merujuk kepada nabi Ibrahim a.s begitu juga, nabi Musa a.s sehingga kepada nabi Muhammad s.a.w. Ada nabi-nabi yang sampai ke kemuncak memerintah negara seperti nabi Yusuf, a.s, Nabi Daud a.s dan Nabi Sulaiman a.s sehingga nabi Muhammad s.a.w. Ada nabi-nabi yang tidak sempat melihat negara yang didirikan namun kemuncak perjuangan ialah politik. Di sinilah sabda nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh sahih Bukhari, adalah bani Israel yang menjadi pemimpinnya adalah para nabi.

Sebuah hadis riwayat Muslim berkenaan ketaatan terhadap khalifah iaitu mafhumnya, dahulu bani Israil itu dipimpin oleh oleh para nabi. Setiap kali seorang

nabi itu mangkat, maka akan digantikan dengan nabi yang lain. Sesungguhnya tidak ada seorang nabi pun setelah nabi Muhammad s.a.w dan akan muncul para khalifah yang banyak. Apabila mereka bertanya, lalu apakah engkau perintahkan kepada kami ? Nabi s.a.w. menjawab, setialah dengan khalifah pertama dan seterusnya serta berikanlah kepada mereka hak mereka, sesungguhnya Allah s.w.t akan menuntut tanggungjawab mereka terhadap kepimpinan mereka. Hadis berkenaan menunjukkan bahawa nabi- nabi dan rasul-rasul bukan sahaja pendakwah, mereka adalah pemimpin politik, sama ada menjadi ketua negara atau ketua pembangkang di zaman masing-masing.⁹⁵

Menurut Nik Abdul Aziz Nik Mat, apabila menyebut dakwah dan Islam, mahu tidak mahu mesti melibatkan diri dengan kerajaan. Berdasarkan sirah Rasulullah s.a.w, baginda berada 13 tahun di Mekah, akhirnya berpindah ke Madinah. Semasa berada di Madinah, Rasulullah itu digambarkan dalam konteks negara Malaysia adalah sebagai Perdana Menteri. Segala urusan hidup seperti masalah kewangan, halal haram masalah, sehingga masalah antarabangsa semuanya di hadapi oleh Rasulullah s.a.w. Selepas perundingan Hudaibayah, ketika Rasulullah sebagai ketua negara, Baginda mengirim surat kepada raja-raja, seperti raja Mesir, Rom dan Parsi. Semua raja berkenaan adalah ketua negara masing-masing dan mereka menerima surat Rasulullah s.a.w. bukan kerana nabi itu seorang imam di masjid, tetapi kerana dasar Rasulullah itu seorang ketua negara. Mahu tidak mahu semuanya menerima Rasulullah sebagai seorang ketua negara di Madinah. Maka umat Islam perlu

⁹⁵ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Presiden Pas merangkap Ahli Parlimen Marang dan Adun Rhu Rendang) dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

memahaminya dan tiada pilihan bahawa dakwah dan politik atau dakwah Islam dan politik mesti di satukan. Tidak boleh dakwah Islam tidak mempedulikan kerajaan.

Nik Abdul Aziz menegaskan lagi bahawa tanpa demokrasi, tidak akan wujud sebuah kerajaan. Demokrasi itu hidup kerana ada kerajaan. Sekiranya tiada kerajaan, tidak ada ertinya Islam kerana hukum yang ada di dalam al-Quran beserta dengan al-Sunah hanya bermakna dan boleh dilaksanakan apabila tertubuhnya sebuah kerajaan. Mahu tidak mahu dakwah Islam mesti terlibat dengan kerajaan dan dakwah Islam mesti berkerajaan. Maknanya Islam tidak boleh wujud tanpa politik. Maka beliau boleh bersetuju dakwah politik itu, berdakwah di jalur politik.⁹⁶

Orang ini terima surat kiriman nabi bukan kerana nabi itu imam masjid, orang itu terima kerana dasar orang itu seorang ketua Negara. Mahu tidak mahu orang terima nabi seorang ketua Negara di Madinah. Tiada orang lain ketika itu. Mahu tidak mahu dakwah dan politik, dakwah Islam dan politik mesti di satukan. Tidak boleh jadi dakwah Islam tidak peduli kepada kerajaan, ini tidak boleh. Mana ada demokrasi tidak ada kerajaan. Demokrasi itu hidup kerana ada kerajaan. Komunis boleh hidup kerana ada kerajaan. Sosialis hidup kerana ada kerajaan. Islam boleh hidup dengan ada kerajaan. Tidak ada kerajaan apa erti Islam, mana boleh buat hukum tanpa ada kerajaan. Mahu tidak mahu dakwah Islam mesti terlibat dengan kerajaan. Boleh dakwah Islam hanya solat, puasa sahaja, nikah kawin sahaja? Tidak boleh. Tidak jadi Islam macam itu. Dakwah Islam mesti berkerajaan. Maka boleh bersetuju dakwah politik itu, berdakwah di jalur politik, maknanya Islam tidak boleh wujud tanpa politik.

Kesimpulan daripada pandangan dan hujah beberapa tokoh yang mengkaji dan terlibat secara langsung dengan dakwah di jalur politik, maka istilah dakwah politik itu sangat relevan untuk diterima. Asas dakwah politik itu adalah berasaskan al-

⁹⁶ Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Mursyidul Am PAS dan mantan Menteri Besar Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 10 Jun 2014.

Quran, al-Sunah dan sirah baginda Rasulullah s.a.w. Dalam konteks pemerintahan kini yang berasaskan demokrasi berparlimen, maka sewajarnya jalur politik itu suatu medan dakwah yang tidak harus diabaikan oleh umat Islam secara keseluruhannya. Contoh terbaik ketika ini di kalangan negara umat Islam yang berjaya menguasai kuasa berlandaskan demokrasi berparlimen dan melaksanakan dakwah politik secara praktikal ialah negara Turki. Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan melalui partinya Parti Keadilan dan Pembangunan atau Adalet ve Kalkinma Partisi (AKP), telah memenangi pilihan raya presiden pertama negara itu pada 10 Ogos 2014, sekaligus mengukuhkan kedudukan beliau sebagai pemimpin Turki untuk lima tahun lagi. Terbukti Recep Tayyip Erdogan yang mendapat kuasa politik melalui pilihan raya, telah melaksanakan dakwah politik dalam pengurusan negaranya dan juga bertindak sebagai suara pemimpin dunia Islam yang lantang membela dan membantu umat Islam yang lain dari ditindas khususnya seperti Palestin.⁹⁷

2.4.3. Elemen Penting Dakwah Politik

Ada beberapa asas penting yang menjadi kekuatan dalam konsep dakwah politik untuk memastikan matlamat dapat dicapai. Maka konsep dakwah politik itu perlu didasari oleh beberapa elemen penting selari dengan perintah Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an, seperti berikut;

a. Akidah

⁹⁷ <http://www.republika.co.id/berita/jurnalisme-warga/wacana/14/04/07/n3nbmc-membaca-kemenangan-akp-di-turki>

Akidah dari asal kata 'akad (عقد) yang bermaksud simpulan atau ikatan yang mengikat hati dan perasaan kepada suatu kepercayaan tanpa boleh digugat.⁹⁸ Iman itu ialah membenarkan atau *tasdīq*, 'iktikad dengan hati terhadap apa yang diketahui yang ianya daripada agama Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. serta ikrar dengan lidah dan amal.⁹⁹ *Tasdīq* itu bermaksud, kita mestilah menerima serta redha dengan semuanya, tidak ada engkar dan perasaan ragu serta tidak menjujuk-juzukkan kepercayaannya.¹⁰⁰

b. Akhlak

Terdapat empat perkara yang terkandung dalam maksud akhlak iaitu, merupakan suatu ilmu yang menjelaskan makna baik dan buruk, menerangkan apa yang seharusnya ada pada *muamalah* (pergaulan) manusia antara satu sama lain, menjelaskan tujuan bagi setiap pekerjaan manusia dan menerangi jalan apa yang seharusnya dilakukan bagi sesuatu pekerjaan.¹⁰¹ Akhlak adalah berasal daripada bahasa Arab, jamak dari kata *khuluq* yang bermaksud perangai atau tabiat. Maka sistem politik Islam akan dapat ditegakkan di atas kemurniaan akhlak serta penghormatan terhadap hak-hak asasi manusia.¹⁰²

Ilmu akhlak mempunyai kaitan yang cukup penting terhadap ilmu-ilmu lain. Di dalam ilmu undang-undang dan peraturan misalnya, ilmu akhlak memainkan peranan dalam mempengaruhi natijah yang baik. Ini kerana ilmu ini merupakan

⁹⁸ Lu'ayy Safī, *Al-'Aqīdah wa Al-Siyasah, Ma'ālim Nazariyah 'Ammah li al-Dawlah al-Islāmīyah*, (Damshiq: Dar al-Fikr, 2001), 53-54.

⁹⁹ Abd. Hadi Awang, *Muqaddimah Aqidah Muslimin*, (Kuala Lumpur: GG Edar, 1989), 35.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Ahmad Amīn, *Kitab Al-Akhlak*, (Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Arabī, 1969), 12.

¹⁰² Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy, *Sistem Politik*, 38.

suatu ilmu yang menyeru kepada pekerjaan yang mendatangkan manfaat dan mencegah setiap pekerjaan yang mendatangkan kemudharatan.¹⁰³ Ilmu undang-undang tidak boleh berdiri dengan sendirinya tanpa penyerapan bersama ilmu akhlak. Contohnya, undang-undang berkuasa menetapkan ”tidak boleh mencuri” atau ”tidak boleh membunuh”, tetapi akhlak menjangkau lebih daripada ketetapan tersebut dengan mengatakan ”jangan berfikir dalam perkara-perkara yang jahat” atau ”jangan membayangkan apa-apa perkara yang merugi dan merosakkan”. Ini menunjukkan bahawa ilmu undang-undang yang mencakupi natijah secara luaran, sedangkan ilmu akhlak melampaui natijah secara dalaman yang mendidik manusia dari dasar hati dan fikiran. Maka, gabungan inilah yang telah menyempurnakan akhlak manusia sebagaimana misi kenabian Rasulullah s.a.w di atas muka bumi ini.

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : إنما بعثت
لأتمم مكارم (وفي رواية صالح) الأخلاق.

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.¹⁰⁴

c. Adil

Perlu difahami bahawa menegakkan prinsip keadilan merupakan kewajipan fardu di dalam syariat. Keadilan di dalam Islam tidak dinilai dan diukur dari sudut peruntukkan yang terdapat dalam sesebuah perlembagaan atau undang-undang negara.¹⁰⁵ Rasulullah s.a.w. diutuskan bukan semata-mata untuk mengajar umat untuk beribadah tetapi berjuang menegakkan sistem politik Islam yang berlandaskan

¹⁰³ Ahmad Amin, *Kitab*, 18.

¹⁰⁴ Hadis Riwayat al-Bukhari, Adabul Mufrod, No. 273.

¹⁰⁵ Muhammad Imarah, *Anugerah Islam Untuk Ketamadunan*, Dr. Muhammad Nur Manuty (terj.) c. 2. (Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, 2007), 20.

keadilan.¹⁰⁶ Memperjuangkan keadilan merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Sebagai pemimpin atau pemerintah, keadilan yang perlu ditegakkan ialah keadilan di segala bidang, sama ada dalam bidang hukum, hak asasi manusia, politik, kemasyarakatan dan semua yang berkaitan dalam kehidupan manusia. Apabila keadilan secara menyeluruh, maka akan timbulah rasa perpaduan yang kukuh di antara pemerintah dan umat secara keseluruhannya.¹⁰⁷

d. **Ikhlas**

Pendakwah yang berjuang di dalam kancah politik tidak dapat lari daripada memahami dan mengukuhkan sifat ikhlas kerana Allah, yang merupakan sifat dan syarat yang wajib terhadap para dai.¹⁰⁸ Sifat ikhlas merupakan suatu tersembunyi daripada amalan hati. Maksud ikhlas ialah melakukan sesuatu amalan hanya untuk *ibtigha marḍhatillah* iaitu mencari keredhaan Allah, tanpa dirosakkan dengan maksud lain, misalnya melayani hawa nafsu, keuntungan dunia, pangkat, harta, kemasyhuran, kedudukan, meminta pujian atau mengelak dari kehinaan dan sebagainya. Da'i yang ikhlas itu melakukan kerja-kerja dakwahnya semata-mata untuk *taqarrub* iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah dan hanya untuk *ibtigha marḍhatillah*.

Menurut Yūsuf al-Qarḍawī, ikhlas ialah:

Menghendaki keredhaan Allah dengan suatu amal,

¹⁰⁶ Ishomuddin, M.Si, *Teori Kepimpinan Dan Kekuasaan Politik Islam*, (Malang: Penerbitan Universitas Muhammadiyah, 2006), 6.

¹⁰⁷ Muhammad Natsir, *Berdakwah Dijalur Politik, Berpolitik Dijalur Dakwah*, (Kuala Lumpur: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)), 11.

¹⁰⁸ Syaikh Muhammad bin Shalih al-Utsaimin, *Panduan Kebangkitan Islam*. (Muhammad Ihsan Zainuddin), (terj.), (Jakarta: Darul Haq, 2002), 135.

membersihkan dari segala noda individu dan duniawi. Tidak ada maksud yang lain untuk melakukan suatu amal kecuali kerana Allah dan demi hari akhirat. Tidak ada noda yang mencampuri suatu amal seperti kecenderungan kepada dunia, untuk kepentingan diri sendiri sama ada secara jelas mahu pun tersembunyi, menghendaki harta rampasan, syahwat, kedudukan, harta benda, supaya dihormati atau disanjung oleh orang ramai, takut dicela, mengambil kesempatan di hadapan orang-orang tertentu, menyimpan rasa dengki yang tersembunyi, melayani rasa dengki tidak kelihatan, kesombongan yang terselubung, atau kerana alasan-alasan lain tidak terpuji, intipatinya ialah menghendaki selain Allah dengan suatu amal, siapa pun dan apa pun.

Keikhlasan wujud hasil dari kesan iman yang kuat dan ia merupakan kedudukan yang sangat tinggi di sisi Allah s.w.t. Maka setiap da'i yang bergerak dalam urusan dakwah dituntut agar mengikhlasakan kerja dakwahnya hanya kerana Allah s.w.t. Jelas sekali Allah s.w.t. akan menolak sesuatu amalan tanpa keikhlasan hanya kerana Allah s.w.t. Allah s.w.t. berfirman,

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا
الزَّكَاةَ ۚ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

Al-Bayyinah 98 : 5

Terjemahan: Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan yang demikian itulah agama yang benar.

e. Sabar

Sudah cukupkah ukuran dan keyakinan diri sendiri bahawa kita sudah beriman sepenuhnya kepada Allah s.w.t ? Persoalan ini sudah diungkapkan oleh Allah s.w.t serta diberikan jawapannya, di dalam al-Quran,

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿١٠١﴾

Al-‘Ankabūt 29: 2.

Terjemahan: Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?

Umat Islam perlu sedar bahawa Allah s.w.t menguji manusia semata-mata untuk menguji kesabaran dan kualiti iman seseorang. Sedarlah bahawa para pendakwah sudah pasti akan bertemu dengan *al-Ibtala* (cubaan), *al-Mihnah* (Ujian), *al-Fitnah* (fitnah) kerana semua ini merupakan sunnah dari sunnatullah.¹⁰⁹ Begitu juga apabila berada di dalam kancah politik yang penuh mencabar, menghadapi kesulitan maka ketika itu sifat sabar sahalah yang mendaji benteng dan sinar kepada seorang muslim. Allah s.w.t. berfirman,

طَاعَةٌ وَقَوْلٌ مَّعْرُوفٌ فَإِذَا عَزَمَ الْأَمْرَ فَلَوْ صَدَقُوا اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ﴿٢١﴾

Muhammad 47: 21.

Terjemahan: mematuhi perintah dan memperkatakan perkataan yang baik (yang diredhai Allah)". Dalam pada itu, apabila perkara (peperangan jihad) itu ditetapkan wajibnya, (Mereka tidak menyukainya); maka kalaulah mereka bersifat jujur kepada Allah (dengan mematuhi perintahNya), tentulah Yang demikian itu amat baik bagi mereka.

Rasulullah s.a.w bersabda,

قد كان من قبلكم يؤخذ الرجل فيحفر له حفرة في الارض فيجعل فيها, فيجاء بالمنشار, فيوضع على رأسه, فيجعى نصفين, ويمشط بأشاط الحديد مادون لحمه وعظمه, فما يصد ذلك عن دينه, والله ليتمنى هذا الأمر, حتى يسير

¹⁰⁹ Abdul Qadir Abu Faris (1987), *Ujian, Cobaan, Fitnah Dalam Da'wah*. (Abu Fahmi Ibnu Marjan), (terj.), c. 3. (Jakarta: Gema Insani Press, 1987), 13-20.

الراكب من صنعاء إلى حضرموت, لا يخش الاالله والذئب على غنمه, ولكنكم تستعجلون.¹¹⁰

Di antara orang-orang sebelum kamu dahulu ada yang disiksa dengan ditanam hidup-hidup, ada yang dibelah kepalanya menjadi dua dan ada pula yang disikat tubuhnya dengan sikat besi antara daging dan tulangnya, tetapi siksaan-siksaan itu tidak menggoyahkan tekad mereka untuk tetap mempertahankan agamanya (ad-din). Demi Allah, Allah pasti akan mengakhiri semua persoalan itu sehingga orang berani berjalan dari Shan'a ke Hadralmaut tanpa rasa takut kepada sesiapa pun juga selain kepada Allah dan hanya takut kambingnya diserang serigala. Tetapi kalian nampak terburu-buru (kurang bersabar).

f. Ijtihad

Ijtihad dari sudut bahasa ialah memberi kesungguhan dan menghabiskan kelapangan di dalam membenarkan suatu perkara, dan tidak akan terlaksana melainkan adanya kesulitan dan kesusahan di dalamnya. Kita mengatakan, memberi seluruh tenaga dalam membawa batu penggiling tetapi kita tidak mengatakan memberi sepenuh tenaga dalam membawa sebutir biji sawi. Berdasarkan pandangan ahli-ahli usul fiqh antaranya ialah;¹¹¹ Menurut pandangan dan tafsiran al-Amidi,

" استفراغ الوسع في طلب الظن بشيء من أحكام الشرعية على وجه من النفس العجز عن المزيد فيه "

Mencurahkan seluruh kemampuan untuk menggali hukum-hukum syar'iyah dari dalil-dalil dzanni hingga batas tidak ada lagi kemampuan melakukan usaha lebih dari apa yang telah dicurahkan.

Manakala pandangan dan tafsiran ibnu Hajib,

" استفراغ الفقيه الوسع لتحصيل ظن بحكم شرعي "

¹¹⁰ Sahih al- Buhkari

¹¹¹ Wahbah al- Zuḥailī, *Usūl Fiqh Al-Islamī*, (Damshiq: Dar Al-Fikr, 2009) c.2, 326.

Pengerahan segenap kemampuan yang dilakukan oleh seorang ahli feqah mendapatkan suatu tahap dugaan kuat terhadap adanya sebuah ketetapan syar'ie.

Berdasarkan firman Allah s.w.t,

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَنْ يَمُوتُ بَلَىٰ وَعَدًّا عَلَيْهِ
حَقًّا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

Al-Nahl 16: 38.

Terjemahan: Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh (sambil berkata): Allah tidak akan membangkitkan semula orang-orang Yang telah mati". (itu tidak benar), bahkan janji Allah membangkitkan orang-orang Yang telah mati) tetap benar; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Ketika berada dalam lapangan dakwah politik, tindakan ijtihad sangat penting apabila berada atau berhadapan dalam situasi getir yang memerlukan suatu keputusan yang segera dan tepat.

g. Jihad

Para pendakwah perlu memahami dan menanam semangat jihad di dalam diri kerana Allah s.w.t. telah mewajibkan jihad ke atas setiap muslim, tidak boleh di pandang ringan dan dilalaikan khusus kepada umat Islam yang benar-benar memiliki cinta yang tinggi terhadap agamanya.¹¹² Makna jihad dari sudut bahasa ialah menumpahkan tenaga seluas-luasnya sama ada perkataan atau pun perbuatan. Maksud dari aspek syarak ialah membunuh orang-orang kafir dengan cara memancung mereka, merampas harta benda mereka serta memusnahkan rumah-

¹¹² Hasan Al-Banna, *Risalah Jihad* (الجهد في سبيل الله باللغة الما ليزية) (Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations (IIFSO), 1986), 1.

rumah berhala dan patung-patung mereka dengan maksud untuk memperkuat kedudukan agama Islam.¹¹³ Namun dalam konteks dakwah politik, apabila berada di dalam gelanggang politik iaitu dalam sistem demokrasi yang ada, jihad perkataan dan perbuatan merupakan sesuatu yang sangat utama dipraktikan. Pemimpin Islam atau ahli politik yang mendokong perjuangan menegakkan kalimah Allah s.w.t perlu berani menyatakan yang hak dan mencegah yang batil tanpa rasa takut. Misalnya menegur pemerintah yang zalim juga termasuk dalam jihad kerana Allah. Ini sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Dawūd dan al-Tirmizī,¹¹⁴

أفضل الجهاد كلمة حق عند سلطان جائر

Jihad yang paling utama ialah menyatakan kebenaran (hak) terhadap pemerintah yang zalim.

Perlu diyakini bahawa orang yang berjihad di jalan Allah, kemudian ditakdir dia mati, maka kematiannya adalah syahid, dan akan mendapat pembalasan pahala yang besar dari Allah s.w.t.

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمَاتٌ ۗ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

Al-Baqarah 2: 154

dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu orang-orang mati, bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyedarinya.

¹¹³ *Ibid.*, 29.

¹¹⁴ Sa'īd Ramaḍān Al-Būṭī, *Al-Jihad fī Al-Islām, Kaifa nafhamuhu? Wa kaifa Numarisuhu.* (Damshiq: Dar Al-Fikr, 1993), 21.

2.5 Kesimpulan

Konsep dakwah politik perlu difahami dalam konteks perjuangan menyampaikan perintah Allah dan RasulNya di dalam kancah politik, merujuk kepada perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan. Memandangkan politik ketika ini dikaitkan dengan beberapa elemen yang bertentangan dengan syariat seperti penyalahgunaan kuasa, penindasan, mengambil kesempatan mengumpul kekayaan, melakukan kezaliman dan sebagainya, maka seruan agar kembali mengingati Allah dan RasulNya wajib dilaksanakan. Para aktivis dakwah yang memilih jalan politik untuk menyampaikan perintah Allah dan Rasulnya merupakan suatu perjuangan mulia bagi memastikan amanah sebagai pemimpin itu sentiasa dilihat sebagai amanah berat yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Medan politik sama sekali tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kepada pihak-pihak yang langsung tidak mengerti amanah kepimpinan itu sebagai amanah dari Allah s.w.t. Jika amanah kepimpinan politik berada dibawah kuasa pijak-pihak yang jahil, maka akan berlakulah kezaliman dan penindasan kepada rakyat. Maka berdakwah dijalur politik perlu dilaksanakan secara serius dan sebaik mungkin tanpa bertangguh. Secara ringkasnya berdakwah dijalur politik disebut sebagai dakwah politik

BAB 3

RIWAYAT HIDUP FADZIL MOHD. NOOR

3.1. Pendahuluan

Kehidupan awal Fadzil Mohd. Noor banyak memberi kesan yang besar dalam keperibadian beliau. Melalui zaman yang serba kekurangan ketika kecil tidak menjadi sebab untuk beliau menekuni setiap perkara terutamanya dalam aspek pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan. Ketokohan Fadzil Mohd. Noor sebagai tokoh dakwah politik sebenarnya bersangkutan dengan latar belakang keluarga dan kehidupannya ketika di zaman persekolahan

3.2. Latar Belakang

Fadzil Mohd. Noor atau Ali bin Mohd Noor rahimahullah yang terkenal dengan sapaan akrabnya ustaz Fadzil adalah nama besar dalam deretan tokoh-tokoh ulung gerakan Islam tanah air,¹¹⁵ dilahirkan pada 13 Mac 1937¹¹⁶ di Kampung Seberang Pumpung, Alor Setar Kedah.¹¹⁷ Ayahandanya bernama Mohd Noor Abdul Hamid dan bondanya bernama Hindun Abdul Rahman. Datuknya dengan sapaan “Tok Wan” dikhabarkan mempunyai 3 orang isteri. Maka bonda Fadzil Mohd. Noor adalah antara anak isteri pertama dan ibu mertuanya adalah anak antara isteri kedua datuknya itu.¹¹⁸ Fadzil Mohd. Noor merupakan anak sulung daripada 6 orang adik beradik tetapi dua orang adiknya meninggal ketika kecil. Beliau berasal dari keturunan Hadramawt dan Patani. Kediamaannya adalah di Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah. Manakala rumahnya di Darul ‘Ulum, Pokok Sena itu hanyalah rumah rehat yang dibina untuk keluarga beliau berkumpul, di mana Fadzil Mohd. Noor sempat berkumpul beramah mesra bersama keluarganya sebanyak dua kali dalam sambutan Hari Raya sebelum meninggal dunia.¹¹⁹ Ayahanda Fadzil Mohd. Noor merupakan seorang yang mengajar kitab jawi di kampung digambarkan sebagai seorang yang berilmu dan berakhlak baik.¹²⁰ Moyangnya Tuan Guru Haji Idris yang lebih dikenali sebagai Tuan Syeikh Idris al-Jarumi adalah seorang alim yang dikenali di Kedah berasal dari Patani.¹²¹ Ayahnya meninggal dunia pada tahun 1971, manakala ibunya meninggal dunia pada tahun 1997.¹²² Kehidupan kanak-

¹¹⁵ Siddiq Fadzil, Dato’Haji Fadzil Nor: Satu Catatan Apresiasi, Akademi Kajian Ketamadunan (Academy for Civilizational Studies, 2004), 1.

¹¹⁶ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor, Dia Guru, Dia Kawan*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim Sdn. Bhd., 2003), v.

¹¹⁷ Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah: Kisah-Kisah Inspiratif Para Pemimpin Gerakan Islam Sedunia*, (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2010), 335.

¹¹⁸ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 39.

¹¹⁹ Muna Muna Izzah binti Dato’ Haji Fadzil Mohd. Noor (Anak keempat Allahyarham Dato’ Haji Fadzil Mohd. Noor) dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.

¹²⁰ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 40.

¹²¹ Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar*.

¹²² Muna Izzah binti Dato’ Haji Fadzil Mohd. Noor.

kanaknya banyak dihabiskan tinggal bersama neneknya di Dirga. Menurut Subky Latif,

Apabila sekolah jauh dari rumah, tiada pilihan, melainkan tinggal di rumah tok wan yang dekat dengan Sekolah Melayu Dirga. Dan bukan pula asing, kerana sebelumnya dia telah biasa bermalam dengan nenek dan penghuni rumah nenek. Sejak bersekolah di rumah itulah Ali tinggal. Mula-mula untuk bersekolah sahaja, tetapi akhirnya lekat di situ, malah lebih sedap tinggal dengan nenek dan mak menakan atau ibu saudara, dari di rumah bersama ibu bapa. Kira-kira rumah nenek itulah rumah. Cuma sekali sekala pulang ke rumah ibu bapanya. Dan orang yang penting dalam keluarga di rumah itu ialah ibu saudaranya, bonda Kak Jah dan Senator ustazah Jamilah Ibrahim. Dialah yang menjaga makan dan pakaiannya. Apabila sakit demamnya wanita itu jugalah yang menjaganya, kira-kira mak saudaranya itulah dengan sendirinya menjadi mak angkatnya juga. Akhirnya Ali lebih dekat dengan mak saudaranya dari ibunya sendiri atau mak saudaranya itu seolah-olah ibunya sendiri.¹²³

3.2.1. Kehidupan Bekeluarga

Fadzil Mohd. Noor ditakdirkan berkahwin dengan anak ibu saudaranya yang menjaganya sejak kecil yang juga sepupunya yang bernama Khadijah Ibrahim pada tahun 1963.¹²⁴ Isterinya lebih mesra dipanggil oleh “Kak Jah” di kalangan rakan-rakan rapat Fadzil Mohd. Noor merupakan individu yang mempunyai pendidikan agama yang baik iaitu merupakan bekas pelajar Maktab Mahmud.¹²⁵ Kak Jah sudah tidak asing bagi Fadzil Mohd.Noor kerana sejak kecil lagi sudah mula tinggal bersama di rumah tok wan mereka. Sesudah beliau berusia 7 tahun barulah Kak Jah lahir dan beliau yang banyak membantu ibu saudaranya mengasuh.¹²⁶

¹²³ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 40-41.

¹²⁴ Zainudin Hashim & Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-tokoh Gerakan Islam Abad Modern, Siri 2*, (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd., 2010), 72.

¹²⁵ Muna Izzah binti Dato' Haji Fadzil Mohd Noor

¹²⁶ Subky, *Fadzil Noor*, 41.

Di khabarkan ketika Kak Jah berusia belasan tahun, Fadzil Mohd. Noor sendiri yang menyatakan hasrat kepada ibu saudaranya untuk mendirikan rumah tangga dengan Kak Jah. Maka terikatlah tali pertunangan sehinggalah majlis akad nikah berlangsung sebelum Fadzil Mohd. Noor melanjutkan pelajaran ke Mesir.¹²⁷ Mereka belum bersatu kerana ketika itu Kak Jah masih bersekolah di Madrasah Tarbiatul Banat, sekolah Agama Rakyat untuk perempuan di sebelah Maahad Mahmud. Dua tahun kemudian barulah Kak Jah menyusuli Fadzil Mohd. Noor ke Mesir.¹²⁸ Ketika sibuk menumpukan pengajiannya di Mesir pasangan ini dikurniakan seorang anak perempuan. Sepanjang hidup berkeluarga, Fadzil Mohd. Noor telah dikurniakan anak seramai lapan orang iaitu Huda, Ammar, Aiman, Muna'IZZah, Muhammad Faiz, Salwa, Ahmad Fauwaz dan Ahmad Anas.¹²⁹ Fadzil Mohd. Noor digambarkan sebagai seorang suami yang baik dan penyayang, rajin membantu isteri mengurus rumahtangga, tegas tetapi lembut tutur katanya bersama anak-anak dan seorang yang mesra ketika berkesempatan bersama keluarga. Ini dapat dilihat dalam gambaran yang tercatat,

Kalau Kak Jah tiada di rumah, beliau tidak akan masak dan keluar cari makan di tempat lain. Tetapi beliau tidak keberatan membasuh cawan, pinggan dan mengelap meja, menyapu sampah dan macam-macam kerja biasanya dilakukan oleh isteri. Ini tidak bererti beliau membuat semua pekerjaan itu dan Kak Jah rehat saja. Beliau membantu. Kalau lambat atau Kak tak sempat membuatnya kerana membuat kerja-kerja lain, maka ustaz Fadzil akan membantu membereskan kerja-kerja itu tanpa disuruh. Beliau buat sendiri... Setiap anak-anak itu mempunyai hubungan yang rapat dengan ustaz Fadzil, mereka berbual dan boleh berbincang. Seolah-olah tiada jurang generasi antara ayah dan anak. Dan yang menarik ke mana ustaz Fadzil pergi, dalam dan luar negeri, beliau akan menelefon ke

¹²⁷ *Ibid.*, 51.

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Dr. Ammar bin Fadzil Mohd. Noor, (Anak kedua Allahyarham Fadzil Mohd. Noor dan Pensyarah Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) Gombak, Selangor) dalam temu bual pada 20 Jun 2011.

rumahnya bercakap dengan isteri dan setiap orang anaknya yang ada di rumah ketika itu.¹³⁰

Dalam kesibukan Fadzil Mohd. Noor menjalankan urusan harian sebagai pemimpin, sama ada sebelum atau selepas terjun sebagai ahli politik sepenuh masa, beliau sangat menitik beratkan masa depan anak-anaknya terutama dalam soal pendidikan. Ini terbukti apabila semua anak-anaknya berjaya melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi.¹³¹

3.2.2. Pendidikan

Fadzil Mohd. Noor menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Derga (1946-1949), kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Maktab Mahmud Alor Setar (1949-1958) sehingga ke peringkat tinggi (1958-1962).¹³² Sikap rajin dan gigih untuk mencari ilmu serta kebijaksanaan Fadzil Mohd. Noor ketika di Maktab Mahmud sangat menyerlah dan dikagumi oleh guru dan rakan sepengajiannya di Maktab Mahmud seperti Sheikh Ghazali,¹³³ Sheikh Fakhrulrazi Haji Salleh dan lain-lain lagi.

Dari segi pelajaran, saya ingat ustaz Fadzil seorang penuntut yang memang kita kata geliga. Walaupun begitu saya, ustaz Fadzil dan dua, tiga orang kawan lagi, sebahagiannya dah meninggal yang juga orang kuat PAS iaitu almarhum Sheikh Fakhrulrazi Haji Salleh yang saya ingat pernah menjadi calon di Merbok atau Sembeling dan juga pernah menjadi kadi di Yan. Di Kedah dikalangan orang PAS memang mengenali Syeikh Fakhrulrazi dan ustaz Fadzil sebagai orang kuat PAS. Jadi kami dalam pelajaran, tuisyen tidak ada, cuma kita usaha sendiri untuk meningkatkan atau menambahkan

¹³⁰ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 57.

¹³¹ *Ibid.*

¹³² Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar*.

¹³³ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman merupakan rakan sejak kecil Ustaz Fadzil Noor. Hubungan beliau dan Fadzil Mohd. Noor bermula semasa di Maktab Mahmud. Hubungan keluarga Fadzil Mohd. Noor dengan keluarga Tan Sri Sheikh Ghazali, begitu rapat sekali. Ini dibuktikan sekira sakit demam salah seorang di pihak ibubapa, masing-masing akan menziarahinya. Hubungan mereka sungguh rapat sekali.

pengetahuan dalam bidang ilmu alat iaitu nahu sorof. Maka kami dan ustaz Fadzil setiap malam Jumaat kita akan kayuh basikal ke pantai Johor di Anak Bukit untuk belajar nahu kepada guru kami yang sangat kami kasih iaitu ustaz Ismail Mahmud. Ustaz Ismail Mahmud ini memang masyhur, dia pandai dalam ilmu Nahu dan juga lain-lain ilmu. Saya ingat perbualan ustaz Fadzil, ana dan kawan-kawan ini memang cukup rapat dengan ustaz Ismail Mahmud masa belajar. Kemudian ustaz Ismail Mahmud juga seorang guru pengangkap kumpulan 20.¹³⁴

Fadzil Mohd. Noor seorang murid yang cemerlang dalam pelajarannya, dan beliau sangat mencintai ilmu. Beliau membuktikan cinta dan komitmennya dengan ilmu dengan menjadi tenaga pengajar di Maktab Mahmud, apabila tamat pengajiannya.

Kemudian setelah kami tamat belajar, habis dapat syahadah, di Maahad Mahmud kalau di Kedah disebut habis darjah 8, ustaz Fadzil dapat nombor satu. Selepas itu keadaan pada masa itu habis darjah 8, kami sambung belajar di bahagian tinggi Maktab Mahmud. Ustaz Fadzil sebelah pagi belajar, sebelah petang mengajar kelas khas atau *special class* dan saya juga mengajar kelas khas sebelum pergi ke Mesir. Kelas khas itu mengaji ibtidai satu, dua, tiga, dan empat bagi orang-orang yang tidak dapat sambung pelajaran di Maktab Mahmud dia akan belajar di kelas khas. Habis kelas empat, boleh sambung sanawi di Maktab Mahmud. Jadi kami pagi belajar, petang mengajar.¹³⁵

Fadzil Mohd. Noor kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar di Mesir (1963-1967) dalam jurusan Syariah (perundangan Islam) setelah menerima biasiswa dari Kerajaan Negeri Kedah.¹³⁶ Ketabahan dan ketekunannya ketika di Mesir membuahkan hasil apabila beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana dalam jurusan yang diambalnya.

Kemudian dalam tahun 1962, saya pergi dahulu ke Mesir, selepas itu ustaz Fadzil ikut ke Mesir. Kami sambung belajar di Mesir bersama-sama dengan Dato Hasyim Yahya di kuliah Syariah wa Qanun, atau Fakulti Syariah dan Undang-undang di Mesir. Pada tahun 1967, kami

¹³⁴ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman dalam temu bual dengan penulis, 30 Jun 2011.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ Zainudin Hashim & Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-tokoh Gerakan*, 72.

dapat ijazah. Bila habis, saya dan Dato' Hasyim dan beberapa kawan lagi sambung buat diploma pendidikan dan ustaz Fadzil balik dan mengajar di Maktab Mahmud. Selepas saya balik pada tahun 1969, saya bersama-sama mengajar dengan ustaz Fadzil di Maktab Mahmud. Selepas itu pada tahun 1971, saya menjawat jawatan di kadi di Jabatan Agama Islam Kedah. Selepas itu tahun 72, ustaz Fadzil sambung menjadi tenaga pensyarah di UTM, Jalan Gurney.

Fadzil Mohd. Noor ada mempunyai cita-cita untuk melanjutkan pengajian lagi di Mesir, tetapi setelah kembalinya ke Kedah, beliau telah diminta oleh Dato' Abu Bakar Omar untuk terlibat dalam kepimpinan PAS Kedah.¹³⁷

3.2.3. Aktif Dalam Kokurikulum

Menurut Tan Sri Sheikh Ghazali yang merupakan seorang rakan yang mempunyai hubungan yang rapat sejak kecil dengan Fadzil Mohd. Noor, beliau merupakan individu yang aktif dalam aktiviti kokurikulum di Maktab Mahmud. Dalam aktiviti ko kurikulum yang berkaitan dengan pasukan beruniform, beliau menyertai dan menjadi anggota pasukan pengangkap di Maktab Mahmud. Ketika itu, Maktab Mahmud hanya mempunyai dua pasukan pengangkap yang diberi nama pasukan 20 dan pasukan 23. Fadzil Mohd.Noor telah menyertai pasukan pengangkap 20 di Maktab Mahmud dan beliau telah membuktikan kecekapannya untuk memastikan beliau turut mendapat pengiktirafan sebagai ahli pengangkap yang komited dengan tugas yang diberi. Misalnya, aktiviti kem atau perkhemahan pengangkap yang disertai oleh beliau di Langkawi, dan juga biasanya diadakan di Bukit Pinang. Fadzil Mohd. Noor adalah antara anggota pengangkap yang berjaya mendapatkan beberapa pengiktirafan sebagai anggota pengangkap seperti mendapatkan lencana berenang dan berjalan. Ini membuktikan Fadzil Mohd. Noor mempunyai

¹³⁷ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 60.

keupayaan fizikal yang lasak memandangkan aktiviti seperti berenang dan berjalan jauh adalah merupakan aktiviti yang sukar dan tidak semua murid seusia ketika itu berkeupayaan melakukannya.

Semua ini ana dan ustaz Fadzil, kami ikuti dan lalui bersama. Bagaimana untuk mendapat lencana berenang itu kita berenang langkah Sungai Kedah, pergi dan balik. Kalau tidak silap saya, kita pergi di Sungai Pumpong, sekarang ini kalau masa itu berenang, dahulunya dari hospital nak ke syihab itu tidak ada titi. Di situlah tempat berenang untuk mendapatkan lencana berenang, langkah dan patah balik. Kemudian “journey” untuk mendapatkan lencana juga berjalan dari Maktab Mahmud ke Bukit Tinggi di Kepala Batas Alor Setar, pergi balik. Jadi di masa ini, semasa berjalan kita akan berjumpa dan mengikut garis jalan-jalan yang kita lukiskan untuk kita jalani dan disahkan pihak Pengetua Pengangkap dan kita akan berjalan. Ketika balik kita akan tulis laporan hasil perjalanan kita, dengan siapa kita berjumpa. Jadi semua benda ini kita buat dan menjadi sebahagian kegiatan kokurikulum. Selain itu, pengangkap ada menganjurkan ungun api, ada yang antara sekolah-sekolah pun kita ikut juga.”¹³⁸

Fadzil Mohd. Noor juga tidak ketinggalan melibatkan diri dalam acara sukan di Maktab Mahmud seperti bola sepak, badminton dan sepak raga. Dalam sukan bolasepak, beliau hanya bermain sekadar untuk kesihatan dan program mengisi waktu petang. Selain daripada penglibatan badan beruniform dan aktiviti sukan, beliau juga aktif dalam aktiviti seperti berpidato dan berbahas serta komited dalam pelajaran terutamanya dalam penguasaan bahasa Arab.

“kalau di Maktab Mahmud pada hari sabtu pagi sabtu jam 8 hingga 10, kami belajar muhadasah bahasa Arab, iaitu program bercakap dalam bahasa Arab. Kemudian pada jam 10.30 hingga pukul 12, ada latihan muhadaroh iaitu dinamakan majlis muhadaroh. Program muhadaroh ini bercampur dengan bahasa Arab, sajak, pantun, syarahan juga perbahasan. Semua pelajar-pelajar Maktab Mahmud kena hadir dan mengambil bahagian. Bahasa Arab kita bercakap, belajar bercakap dalam bahasa Arab, membaca dan semua itu dalam semasa muhadasah. Muhadaroh kita berbahas, membaca sajak dan membaca syair. Saya ingat, memang masyhur dan seorang penuntut

¹³⁸ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman dalam temu bual dengan penulis, 30 Jun 2011.

yang kita kata pandai berpidato dan bijak berbahas. Jadi bakat itu telah ada sejak daripada ibtidai sehuinggalah thanawi sehingga habis kelas 8.”¹³⁹

3.2.4. Sikap Berdikari Yang Tinggi

Fadzil Mohd. Noor mempunyai sikap ingin berdikari sejak kecil lagi. Kehidupan yang dilalui bersama masyarakat kampung sangat memberi kesan kepada dirinya. Beliau sejak kecil lagi berusaha untuk meringankan tanggungjawab ibubapanya dengan berusaha bersama rakan-rakannya yang lain untuk mencari duit tambahan dengan melakukan kerja-kerja yang termampu. Keterlibatan awal ini membuktikan beliau secara tidak langsung membiasakan dirinya dengan kerja-kerja amal bakti untuk membantu orang lain, tidak semata-mata mengharap atau mendapatkan ganjaran berbentuk upah dan sebagainya. Misalnya, membantu menuai padi bersama-sama rakannya ketika musim menuai padi. Kehidupan sebegini dikaitkan dengan kehidupan Fadzil Mohd. Noor yang digambarkan sebagai seorang pemimpin yang sederhana, dan mempunyai semangat yang tinggi untuk membantu masyarakat secara keseluruhannya.

Kemudian bila kami sudah naik ke peringkat menengah dalam musim-musim padi di Kedah, untuk mendapatkan tambahan wang saku, saya ingat ustaz Fadzil dan beberapa orang kawan lagi kita pergi ke rumah kawan-kawan. Contohnya pergi ke rumah saya, di sana tolong bantu kerja-kerja menuai padi, begitulah juga di rumah kawan-kawan yang lain. Kemudian ini sebahagian kerja-kerja yang kita buat sebagai satu kegiatan yang berfaedah dan dari sini menimbulkan rasa apa nama semangat untuk membantu orang-orang yang susah dan bagaimana kita mendapat pelajaran bahawa untuk menampung dan meningkatkan hidup ini menghadapi banyak cabaran. Itu di antara yang kita buat.¹⁴⁰

3.2.5. Pekerjaan

¹³⁹ *Ibid.*

¹⁴⁰ *Ibid.*

Fadzil Mohd. Noor pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Sekolah Menengah Badlishah, Kulim, Kedah setelah selesai pengajiannya di Maktab Mahmud dan juga berkhidmat sebagai pegawai di Jabatan Zakat Negeri Kedah.¹⁴¹ Memandangkan beliau penerima biasiswa rasmi pemerintah ketika melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar Mesir, maka beliau terlibat sebagai tenaga pengajar di sekolah yang pernah beliau belajar suatu ketika dahulu iaitu di Maktab Mahmud (1967-1973).¹⁴² Pada tahun 1973 beliau menerima tawaran sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Jalan Gurney, Kuala Lumpur.¹⁴³ Fadzil Mohd. Noor yang berkhidmat sebagai tenaga pensyarah Pengajian Islam di Pusat Kemanusiaan UTM dengan rasminya dipecat dari jawatannya pada 15hb Februari 1979. Pemecatannya dibuat oleh Naib Canselor bagi pihak Majlis UTM, pada 14 Februari 1979 yang berkuatkuasa dalam masa 24 jam.¹⁴⁴ Dakwaan-dakwaan pihak UTM¹⁴⁵ terhadap pemecatan beliau, semuanya dapat disanggah dengan fakta-fakta sebenar.¹⁴⁶ Ini terbukti apabila Fadzil Mohd.

¹⁴¹ Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar*, 336.

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 62.

¹⁴⁴ Risalah Angkatan Belia Islam Malaysia, Menegak Kebenaran dan Keadilan, Tahun Ke 5, 1979/1399-Bil.1, Untuk Ahli Sahaja, 1 dan 19.

¹⁴⁵ Antara tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Ustaz Fadzil Noor ialah; Tuduhan 1, beliau telah dituduh tidak hadir bertugas mulai dari 25hb Jun hingga 10hb Julai 1978. Dalam tempoh ini, beliau berada di Kedah kerana mengambil bahagian dalam Pilihanraya Umum 1978. Tuduhan 2, Ustaz Fadzil Noor telah dituduh tidak hadir bertugas 22hb Disember 1973 hingga 13hb Januari 1974 kerana menghadiri sidang Belia Islam Sedunia di Riyadh, Arab Saudi. Tuduhan 3, Ustaz Fadzil Noor juga telah dituduh tidak hadir bertugas pada tarikh 2hb November hingga 8 November 1976 kerana menghadiri sidang Belia Sedunia di Riyadh, Arab Saudi. Tuduhan 4, Ustaz Fadzil Noor telah dituduh bahawa beliau telah menunjukkan sikap lebih mementingkan diri sendiri dan telah membelakangkan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang kakitangan akademik UTM. (Risalah Abim, Tahun ke 5, 1979/1399-Bil.1)

¹⁴⁶ Sebagai seorang ahli Abim dan bekas Timbalan Presiden Abim, pihak Abim telah mengemukakan jawapan kepada tuduhan kepada Ustaz Fadzil Noor dan fakta-fakta sebenar iaitu Tuduhan 1, Penglibatan beliau dalam Pilihanraya. Bersabit dengan tuduhan tersebut, ternyata soal cuti itu sengaja dibesar-besarkan dan sengaja diadakan situasi demikian rupa untuk memberi alasan teknikal kepada Naib Canselor untuk bertindak terhadapnya. Ustaz Fadzil Noor telah pun memohon secara rasmi iaitu cuti tanpa gaji dari Naib Canselor. Surat permohonan cuti tanpa gaji itu dihantar melalui Ketua Jabatan berkenaan. Ketua Jabatannya bersetuju supaya permohonan cuti beliau diluluskan. Rakan-rakan beliau iaitu Ustaz-ustaz di UTM pula bersetuju mengajar di kelas-kelas yang beliau sepatutnya mengajar. Dengan ini penglibatannya dalam pilihanraya umum itu

tidak akan menjejaskan kuliah-kuliahnya di UTM. Walau bagaimanapun, kebenaran cuti dari Ketua Jabatannya itu telah dibatalkan oleh Naib Canselor. Sebaliknya Naib Canselor hanya memberi izin cuti biasa mulai 21hb Jun hingga 24 Jun 1978 iaitu 4 hari sahaja. Ini menunjukkan sikap yang penuh prejudis pihak Naib Canselor UTM terhadap Ustaz Fadzil Noor dan menunjukkan bahawa hak beliau untuk mengambil bahagian secara sah dalam proses demokrasi Negara ini telah cuba dinafikan. Walau bagaimanapun, semasa kempen pilihanraya sedang berjalan, beliau sekali lagi memohon supaya cutinya dilanjutkan. Ini disebabkan cuti selama 4 hari itu tentunya tidak mencukupi dan oleh itu beliau tidak dapat hadir bertugas semasa pilihanraya yang masih belum selesai. Sekali lagi permohonan beliau telah ditolak oleh Naib Canselor. Abim berkeyakinan bahawa penglibatan aktif Ustaz Fadzil Noor ini merupakan perkara “RAHSIA”. Ini kerana, sebenarnya timbul rasa tidak senang dan rasa gelisah dikalangan pihak tertentu dari ahli-ahli parti pemerintah dan pihak “Naib Canselor” Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sendiri untuk segera memecatnya. Walhal jika semua pihak boleh berfikir dengan rasional, adil dan sah sesuai dengan nilai-nilai akhlak Islam, sebenarnya penglibatan Ustaz Fadzil Noor dalam pilihanraya berkenaan adalah SAH di sisi undang-undang Negara. Sebagai kakitangan akademik di sebuah Universiti, undang-undang memang meluluskan beliau berbuat demikian. Lagi pun pada masa lalu, telah pun ramai ahli-ahli akademik universiti yang masuk bertanding dalam pilihanraya di Negara ini dan telah kalah, tetapi masih kekal sebagai pensyarah. Bahkan Menteri Pelajaran ketika itu YB Datuk Musa Hitam pernah bertanding dalam satu pilihanraya kebangsaan semasa beliau bertugas sebagai seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentasbiran, Universiti Malaya (UM). Begitu juga dengan En. Raja Mokhtaruddin Dain dan Rashid Ahmad, di mana keduanya dari Jabatan Pengajian Melayu (JPM), UM pernah bertanding dan kalah dalam Pilihanraya Umum 1974. Ketika itu kedua-dua mereka masih kekal sebagai pensyarah di JPM, UM. Tuduhan ke 2, Ustaz Fadzil Noor telah, mendapat jemputan secara tergesa-gesa dari Persidangan Belia Islam Sedunia atau *World Assembly Muslim Youth* (WAMY) di Riyadh, Arab Saudi. Kehadiran beliau sangat bermakna dan penting bagi faedah dakwah di negara Malaysia dan juga di UTM di mana beliau adalah seorang pensyarah Pengajian Islam yang berkait rapat dengan gerakan Islam di Negara ini. Di sebabkan kesuntukkan masa atas jemputan singkat tersebut, beliau dengan sendirinya berjumpa dengan Naib Canselor UTM untuk memohon kebenaran bercuti. Pihak Naib Canselor berjanji akan menimbangkan permohonan tersebut. Dengan jaminan tersebut Ustaz Fadzil Noor telah berlepas ke Riyadh. Apabila beliau kembali, beliau dimaklumkan bahawa cutinya tidak diluluskan. Berdasarkan fakta yang ada, ternyata pihak Naib Canselor UTM sengaja menyusahkan Ustaz Fadzil Noor dalam usaha beliau untuk berdakwah. Naib Canselor boleh memaklumkan awal dan tidak perlu memberi jaminan yang bukan-bukan. Penafian cuti Ustaz Fadzil juga tidak berasas kerana cuti beliau masih banyak dan semua kuliahnya telah pun siap diganti oleh rakan-rakannya iaitu ustaz-ustaz lain di UTM. Tuduhan ke 3, sebenarnya Ustaz Fadzil Noor telah mendapat bercuti dari 16hb Oktober hingga 1hb November 1976 untuk menghadiri WAMY. Bagaimanapun, telah kelewatan balik dari Riyadh disebabkan beliau tidak mendapat tempat dalam kapal terbang pada masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, kelewatan yang ada bukan disengajakan oleh beliau. Pada waktu kecemasan itu beliau masih lagi mengikut amalan peraturan biasa dengan menghantar taligram kepada pihak berkuasa UTM memberitahu perkara yang sebenarnya. Beliau meminta masa bercutinya disambung. Di waktu itu pula UTM sebenarnya sedang bercuti dan tidak ada kuliah pengajian ketika itu. Sekiranya kehadiran Ustaz Fadzil Noor tidak hadir bertugas begitu besar “dosanya”, kenapa Jawatankuasa Disiplin Universiti (JDU) (Pengerusinya adalah Naib Canselor sendiri, dan Pendaftar sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Disiplin Universiti) tidak mahu bersidang? Bukankah wajar jawatankuasa ini memanggilnya untuk memberi peluang untuk beliau membela diri? Apa yang mengecewakan, JDU tidak pernah bersidang sama sekali. Kes Ustaz Fadzil Noor terus dibawa ke mesyuarat Majlis Universiti (MU). Mengikut peruntukkan di bawah Akta Universiti-universiti dan Universiti Kolej, Ustaz Fadzil Noor sepatutnya dibenarkan oleh JDU untuk membuat rayuan kepada MU. Malangnya perkara ini tidak berlaku. Tuduhan ke 4, yang mengatakan Ustaz Fadzil Noor mementingkan diri adalah salah sama sekali. Sekiranya benar, sudah pasti pada tahun Pilihanraya Umum 1974, beliau telah bertanding di atas tiket PAS. Ketika itu PAS masih berada di dalam BN dan sememangnya beliau telah ditawarkan bertanding. Peluang untuk menang ketika itu amatlah cerah. Bahkan sekiranya Ustaz Fadzil Noor menang ketika itu sudah pasti beliau ditawarkan ke jawatan penting dalam pemerintahan. Sebaliknya kerana keikhlasan dan niat untuk perjuangan Islam, beliau telah menolak tawaran-tawaran dari pihak-pihak tertentu agar beliau bertanding. Pada

Noor membawa kes pemecatannya ke Mahkamah supaya tindakan tersebut terbatal dan akhirnya beliau berjaya. Setelah hampir setahun tidak bekerja, pihak Mahkamah telah membatalkan pemecatannya dan pihak UTM diperintah agar menyambung perkhidmatannya dan membayar perbelanjaan mahkamah dan tunggakan gajinya selama beliau dipecat.

Walau bagaimanapun selepas 3 bulan berkhidmat semula Fadzil Mohd. Noor telah membuat keputusan memberi notis berhenti kerja untuk memberi tumpuan sepenuh masa dalam menggerakkan PAS. Sepanjang beliau tidak bertugas sebagai pensyarah, Fadzil Mohd. Noor melibatkan diri sepenuh masa mengisi kekosongan yang ada di dalam PAS iaitu membuat kerja-kerja menggerakkan parti. Fadzil Mohd. Noor turut dibantu oleh rakan-rakannya sekadar yang mampu untuk menambah pendapatan menyara keluarganya.¹⁴⁷ Selepas berpindah ke Alor Setar kerana bertanding dalam pilihan raya di Bukit Raya dan kalah, beliau bersama rakannya membuka sekolah Yayasan Budi. Bagi menambah dan mengukuhkan pendapatannya, Fadzil Mohd. Noor turut terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan dengan menjual kain batik dan kain pelekat yang dibawanya bersama ketika berceramah.

Kata Hj.Abdul Rahman Mustafa, Ustaz Fadzil masa tu susah. Dia jual kain batik dan kain pelekat...Ustaz Fadzil bawa kain-kain dalam bonet motokarnya. Bila dia ceramah, dia buka bonet motokar, dia

pilihanraya 1978, suasananya berbeza kerana PAS telah disingkirkan daripada BN. PAS mengalami sejarah yang paling kritikal dalam perjuangannya dengan berbagai fitnah dan sabotaj. Pada waktu yang sama telah berlaku krisis PAS di Kelantan. Sekali lagi kerana keikhlasan hatinya kepada perjuangan Islam, Ustaz Fadzil Noor telah sanggup menawarkan diri bertanding atas tiket PAS di kawasan Parlimen Kuala Kedah dan DUN Anak Bukit. Beliau amat sedar sekiranya beliau kalah (sememangnya beliau, mengalaminya) kesan pada dirinya amat besar. Namun demikian kerana cintakan kepada *Harakah Islamiyyah*, sambil ingin serta untuk menyelamatkannya, disamping taat kepada keputusan syura (consensus) jamaah, beliau bertungkus lumus berjihad dalam pilihanraya sekalipun beliau tewas. (Risalah Abim, Tahun ke 5, 1979/1399-Bil.1)

¹⁴⁷ Subky Abd. Latif, *Fadzil Noor*, 68.

bagi tahu sahaja siapa berhajat nak beli kain pelekat, belilah. Dia tidak berjaja sekadar bagi tahu saja.¹⁴⁸

3.3. Aktivistik Dakwah Politik

Ketokohan Fadzil Mohd. Noor sememangnya dilihat sejak kecil lagi. Beliau seorang yang cerdas dan ini terbukti semasa di Sekolah Melayu, beliau pernah melompat darjah. Beliau turut dapat menguasai bacaan al-Quran. Beliau pernah dilantik menjadi ketua darjah serta terlibat mengambil bahagian dalam majlis perbincangan dan menyertai acara berpantun. Beliau tidak pernah bertumbuk dan jarang berkelahi dengan rakan sebayanya. Kelebihan yang ada ini menjadikan Fadzil Mohd. Noor menjadi pelajar yang berpengaruh di kalangan murid-murid dan dikenali di kalangan guru-gurunya ketika di bangku persekolahan.¹⁴⁹ Semasa belajar di Maktab Mahmud, beliau dikatakan seorang pelajar yang petah dan terdedah dengan ilmu syarahan dan perbincangan. Maka tidak hairanlah beliau dikenali oleh masyarakat luar kerana terlibat dengan majlis-majlis seperti syarahan *maulidur Rasul* dan sebagainya. Membaca adalah sebahagian daripada hobinya.¹⁵⁰ Ketika melanjutkan pelajarannya di Universiti Al-Azhar Mesir, beliau dengan mudah melibatkan diri dengan Persatuan Melayu Arab Mesir (PMRAM) dengan jawatan awalnya sebagai Ketua Penerangan, Setiausaha dan akhirnya sebagai Timbalan Presiden.¹⁵¹

Sekembalinya ke tanah air, Fadzil Mohd. Noor pernah terlibat dalam beberapa pertubuhan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) sebagai

¹⁴⁸ *Ibid.*, 69.

¹⁴⁹ *Ibid.*, 42-43.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 45.

¹⁵¹ Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar*, 336.

Setiausaha,¹⁵² terlibat dalam penubuhan Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM)¹⁵³, dan memainkan peranan yang besar menggerakkan ABIM. ABIM merupakan suatu wadah untuk Fadzil Mohd. Noor mempergiatkan gerakan dakwahnya secara serius. Bermula dengan tanggungjawab memikul amanah sebagai Ketua Perhubungan Abim pada tahun 1973 hingga 1974 dan sebagai Timbalan Presiden pada tahun 1974 hingga 1978. Ketika Presiden ABIM, Anwar Ibrahim ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) oleh kerajaan Malaysia pada 3hb Disember 1974 berkaitan dengan satu tunjuk perasaan pelajar-pelajar Pusat Pengajian Tinggi di Padang Kelab Selangor, Fadzil Mohd. Noor telah memikul amanah yang berat sebagai pemangku jawatan Presiden Abim. Ketokohan Fadzil Mohd. Noor tidak dinafikan lagi malah secara umumnya ada yang berpandangan sekiranya beliau tidak menceburkan diri dalam PAS, beliau adalah tokoh yang dijangka menggantikan Anwar Ibrahim.¹⁵⁴

¹⁵² *Ibid.*

¹⁵³ Penubuhan Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) bermula apabila timbul kesedaran untuk menyatukan penulis-penulis Islam Malaysia ketika itu. Perbincangan serta bertukar-tukar pandangan telah berlaku di kalangan penulis-penulis terkemuka di Kuala Lumpur termasuk para intelek dari negeri Melaka dan Perak. Pada 1hb Mei 1975 satu perjumpaan telah diadakan di rumah saudara Osman Bakar, Kampung Bharu, Jalan Raja Ali, Kuala Lumpur, dengan semangat dan kesedaran yang luhur, untuk melahirkan satu badan yang dapat membuka hati masyarakat ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Justeru itu lahirlah Satu badan penulis yang agresif bernama Gabungan Penulis Islam Malaysia atau GAPIM. Memandangkan usaha GAPIM hanya berlegar dalam situasi perkumpulan yang kecil, ia tidaklah didaftarkan. Walau bagaimanapun, badan ini mengadakan perbincangan demi perbincangan, diskusi dan beberapa kuliah yang disampaikan oleh Prof. Dr. Syed Mohd Naguib Al-Attas di rumahnya sendiri. Perjumpaan diadakan pada setiap malam setelah selesai solat maghrib. Kegiatan ini berjalan sehingga 30hb Oktober 1977. Maka timbulah pandangan agar GAPIM didaftarkan dan dipersetujui oleh Prof. Dr. Naguib. Antara tujuan penting ialah hasrat untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat tentang makna dan erti sastera Islam dan falsafah Islam. Maka jawatankuasa penaja telah menghubungi ABIM ketika pimpinan ABIM mengadakan usrah di rumah saudara Anwar Ibrahim yang masih dalam tahanan di Kamunting, Perak. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah saudara Ustaz Fadzil Mohd Noor, saudara Kamaruddin Mohd Noor, saudara Zakaria Hashim, saudara Faizal Osman, saudara Osman Ali dan saudara Ibrahim Ali (baru dibebaskan dari tahanan). (Sila rujuk Lapuran Tahunan GAPIM, Muktamar Sanawi Kedua, 4 Rabiulawal 1398 bersamaan 12 Februari 1977, Di Dewan Siswa Kuala Lumpur Politeknik, Wisma Kartika Jalan Sri Amar Kuala Lumpur)

¹⁵⁴ Panji Masyarakat, KDN 097/80-ISSN 0126-9011, April 1980, 24.

Ini dinyatakan oleh Siddiq Fadzil, di mana ketika Razali Nawawi Presiden ABIM yang pertama membuat keputusan melepaskan jawatannya sebagai Presiden pada tahun 1974, telah ada kesepakatan di kalangan pimpinan kanan ABIM meminta Fadzil Mohd. Noor mengambil alih teraju kepimpinan. Tetapi beliau menolak dengan baik dan berpandangan bahawa Anwar Ibrahim lebih sesuai ditonjolkan sebagai pimpinan utama dan beliau siap untuk menjadi timbalannya. Keadaan ini telah menyerlahkan jiwa besar, sifat *tawaddu'* dan rendah hati beliau sebagai pemimpin berjiwa Islam. Beliau juga dilihat sebagai seorang yang bukan mudah memikul sesuatu amanah selagi dilihatnya masih ada orang lain yang lebih layak mengikut perkiraanya.¹⁵⁵

Menurut Abdul Hadi Awang juga, Fadzil Mohd. Noor sememangnya menyerlah dalam aktiviti dakwah dan politik sekaligus iaitu badan dakwah ABIM dan parti politik PAS. Di samping itu Fadzil Mohd. Noor juga telah diberi ruang untuk berdakwah melalui medium elektronik iaitu radio, dimana beliau menterjemahkan bacaan al-Quran pada hari Jumaat sekitar tahun 1967 dan 1968 di radio Malaysia, peringkat kebangsaan. Ketika itu penggunaan televisyen di kalangan rakyat Malaysia belum lagi tersebar di seluruh negara.¹⁵⁶ Keilmuan Fadzil Mohd. Noor juga tidak boleh dinafikan apabila beliau pernah menjadi Ahli Majlis Fatwa Kedah dan menjadi ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 1976 hingga 1979.¹⁵⁷

¹⁵⁵ Siddiq Fadzil, Dato'Haji Fadzil Nor: Satu Catatan Apresiasi, *op.cit.*, 1-2.

¹⁵⁶ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

¹⁵⁷ Panji Masyarakat.

Penglibatan Fadzil Mohd. Noor dalam politik PAS seawal 1959 sewaktu menuntut di Maktab Mahmud.¹⁵⁸ Beliau turut membantu calon PAS dalam pilihan raya tahun bersama beberapa orang rakan dari Maktab Mahmud seperti saudara Jais Anuar di samping sering mengikuti pidato dari tokoh penting PAS peringkat awal iaitu Burhanuddin Al-Helmy dan Zulkifli Muhammad.¹⁵⁹ Penglibatan Fadzil Mohd. Noor secara serius dalam kancah politik pilihan raya bermula pada tahun 1978, apabila PAS telah memberi mandat kepada beliau untuk bertanding di kawasan Parlimen Kuala Kedah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Alor Merah, negeri Kedah. Selepas pilihanraya di Kedah dalam tahun 1978, Fadzil Mohd. Noor telah dilantik menjadi Yang Dipertua PAS kawasan Kuala Kedah dan Ahli Perhubungan PAS Negeri Kedah.¹⁶⁰ Pada tahun 1980, beliau sekali lagi bertanding dalam pilihan raya kecil di kawasan DUN Bukit Raya berikutan kematian ahli DUN kawasan tersebut. Beliau ditakdirkan gagal memenangi sebarang kerusi dalam pilihan raya tersebut. Fadzil Mohd. Noor seorang tokoh yang berwibawa, berilmu, tinggi daya juangnya, keluhuran budi, kepetahannya berhujah dan dilihat sebagai tokoh muda Islam yang mampu menguatkan PAS. Menurut Siddiq Fadzil, posisi yang diamanahkan kepada Fadzil Mohd. Noor sebagai Timbalan Presiden ABIM sehinggalah beliau melepaskannya pada tahun 1978 untuk bergiat secara aktif dalam PAS, merupakan suatu bukti semangat setiakawan dan saranan oleh almarhum Bapak Mohammad Natsir menjayakan formula *blood transfusion*.

¹⁵⁸ Muhaimin Sulam. *Ibid.op.cit.*, 47.

¹⁵⁹ Sheikh Al-Fikri (2003), *Fadzil Noor: Pemikiran Dan Pendekatan Dakwah*, (Bangi: Dewan Ulama Pas Pusat, 2003), 7.

¹⁶⁰ Dr. Ammar bin Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.

Ketokohan awal dalam politik PAS terserlah apabila Fadzil Mohd. Noor dilantik menjadi Yang DiPertua PAS Kawasan Kuala Kedah dan Ahli Perhubungan PAS Negeri Kedah dan sebagai Exco PAS Kedah. Penglibatan dalam politik semakin meningkat apabila beliau dilantik dan seterusnya menjadi Pesuruhjaya PAS Kedah pada 1982 sehingga 2002.¹⁶¹ Pada tahun 1982, Fadzil Mohd. Noor bertanding lagi di DUN Bukit Raya dan beliau telah memenangi dalam pilihanraya tersebut. Beliau berjaya mempertahankan kerusi di DUN Bukit Raya selama empat penggal berturut-turut sehingga Pilihanraya Umum 1999. Dalam pilihanraya 1982 berkenaan, Fadzil Mohd. Noor berjaya mengalahkan calon Barisan Nasional (BN) Safirol Haji Hasim dan calon Bebas Mohd Mohktar Abdullah dengan majoriti 346 undi, dan pada tahun 1986 beliau sekali lagi menang dengan majoriti 2,215 undi mengalahkan calon BN, Ahmad Zakuan Haji Ahmad. Pada tahun 1990, beliau mengalahkan calon BN Syed Mansor Barakbah dengan majoriti 1,829 dan pada tahun 1995 beliau mengalahkan calon BN iaitu Fadzil Hanafi dengan majoriti 2,414. Kejayaan Fadzil Mohd. Noor seterusnya pada Pilihanraya Umum 1999 apabila pertama kalinya memenangi kerusi Parlimen Pendang dengan mengalahkan Othman Abdul dan sekali lagi mengekalkan kerusi DUN Anak Bukit.¹⁶²

3.3.1. Karya penulisan

Fadzil Mohd. Noor tidak ketinggalan menghasilkan beberapa penulisan dakwah politik untuk dibaca oleh orang ramai dalam usaha beliau menyebarkan kefahaman Islam yang syumul. Dalam konteks masalah perpecahan bangsa, Fadzil Mohd. Noor menulis makalah yang bertajuk “Masalah Perpecahan Bangsa Dan

¹⁶¹ Muhaimin Sulam.

¹⁶² Kamarudin Jaafar, *Fadzil Noor, Perjuangan dan Pemikiran*, (Kuala Lumpur: Dewan Muslimat Sdn.Bhd., 2001), iii-iv.

Asas Penyelesaiannya” ketika beliau sebagai Timbalan Yang Di Pertua PAS.¹⁶³ Sebuah buku yang mengumpul semua ceramah dan pengajian Fadzil Mohd. Noor dinamakan “Aqidah dan Perjuangan” turut diterbitkan. Isi kandungan buku ini merupakan asas kefahaman dakwah politik yang menekankan kepentingan aqidah, pemerintahan Islam yang adil, peranan ulama sebagai pemimpin umat dan sebagainya.¹⁶⁴ Fadzil Mohd. Noor turut menghasilkan karya yang bertajuk “Masyarakat Madani Alaf Baru” yang dikaitkan dengan suatu pemikiran yang merupakan pelopor gerakan Islam yang telah melepasi sempadan massa.¹⁶⁵

3.3.2. Sifat Keberanian Dalam Perjuangan

Keberanian Fadzil Mohd. Noor dalam menyatakan pendirian sangat jelas di peringkat awal sebelum menyertai politik sepenuh masa. Berdasarkan kenyataan Anwar Ibrahim, pada 3 Disember 1974, Fadzil Mohd. Noor juga turut terlibat dengan demonstrasi besar-besaran di Masjid Negara, Kuala Lumpur kerana menentang dasar kerajaan BN ketika itu yang didakwa mengabaikan nasib rakyat termiskin terutamanya bagi rakyat di daerah Baling, di negeri Kedah. Demonstrasi yang turut melibatkan ribuan mahasiswa di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang itu juga telah menyebabkan Fadzil Mohd. Noor turut di tahan oleh pihak berkuasa.¹⁶⁶

Slogan yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana terus berkumandang. Saya tertangkap dan diheret dari Masjid Negara hingga terkoyak baju, tetapi berjaya dilepaskan manakala sekumpulan mahasiswa menahan kenderaan FRU berkenaan. Saya diberitahu kemudian hampir seribu mahasiswa dan pensyarah ditahan, termasuk Ustaz Fadzil yang tidak diberi makanan dan kemudahan menyempurnakan solat.

¹⁶³ Fadzil Mohd Noor dan Abdul Hadi Awang (1988), *Perpecahan Bangsa Dan Penyelesaian*, (Kuala Lumpur: Dewan Pemuda PAS Pusat, 1988), 5-18.

¹⁶⁴ Fadzil Mohd Noor, *Aqidah Dan Perjuangan*, (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 2003), 5-65.

¹⁶⁵ Fadzil Mohd Noor, *Masyarakat Madani Alaf Baru*, (Kedah: Pustaka Mahabbah, 2003), 5-14.

¹⁶⁶ Zunar, *Warkah Anwar, Surat-Surat Dari Penjara 1998-2004*, (Selangor: Edisi Prima Sdn. Bhd., 2005), 293-294.

Fadzil Mohd. Noor dilihat sebagai seorang yang berani ketika terlibat di dalam dakwah politik. Beliau pernah menegur dengan lantang tindakan kerajaan yang menangani Peristiwa Memali yang beliau fikir ada unsur fitnah dan ketidakadilan yang akhirnya membawa kepada peristiwa kematian Ibrahim Libya yang menjadi titik hitam negara.¹⁶⁷ Beliau pernah melalui pengalaman di kepung dan diugut oleh pihak-pihak tertentu ketika beliau bersama beberapa pemimpin PAS mengadakan ceramah di negeri Kelantan.¹⁶⁸ Sememangnya suasana politik di negeri Kelantan mempunyai latar belakang yang tragis seperti pembunuhan dan penculikan seperti yang dilaporkan oleh Salahuddin Abdullah, bekas setiausaha perhubungan PAS Kelantan di era Asri Muda sebagai Menteri Besar Kelantan.¹⁶⁹ Walaupun perkara ini tidak mendatang sebarang kejadian buruk, tetapi perlu diakui peristiwa ini sangat bermakna untuk menguji keberanian dan kesabaran ketika menjalankan dakwah politik berdasarkan suasana politik ketika itu yang agak tegang. Fadzil Mohd. Noor pernah dihadapkan ke mahkamah majistret Jitra, Kedah pada 12, 13, dan 14 September 1987, bersama dengan pemimpin PAS Shaari Hamzah selaku Yang Dipertua PAS Jerlun. Mereka telah dituduh mengadakan perhimpunan haram di Sanglang, Kedah menjelang pilihan raya 1986. Beliau telah dibantu oleh barisan peguam iaitu Moheddin Abdul Kadir, Wan Mutalib Embong dan Farid Haji Zakaria.¹⁷⁰

¹⁶⁷ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

¹⁶⁸ Yazid bin Jaafar (Mantan ketua Dewan Pemuda PAS Selangor, Exco Dewan Pemuda PAS Pusat, Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak dan Pesuruhjaya PAS Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 16 Julai 2011.

¹⁶⁹ Salahuddin Abdullah, *Sejarah PAS Kelantan*, (Kota Bharu: Pejabat Perhubungan PAS Kelantan, 2010).

¹⁷⁰ Muhaimin Sulam, *op.cit.*

3.3.3. Sifat Terpuji

Fadzil Mohd. Noor dilihat sebagai tokoh dakwah politik yang mempunyai akhlak yang mulia selaras dengan apa yang ditunjukkan oleh junjungan Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Ketika memimpin PAS, terbukti almarhum seorang yang sabar dalam menghadapi ujian sama ada dari luar atau dalam partinya sendiri. Beliau tidak menunjukkan kepongahan atau hilang pertimbangan apabila dikritik. Ini diakui oleh Haji Suhaimi Ahmad, bekas Adun Kupang, negeri Kedah dan pernah menjawat jawatan Setiausaha Perhubungan PAS Kedah ketika Fadzil Mohd. Noor sebagai Pesuruhjaya PAS Kedah. Suhaimi Ahmad adalah antara individu yang paling kuat mengkritik semua pihak termasuk Presiden parti Fadzil Mohd. Noor ketika berlangsungnya muktamar.

Apabila kita mengkritiknya, barulah beliau menjawab dan memberi pandangan begitu jauh....Ketika muktamar di Balai Islam Lundang dahulu, berlaku sedikit perselisihan antara pemuda pusat dengan Kelantan. Ketika itu dalam bahas ucapan dasar Presiden, saya mengkritik ucapan tersebut dengan mengatakan ucapan beliau tiada wawasan. Keadaan suasana perwakilan yang tegang telah menjadi tenang semula apabila kritikan saya telah dijawab dengan begitu menarik sekali oleh Datuk Presiden..¹⁷¹

Beliau juga sangat menghormati dan menyayangi golongan bawahan yang bersama dengannya. Ini diakui oleh saudara Abdul Latif Abdul Aziz yang pernah menjadi pemandu peribadi Fadzil Mohd. Noor selama 5 tahun. Abdul Latif menceritakan bagaimana Fadzil Mohd. Noor sanggup memberikan tempat tidur yang selesa kepada pemandunya, sedangkan pada waktu yang sama Fadzil Mohd. Noor hanya tidur di kerusi tetamu.¹⁷² Rahim Saidin Setiausaha Kerja PAS Pusat yang sempat

¹⁷¹ Zabidi bin Morad, *Fadzil Noor Dalam Kenangan, Pulu Mengingatimu*, (Selangor: Dewan Pemuda PAS Kedah, 2005), 40.

¹⁷² "Memperingati Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor, Sukar Dicari Ganti," *Harakah*, 27-30 Jun 2011.

bersama Fadzil Mohd. Noor selama 11 tahun, menyifatkan Fadzil Mohd. Noor sebagai seorang pemimpin yang prihatin terhadap orang bawahannya. Fadzil Mohd. Noor sering tidur di Pejabat Agung PAS di Taman Melewar suatu ketika dahulu dengan hanya beralaskan kusyen sebagai alas tidurnya. Beliau juga sanggup bersama kakitangan dan bertemu dengan sesiapa sahaja tanpa memilih status dan sebagainya, termasuklah suka makan bersama-sama dengan mereka.¹⁷³

Berdasarkan pandangan seorang wartawan Abdul Shukor Harun, sifat terpuji Fadzil Mohd Noor juga menjadi faktor penggerak anak muda untuk menyertai PAS di awal 1980an. Antara yang mendorong anak-anak muda mendekati PAS di era kepimpinan beliau ialah sikap kepimpinannya yang terbuka, menyantuni rakyat, sentiasa berada di tengah-tengah rakyat, digambarkan sebagai pemimpin marhaen dan mudah didekati oleh rakyat sehingga boleh diajak makan di mana sahaja, walaupun di gerai-gerai kecil di tepi jalan¹⁷⁴.

3.4. Kejayaan Ketika Memimpin PAS

Fadzil Mohd. Noor dikatakan mula menerajui kepimpinan PAS ketika suasana politik Malaysia dalam kegawatan, terutamanya apabila Tengku Razaleigh Hamzah, yang terkeluar daripada parti United Malays National Organization (UMNO) selepas kegagalan beliau dalam perebutan jawatan Presiden UMNO daripada Dr. Mahathir Mohammad pada tahun 1987, sekaligus mengakibatkan kelahiran UMNO baru pada 13 Februari 1988. Tengku Razaleigh ketika itu telah menubuhkan parti Semangat 46. Kematangan dakwah politik Fadzil Mohd.Noor dalam mencatur

¹⁷³ *Ibid.*

¹⁷⁴ *Ibid.*

kekuatan politik pembangkang terutamanya parti PAS, ialah apabila beliau dengan beraninya mengadakan hubungan kerjasama politik yang bukan sahaja bersama dengan parti Semangat 46, malah bersama dengan parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dan parti Barisan Jati Rakyat Serawak (BERJASA). Akhirnya beliau berjaya menubuhkan barisan gabungan parti pembangkang yang bernama Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang didaftarkan pada tarikh 5 Jun 1990. Ini menunjukkan beliau mengamalkan sikap berlapang dada dan berjiwa besar.

Kemuncak kejayaan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor ialah apabila PAS telah mencapai kejayaan besar pada Pilihanraya Umum 1999. PAS telah memenangi 27 kerusi Parlimen manakala kerusi DUN sebanyak 98 buah kerusi di seluruh negara. Ini disifatkan sebagai satu kejayaan terbesar PAS memenangi jumlah kerusi sepanjang sejarah parti, terutamanya ketika Pilihanraya Parlimen pertama Tanah Melayu pada tahun 1955 apabila PAS hanya memenangi satu kerusi di Krian, negeri Perak. Calon PAS ketika itu ialah Ahmad bin Hussain. Kemenangan Pilihanraya Umum 1999 menyaksikan PAS berjaya membentuk kerajaan di Terengganu di samping mengekalkan kerajaan PAS di negeri Kelantan. Ketika pencapaian besar ini, Fadzil Mohd. Noor telah dipilih sebagai Ketua Pembangkang yang baru sesuai dengan jumlah kerusi PAS yang terbesar di kalangan parti pembangkang yang lain.¹⁷⁵ Jawatan sebagai Ketua Pembangkang di dalam Dewan Rakyat ini adalah merupakan jawatan tertinggi dan yang pertama diperolehi oleh pemimpin PAS sepanjang sejarah kewujudan jawatan tersebut¹⁷⁶. Sebelum itu, jawatan selaku Ketua

¹⁷⁵ *Ibid.*

¹⁷⁶ Jawatan Ketua Pembangkang kini disandang oleh Anwar bin Ibrahim, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Pembangkok ini disandang sejak sekian lama oleh Lim Kit Siang daripada parti Democratic Action Party (DAP).

3.5. Kesimpulan

Takdir telah menentukan Fadzil Mohd. Noor meninggal dunia pada 23 Jun 2002 selepas kira-kira dua minggu menjalani pembedahan pintasan pembuluh jantung di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada 10 Jun 2002. Allahyarham juga dikatakan menghidap penyakit kencing manis yang menyebabkan kegagalan buah pinggangnya berfungsi dengan baik. Sejak menjalani pembedahan pintasan pembuluh jantung selama lima jam, beliau berada dalam keadaan tidak sedarkan diri selama dua minggu. Hatta Ramli selaku setiausaha politiknya ketika itu menyatakan Fadzil Mohd. Noor yang berusia 65 tahun itu meninggal dunia pada jam 10.30 pagi di unit rawatan kecemasan (ICU), HUKM di Cheras Kuala Lumpur.¹⁷⁷ Kehilangan besar yang bukan sahaja dirasai oleh ribuan pendokong PAS seluruh negara, malah turut dirasai oleh kepimpinan negara apabila kerajaan pusat mengarahkan jenazahnya diterbangkan ke Kedah dengan pesawat Tentera Udara DiRaja Malaysia ke negeri Kedah. Jenazah Fadzil Mohd. Noor telah dibawa ke Muassasah Darul Ulum untuk dikebumikan. Sesuatu yang amat menakjubkan apabila dianggarkan ribuan manusia yang mengiringi jenazah almarhum Fadzil Mohd. Noor dari Alor Setar, di mana keadaan manusia dan kenderaan yang penuh sesak hampir 10 km. Tidak kurang dikatakan 50,000 orang telah hadir menunaikan solat jenazahnya.¹⁷⁸ Malah ada juga laporan yang mengatakan lebih 100,000 ribu orang membanjiri kawasan Muassasah Darul Ulum Pokok Sena bagi memberi

¹⁷⁷ Malaysiakini, laporan Nash Rahman, Jun 23, 02 5:57am.

¹⁷⁸ Saari Sungib, *Tokoh-Tokoh Besar*, 338.

penghormatan yang terakhir.¹⁷⁹ Pemergian Fadzil Mohd. Noor mengejutkan ramai pihak dan mendapat liputan meluas dalam dan luar negara. Tidak kurang juga ada pihak yang mula membuat andaian, persoalan dan kajian tentang masa depan PAS pasca kepimpinan Fadzil Mohd. Noor yang dilihat sebagai tokoh penting yang membawa PAS di era kebangkitan.¹⁸⁰ Ini secara tidak langsung suatu pengiktirafan kepada Fadzil Mohd. Noor yang banyak memberi sumbangan dalam meletakkan PAS di suatu kedudukan yang disegani dalam konteks dakwah politik negara sekaligus membangunkan negara Malaysia.

BAB 4

SUMBANGAN FADZIL MOHD. NOOR DALAM DAKWAH POLITIK

4.1. Pendahuluan

Sumbangan Fadzil Mohd. Noor sangat besar dan mempunyai kesan dalam konteks dakwah politik negara. Pengaruh beliau begitu terserlah di awal kepimpinan beliau mengemudi PAS, dengan membina PAS menjadi sebuah parti yang berpengaruh sama ada kepada pihak pemerintah, parti-parti politik pembangkang, masyarakat sehingga merentas di dalam pemikiran rakyat yang pelbagai kaum. Sosok tubuh Fadzil Mohd. Noor pada suatu ketika dilihat sudah berjaya meletakkan dirinya

¹⁷⁹ <http://www.tranungkite.net/lama/b06/harakah663.htm>. 25 Jun 2002.

¹⁸⁰ Farish A.Noar, “*PAS post-Fadzil Noor: Future Directions and Prospect*”(Pembentangan Kertas Kerja pada forum ‘Regional Strategic and Political Developments’, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 25 Julai 2002).

bukan sahaja sebagai pemimpin yang sangat berpengaruh kepada Pas serta parti-parti politik pembangkang seperti DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM), tetapi kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik negara, diukur dalam bentuk pemikiran, pandangan, tindakan dan memberi respon dalam beberapa isu besar negara sekaligus mematahkan hujah yang cuba disampaikan oleh pihak lawan. Sumbangan Fadzil Mohd. Noor ini dikaji dan dinilai sepanjang beliau bergerak dalam dakwah politik yang begitu menyerlah dalam menangani isu politik negara. Misalnya bagaimana pemikiran, pandangan, tindakan dan respon beliau dalam aspek politik, ekonomi dan sosial untuk rakyat Malaysia yang merentasi pelbagai kaum dalam konteks keadilan Islam. Walau bagaimana pun isu fitnah dan pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, telah membuktikan sumbangan besar beliau kepada rakyat Malaysia untuk bersama-sama terlibat dalam menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. Ini menyebabkan Fadzil Mohd. Noor dilihat sebagai tokoh yang membawa harapan bagi rakyat Malaysia untuk mencuba menyelesaikan kemelut politik negara ketika itu. Dengan berlandaskan platform politik, beliau membuktikan kekuatan pengaruhnya untuk membawa parti dan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO (Non-Governmental Organization) yang mempunyai kepelbagaian ideologi dan fikrah ke meja perundingan untuk bersama-sama menumpu agenda yang satu iaitu menegakkan keadilan dan menentang kezaliman dan membina negara berasaskan wahyu.

4.2. Membina Asas Dakwah Politik

Sepanjang keterlibatan Fadzil Mohd.Noor dalam medan politik, beliau bertanggung jawab membina asas dakwah politik yang berkaitan dengan akidah, ikhlas dan sifat keyakinan terhadap perjuangan Islam. Sekurang-kurangnya penekanan yang diberi oleh beliau sangat berkesan sama ada dalam membina ketahanan pendokong-pendokong PAS mahupun untuk umat Islam secara keseluruhannya. Menurut Abdul Hadi Awang, Fadzil Mohd. Noor merupakan seorang individu yang memanfaatkan ilmu secara praktikal dalam konteks dakwah politik. Dalam konteks dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor mengambil pendekatan *wajhah silmiah*, iaitu berdepan secara damai. Pendekatan ini merupakan satu permulaan yang disuruh oleh Allah s.w.t kepada para nabi a.s dan akhirnya PAS telah memilih demokrasi barat untuk menjalankan dakwahnya. Umat Islam perlu memahami dan perlu menyedari bahawa demokrasi barat ini adalah ciplak fiqah politik Islam, setelah orang barat mengkaji kitab-kitab fikah politik Islam, seperti kitab al-Mawardi, al-Ghazali, Ibn Khaldun, Ibn.Taimiyyah, Ibn.Qayyim dan lain-lain. Orang barat tidak mengenali perubahan dalam pemerintah melainkan menyembelih raja-raja mereka di England, Peranchis, dan mereka tidak tahu sistem demokrasi moden melainkan setelah mereka mengkaji fikah politik Islam. Bermula dengan *wajhah silmiah*, Fadzil Mohd. Noor telah memainkan peranan ini bukan sahaja bertemu rakyat, pada waktu yang sama membawa PAS bertemu dengan pemimpin-pemimpin BN, melalui pertemuan di Parlimen bahkan turut bertemu di meja mereka, berjumpa dengan mereka, dan bercakap dengan mereka. Beliau juga ada menegaskan bahawa pernah bersama dengan Fadzil Mohd. Noor berjumpa dengan pemimpin kerajaan seperti Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri Malaysia. Pendekatan yang diambil melalui pertemuan dengan orang Islam dan yang bukan Islam secara dakwah dan secara damai bukan sahaja memperkenalkan Islam, dalam aspek akidah, akhlak

tetapi termasuklah aspek politik. Melalui dakwah politik Fadzil Mohd. Noor melalui PAS, beliau memperkenalkan pemerintahan Islam yang adil kepada orang-orang yang bukan Islam, sebagai mesej yang sangat penting yang dimainkan oleh beliau.¹⁸¹

Apabila beliau melibatkan diri secara langsung bukan saja menuntut ilmu di Mesir (tetapi) balik ke Negara menghayati dan beramal dengan ilmu itu secara praktikal melibat diri dalam medan perjuangan dakwah dan politik kedua-dua sekali. Setelah pula terlibat dalam PAS dalam tahun 50an, beliau terlibat dalam penubuhan ABIM di tahun 70an dan beliau terus aktif dalam PAS, beliau bertanding dalam pilihan raya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli Parlimen, melaksanakan dakwah *amar ma'rūf nahī mungkar*, yang tertinggi ialah dengan tangan, (dengan) kuasa pemerintahan, kemudian dengan lidah, beliau menjalankan peranan dengan lidah di parlimen, dan di Dewan Undangan Negeri. Bukan sahaja berdepan dengan rakyat, pada masa yang sama berdepan dengan pemimpin-pemimpin kerajaan. Itu perbuatan secara langsung di mana para ulama mengatakan yang paling bernilai ialah seseorang yang berilmu dan beramal dengan ilmunya serta berjuang dengan ilmunya, ada orang yang berilmu mengajar dan menulis, yang berilmu tidak memberi sumbangan ilmu. Almarhum telah menyempurnakan apa yang disebut oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran.¹⁸²

4.2.1. Perkaitan Akidah Dan Politik

Dalam konteks dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor telah meletakkan suatu asas pemikiran akidah di dalam arena politik praktikal kepada masyarakat terutamanya seorang *dai'* yang berada di jalur politik. Umat Islam perlu memahami bahawa akidah atau rukun iman (*'aqīdah atau arkānul iman*) ini diluar dari alam tabi'i.¹⁸³

Beliau menegaskan bahawa asas percaya kepada Allah akan dapat melahirkan suatu

¹⁸¹ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ Fadzil Mohd. Noor, "Aqidah Satu Pandangan" (Kertas Kerja di dalam *tamrin* Malaysian Islamic Study Group (MISG), 1978), 2-3.

kehidupan yang tinggi. Seseorang itu tidak ada ketergantungan melainkan hanya kepada Allah SWT. Jiwa akan merdeka dan tidak terikat dengan mana-mana makhluk di atas muka bumi.

Menurut Fadzil Mohd. Noor, seseorang itu tidak akan merasa terhina dengan kelemahan, kemiskinan, kebodohan yang telah ditakdirkan kerana yang penting ialah apa yang diperolehi dari Allah s.w.t.. Begitu juga sebaliknya seseorang itu tidak akan terlalu berbangga dengan ilmu, kesenangan, kekuasaan yang dimilikinya kerana beliau tahu semua itu sia-sia sahaja sekiranya semua nikmat itu diletakkan dalam satu tempat yang berlawanan dengan Allah s.w.t.. Dengan asas keimanan ini, maka ia akan melahirkan atau membentuk sikap *'aqliyah* dan *rūhānīah* yang akhirnya akan membangunkan satu peradaban yang tinggi. Berlainan dengan manusia yang tidak meletakkan asas kepercayaan terhadap Allah s.w.t., akan terikat dengan suatu nilai kehidupan yang hanya bersandarkan kepentingan dunia semata-mata.¹⁸⁴ Akhirnya, manusia yang terikat dengan kepentingan dunia ini tidak lagi mempunyai keberanian untuk berperang dan sangat takut untuk menghadapi kematian.

Dalam konteks politik secara praktikal, Fadzil Mohd. Noor menegaskan bahawa Islam merupakan akidah perjuangan PAS.¹⁸⁵ Akidah perjuangan PAS bermaksud dasar PAS ialah Islam.¹⁸⁶ Maka matlamat dan cita-cita perjuangan PAS wajib dipertahankan oleh semua pihak yang terlibat. Matlamat dan cita-cita perjuangan

¹⁸⁴ *Ibid.*, 4.

¹⁸⁵ Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-44, Tarikh 18,19,& 20 Muharram 1419 bersamaan 15,16 & 17 Mei 1998, Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur.

¹⁸⁶ Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 2011), 2.

PAS itu merujuk kepada tujuan PAS iaitu memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang melaksanakan nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah s.w.t. serta mempertahankan kesucian Islam demi mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara.¹⁸⁷ Akidah perjuangan PAS secara mendalam ialah menegakkan tauhid kepada Allah dalam semua aspek kehidupan terutamanya kewajipan PAS mempertahankan Islam dengan merujuk sumber yang teguh seperti yang dinyatakan di dalam undang-undang tubuh PAS iaitu al-Quran, al-Sunah, *ijma'* dan *qiyās*.¹⁸⁸ Fadzil Mohd. Noor mempertegas bahawa akidah perjuangan PAS yang berteraskan Islam tidak akan bertolak ansur atau menerima segala perkara yang bercanggah dengan Islam sama ada yang dinamakan agama, ideologi ataupun “*isme*”. Pada waktu yang sama PAS perlu bersikap terbuka kepada setiap perkara yang baik walaupun dari mana datangnya. Beliau menyeru agar semua pihak termasuk kerajaan yang memerintah menerima dan melaksanakan Islam secara menyeluruh.¹⁸⁹ Perkara atau pemikiran yang jelas bertentangan dengan akidah perjuangan PAS yang berteraskan Islam ialah fahaman sekularisme. Fahaman sekularisme juga merupakan suatu konsep yang menyatakan bahawa kerajaan atau entiti lain harus wujud secara terasing dari agama atau kepercayaan agama. Ia juga bermaksud bahawa aktiviti manusia khususnya yang berpolitik, tidak ada sama sekali kaitan atau pengaruh keagamaan.¹⁹⁰

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-44.

¹⁸⁹ *Ibid.*

¹⁹⁰ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam And Secularisme*, (Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), 1993), 19-20.

Fadzil Mohd. Noor menjelaskan bahawa sekularisme itu dicetuskan oleh masyarakat Barat yang beragama Kristian yang menolak kewujudan politik di dalam agama dan turut menghalang perkembangan ilmu keduniaan dan hubungannya dengan agama. Menurut Fadzil Mohd. Noor masyarakat Barat ketika itu telah menyelewng dari ajaran *al-Masih*, itulah yang telah melahirkan fahaman sekularisme. Fahaman sekularisme ini telah melahirkan pelbagai pandangan sesat di dalam bidang ideologi, teori, ekonomi, politik dan sebagainya. Seorang muslim yang menganut fahaman sekularisme ini akhirnya akan menafikan hukum Islam yang merentasi urusan keduniaan seperti politik, ekonomi, undang-undang jenayah dan sebagainya. Inilah asas akidah perjuangan PAS yang berteraskan Islam dan tidak terpisah dengan apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan manusia termasuklah politik. Maka apabila kerajaan BN yang diketuai oleh UMNO dilihat ingkar melaksanakan hukum Islam yang *ṣārīh* dan *qat'ī* berdasarkan al-Quran dan al-Sunah seperti mengharamkan arak, judi, riba, hukum qisas, hudud dan semua yang berkaitan dengan perintah Allah s.w.t., adalah bukti jelas menunjukkan BN serta UMNO menganuti ideologi sekularisme. Berasaskan penjelasan ini, Fadzil Mohd. Noor begitu yakin dan komited bahawa perjuangan PAS itu mempunyai asas akidah yang kuat berteraskan al-Quran dan al-Sunah dan penafian kepada hukum atau nas yang *qat'ī* akan mengakibatkan rosaknya akidah sesiapa sahaja.

4.2.2. Mengukuhkan Elemen Ketergantungan Kepada Allah

Kekuatan dakwah politik PAS juga berdasarkan kekuatan ahli PAS sebagai orang yang kuat tergantungnya kepada pertolongan Allah dan keikhlasan dalam perjuangan. Fadzil Mohd. Noor adalah seorang pemimpin PAS yang kuat menekankan elemen ketergantungan hanya kepada Allah dan keikhlasan. Ini diakui

oleh Nik Aziz bin Nikmat, mantan Menteri Besar Kelantan merangkap Mursyidul Am PAS.

Dan satu perkara yang saya masih ingat ke hari ini, dialah orang pertama yang meminta orang PAS membaca qunut nazilah bagi membolehkan gerakan Islam ini berjalan dengan baik dan mudah-mudahan Allah SWT membuka pintu hati rakyat Malaysia terima Islam, kerana Islam ini agama, bukan ideologi. Beza Islam dan ideologi banyak perkara...yang kedua masalah ikhlas. Islam mengajar manusia mesti ikhlas kepada Allah...Jadi ini menjadi sangat-sangat penting difahami oleh masyarakat Islam bahawa hidup atas ini mesti ikhlas kerana Allah, bukan ikhlas pada bangsa, bukan ikhlas pada tanah air, bukan ikhlas pada siapa-siapa, ikhlas pada bangsa, boleh bangsa sahaja, akhirnya kosong. Jadi ini benda yang sangat mustahak. Jadi Dato Fadzil antara orang yang menonjolkan benda ini.¹⁹¹

4.3. Sumbangan Dakwah Politik Dalam Isu Keadilan

Dakwah politik Fadzil Mohd. Noor memberi penegasan kepada umat Islam bahawa keadilan politik sangat penting dalam tuntutan agama. Beliau berpendapat bahawa keadilan politik yang ditegakkan oleh Islam adalah perkara khilafah dan amanah yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. ke atas makhlukNya. Ia tidak boleh diasingkan daripada hukuman Allah yang Maha adil.¹⁹²

4.3.1 Keadilan Politik

Negara yang berasaskan keadilan politik Islam itu ialah negara yang diasaskan dengan akidah dan syariahnya. Beliau menegaskan bahawa politik itu bukan semata-mata peluang untuk mendapatkan kuasa dan kesempatan untuk melakukan sesuatu secara bebas sehingga menjadikan rakyat yang diperintah seumpama

¹⁹¹ Dato' Bentara Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nikmat, dalam temu bual dengan penulis, 10 Jun 2014

¹⁹² Bersama Menegakkan Keadilan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke 45, pada tarikh 12, 13, 14 Safar 1420 H

hambanya dan harta kekayaan negara sebagai miliknya.¹⁹³ Fadzil Mohd. Noor mengingatkan umat Islam bahawa politik itu adalah amanah Allah s.w.t. yang sangat besar, sehingga tidak bertanggung oleh semua makhluk di langit dan di bumi berdasarkan peringatan Allah s.w.t. di dalam al-Quran,

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ تَحْمِلَهَا
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Al-Aḥzāb 33:72

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Umat Islam yang gagal melaksanakan janji iaitu tidak menegakkan perintah Allah s.w.t. setelah diberi amanah atau kuasa politik untuk memerintah, mereka itu termasuk di dalam golongan orang-orang yang zalim berdasarkan peringatan Allah s.w.t. di dalam al-Quran,

﴿ وَإِذْ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۗ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۗ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Al-Baqarah 2:124

Terjemahan: Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: (Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin ikutan). Allah berfirman: (Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim.

¹⁹³ *Ibid.*

Fadzil Mohd. Noor menghuraikan lagi, apabila politik terpisah dengan perintah Allah s.w.t, maka terpisahlah politik itu dengan agama. Politik yang terpisah dengan agama itu adalah sama seperti ajaran sekularisme. Natijah pemisahan politik daripada agama ialah manusia akan terjerumus di dalam penyelewengan politik seperti politik wang dan sebagainya. Akhirnya jawatan di dalam politik dianggap sebagai peluang pekerjaan, berlaku perebutan jawatan dan tindakan mempertahankan jawatan. Fadzil Mohd. Noor mengatakan bahawa orang yang memisahkan politik dengan agama ini akan menganggap dirinya tuhan. Adalah sangat penting pihak pemerintah yang memiliki amanah melalui politik ini mengikat fahaman politik dengan agama iaitu menuruti perintah Allah secara total kerana ia merupakan suatu kewajipan yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Allah s.w.t berfirman,

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلُوبٌ

Al-Hajj:22:41

Terjemahan: Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

4.3.2. Menentang Kezaliman Politik

Kesungguhan Fadzil Mohd. Noor untuk menegakkan kebenaran dan keadilan terserlah dalam beberapa tindakan dan ucapannya. Dalam aspek pemikiran politik,

Fadzil Mohd. Noor pernah mengungkap istilah kezaliman politik terutamanya ketika beliau berucap dalam sesi perbahasan di parlimen.¹⁹⁴ Kezaliman politik yang dimaksudkan oleh Fadzil Mohd. Noor itu merujuk kepada tindakan-tindakan yang ditegah oleh agama Islam atau yang bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah untuk mencapai matlamat politik. Matlamat politik yang dimaksudkannya itu ialah hasrat untuk mengekalkan kuasa yang ada, menyingkirkan musuh politik atau pihak yang tidak sehaluan dengan cara menfitnah serta mengaibkan dan melaksanakan sesuatu dasar yang memberi tekanan kepada pihak yang tidak memberi kemenangan atau tidak memilih sesuatu parti. Antara perkara besar yang dilihat oleh Fadzil Mohd. Noor dalam aspek kezaliman politik itu ialah dalam kes yang menimpa mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia iaitu Anwar Ibrahim.¹⁹⁵ Fadzil Mohd. Noor melihat kes pemecatan Anwar Ibrahim tersebut mempunyai unsur pengkhianatan dan penindasan .

¹⁹⁴ Sheikh al-Fikri. *Pemikiran dan Pendekatan Dakwah Fadzil Noor*, 87.

¹⁹⁵ Pemecatan Datuk Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri telah menggemparkan Negara dan dilihat telah berlaku kezaliman dan ketidakadilan dari sudut politik dan Perlembagaan Negara. Kes pemecatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia 1998 merujuk kepada tindakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya Datuk Seri Anwar bin Ibrahim pada 2 November 1998. Kes ini didengar oleh Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Alauddin Mohd Sheriff dan dua hakim Mahkamah Persekutuan iaitu Datuk Hashim Yusoff dan Datuk Wira Mohd Ghazali Mohd Yusoff. Peguam Karpal Singh mewakili Datuk Seri Anwar bin Ibrahim. Peguam Kanan Persekutuan Datuk Kamaluddin Md Said mewakili Tun Dr Mahathir Mohamad. Pada 21 Mei 2009, Ketua Umum Kadilan, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim telah merayu di Mahkamah Persekutuan Putrajaya untuk mencabar kesahihan pemecatan beliau dari jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1998 dengan alasan tidak menuruti luns Perlembagaan dan tidak memenuhi prosedur yang sepatutnya. Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa bahawa beliau mempunyai kuasa mutlak kerana Perdana Menteri yang membuat lantikan, justeru beliau juga berhak memecat. Mahkamah Persekutuan pada 6 Jun membenarkan permohonan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bahawa pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad adalah sah pelaksanaannya dari segi undang-undang. Pada 23 Dis 1998, Mahkamah Tinggi menolak saman Dato' Seri Anwar bin Ibrahim terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad dan pihak kerajaan, untuk terus membatalkan pemohonannya bagi satu perintah untuk mengisytiharkan keputusan Tun Dr Mahathir Mohamad memecatnya daripada jawatan Kabinet pada 2 September 1998 sebagai salah dari segi undang-undang, tidak sah dan batal. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim juga gagal memansuhkan keputusan Mahkamah Tinggi itu selepas Mahkamah Rayuan pada 25 April 2007 menolak rayuannya dan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi itu. (Sumber: <http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news>)

Pendirian Fadzil Mohd. Noor dalam menentang kezaliman dan penindasan adalah sangat bertepatan dan selari dengan perintah Allah s.w.t. Pandangan beliau dalam konteks menentang kezaliman dan penindasan ini dapat dilihat ketika di dalam ucapan dasar muktamar PAS ke-38 yang bertajuk Meroboh Rangkaian Penindas.¹⁹⁶ Dalam konteks dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor memberi pandangan apabila berlaku pelanggaran prinsip di dalam Perlembagaan negara, maka berlakulah kezaliman dan penindasan terhadap rakyat secara keseluruhannya. Sebagai contoh, Fadzil Mohd. Noor mengkritik pihak tertentu yang menguasai kerajaan pusat yang tidak mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Negara. Dengan memberi contoh apabila PAS menguasai kerajaan negeri Kelantan pada pilihanraya 1990, telah berlaku penafian hak-hak kerajaan negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Kerajaan Pusat tidak memberi hak kerajaan negeri kepada kerajaan Kelantan berbanding dengan kerajaan negeri yang berjaya dikuasai oleh BN yang menguasai Kerajaan Pusat. Kerajaan Kelantan menghadapi berbagai masalah pembangunan seperti projek Empangan Pergau yang mengalami kesukaran akibat karenah yang wujud dengan Kerajaan Pusat yang diketuai oleh UMNO. Beliau menggunakan istilah “Keharuan Perlembagaan” atau *Constitutional Anarchy* untuk menggambarkan tindakan kerajaan pusat yang tidak mengikut sepenuhnya Perlembagaan negara.

Isu kemiskinan di negeri Kelantan juga adalah suatu warisan kerajaan PAS daripada kerajaan pimpinan UMNO. Tetapi akhirnya menurut Fadzil Mohd. Noor, isu kemiskinan yang ada adalah berpunca kegagalan kerajaan di bawah pimpinan PAS.

¹⁹⁶ Muktamar PAS ke-38 yang berlangsung pada tarikh 15 Safar 1412 hijrahbersamaan 14 Ogos 1992, di Balai Islam, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Fadzil Mohd. Noor menggambarkan tindakan menyisihkan kerajaan Kelantan di bawah pimpinan PAS ini sebagai tindakan diskriminasi yang sangat ketara. Diskriminasi yang berlaku bukan sahaja melibatkan rakyat khususnya di negeri Kelantan tetapi turut melibatkan wakil-wakil rakyat parti pembangkang. Ini ditegah oleh Allah s.w.t dengan firmanNya,

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوَّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
 شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اٰلَآءِ تَعَدَلْتُمْ اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ
 خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Al-Māidah:5:8

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

4.3.3. Keadilan Ekonomi

Dakwah politik Fadzil Mohd. Noor turut mencakupi perbahasan ekonomi yang lebih luas pengertiannya selari dengan perintah Allah s.w.t. Ketika Fadzil Mohd. Noor memulakan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2001, beliau dengan rasa penuh bertanggungjawab menjalankan misi dakwah politik dengan menghuraikan secara terperinci iktibar yang perlu diambil oleh pemerintah berdasar surah Sabā', apabila bahagian penutup ucapan Menteri Kewangan yang merujuk firman Allah s.w.t,

فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِ أُكُلٍ
 خَمْطٍ وَأَثَلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ﴿١٦﴾ ذَلِكَ جَزَيْنَهُمْ بِمَا كَفَرُوا وَهَلْ نُجْزِي
 إِلَّا الْكَفُورَ ﴿١٧﴾

Sabā':34:16-17

Terjemahan: “Tetapi mereka berpaling (menderhaka kepada Allah) maka kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan kami tukarkan kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon Atsi dan sedikit dari pohon Sidr. Demikianlah kami memberikan balasan kepada mereka kerana kekufuran mereka dan kami tidak menjatuhkan azab (yang demikian itu, melainkan hanya kepada orang-orang yang sangat kufur”

Berdasarkan ayat di atas, Fadzil Mohd. Noor memberi peringatan yang sangat jelas bahawa kemewahan dan kemakmuran kaum *Sabā'* menyebabkan mereka angkuh, lupa dan mengingkari perintah Allah s.w.t.. Di sebabkan keingkaran terhadap perintah Allah s.w.t., kaum ini telah ditimpa malapetaka berupa banjir besar yang disebabkan pecahnya empangan Maarib. Akhirnya negeri *Sabā'* menjadi kering dan musnah, pada hal pada peringkat awal negeri *Sabā'* merupakan kerajaan subur, makmur dan mewah dengan nikmat Allah s.w.t. Fadzil Mohd. Noor mengaitkan trajedi kaum *Sabā'* dalam dakwah politiknya dalam bentuk nasihat. Beliau menasihati pihak kerajaan yang diwakili oleh BN supaya jangan angkuh dan sombong dengan pelbagai kejayaan terutamanya dalam pembangunan fizikal seperti kejayaan pembinaan lapangan terbang KLIA (*Kuala Lumpur International Airport*), menara berkembar Petronas, bandar Putrajaya dan sebagainya. Fadzil Mohd. Noor dengan jelas menolak pandangan pihak kerajaan yang menuntut agar rakyat bersyukur kepada kerajaan. Bagi beliau bukan rakyat yang perlu bersyukur kepada pemerintah, tetapi kesedaran rasa syukur ini perlu ada kepada pemerintah atau

kerajaan BN atas segala nikmat dan kemakmuran yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. Menurut Fadzil Mohd. Noor lagi, kerajaan BN perlu membuktikan kesyukuran itu dengan mentaati perintah Allah s.w.t melalui pelaksanaan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran.¹⁹⁷

4.3.4. Keadilan Sosial

Persoalan yang berkaitan dengan sosial dan masyarakat turut diberi perhatian oleh Fadzil Mohd. Noor ketika beliau menjadi Presiden PAS. Apabila beliau dilantik menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen, sumbangan dan lontaran pemikiran yang sarat telah diberi kepada semua pihak sama ada kepada ahli PAS mahu pun kepada pihak pemerintah iaitu pihak kerajaan. Dakwah politik Fadzil Mohd. Noor membela nasib rakyat tanpa mengira agama dan kaum dalam isu pendidikan, perumahan rakyat, pengkopratan Pengajian Tinggi, isu Bahasa Melayu, perkhidmatan kesihatan dan juga isu keruntuhan akhlak remaja. Semua persoalan ini tidak terlepas dari perbincangan Fadzil Mohd. Noor sama ada di dalam muktamar atau di peringkat Dewan Rakyat

4.4. Sumbangan Dakwah Politik Dalam Isu Perpaduan

Fadzil Mohd. Noor berhadapan dengan beberapa isu umat dan di antara isu yang besar lagi menguji pemikiran kepimpinannya ialah isu perpecahan bangsa Melayu yang dikaitkan dengan perpecahan umat Islam di Malaysia. Di sinilah Fadzil Mohd. Noor mengemukakan hujah dakwah politik tentang isu perpaduan dalam konteks Islam yang sebenarnya. Bagi Fadzil Mohd. Noor, tidak timbul isu perpecahan

¹⁹⁷ Perbahasan Parlimen <https://www.youtube.com/watch?v=zmPLMrVyAHM>

bangsa Melayu kerana baginya perpecahan yang melibat bangsa Melayu itu telah lama berlaku sejak zaman penjajahan lagi. Pernah berlaku peperangan dan perpecahan sesama bangsa Melayu yang menurut pandangan Fadzil Mohd Noor berpunca dari sikap pemimpin-pemimpin Melayu yang mempunyai kepentingan peribadi. Walau pun Islam telah dianuti oleh orang Melayu tetapi kefahaman masyarakat ketika itu sangat terhad. Antara faktornya ialah pengaruh adat resam yang kuat ketika itu, termasuklah kemungkinan ketika bangsa Melayu menerima Islam yang tidak pada waktu keagungan Islam. Ketika itu tidak dinafikan bahawa peranan ulama yang berdakwah untuk memantapkan akidah dan kefahaman ajaran Islam, namun begitu usaha yang menonjol untuk menyatukan bangsa Melayu tidak dalam konteks penyatuan akidah dan perjuangan Islam. Isu penyatuan bangsa Melayu yang dilaungkan hanya berlegar terhadap isu menuntut kemerdekaan.¹⁹⁸

Berbalik dalam isu perpecahan bangsa Melayu yang dikaitkan dengan perpecahan UMNO dan PAS, Fadzil Mohd. Noor berpendapat perpecahan UMNO dan PAS adalah satu perpecahan yang berasas. Beliau menegaskan bahawa perjuangan PAS adalah berlandas dan berorientasikan Islam manakala UMNO berlandaskan semangat nasionalisme iaitu suatu ideologi yang dibawa oleh penjajah Barat semata-mata. Maka sebab itulah Fadzil Mohd. Noor berpendapat bahawa usaha kerajaan mewujudkan perpaduan bangsa sahaja tidak ada di dalam prinsipal Islam. Bagi beliau, perpaduan bangsa yang dibawa oleh UMNO hanya bermatlamat untuk agenda pengkalan kuasa dan kedudukan sebahagian golongan yang ada. Malah slogan perpaduan yang dimainkan oleh pemerintah terutamanya pemimpin UMNO,

¹⁹⁸ Fadzil Mohd.Noor & Abdul Hadi Awang, *Perpecahan Bangsa dan Penyelesaian*, (Kuala Lumpur: GG Edar, 1998), 5-10.

hanya perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO sahaja. Dengan ini Fadzil Mohd. Noor menegaskan bahawa ini bertepatan dengan Islam.

Perpaduan dalam pengertian yang selari dengan Islam yang difahami oleh Fadzil Mohd. Noor ialah perpaduan di kalangan bangsa dan umat keseluruhannya. Sekiranya pemimpin melayu Islam bersungguh-sungguh mahukan perpaduan dikalangan khususnya bangsa melayu, ia bukan sekadar perpaduan atas nama parti semata-mata. Misalnya merujuk percantuman UMNO dan PAS pada tahun 1973 sehingga 1978 selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Percantuman inilah yang dilihat oleh Fadzil Mohd. Noor hanya sekadar bertujuan untuk mencapai matlamat mengekalkan kuasa oleh golongan tertentu. Sebab itu menurut Fadzil Mohd. Noor, apabila ada pihak tertentu yang mula merasakan kedudukannya kukuh dan dirasai kuat, maka PAS telah disingkirkan dari percantuman tersebut. Inilah juga yang dinyatakan oleh Mohd. Asri Haji Muda selaku Yang DiPertua Agung PAS yang ketiga bahawa niat awal PAS yang menyertai Kerajaan Campuran yang kemudian bertukar menjadi Barisan Nasional adalah dengan tujuan yang baik, untuk melihat kesatuan dan perpaduan umat¹⁹⁹ tetapi akhirnya PAS disingkirkan dari kuasa pemerintah, hanya berasaskan alasan yang sangat tipis.²⁰⁰ Beberapa penegasan dakwah politik Fadzil

¹⁹⁹ Mohd. Asri Haji Muda, *Memoir Politik Asri, Meniti Arus* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993),108.

²⁰⁰ Antara punca awal yang menimbulkan ketegangan pihak tertentu sehingga membawa kepada penyingkiran. PAS daripada BN ialah pertama apabila sesetengah pihak di Kelantan yang sering menimbulkan kegelisahan terhadap PAS. Misalnya, sehingga bilakah PAS mahu memegang tampuk pemerintahan negeri, atau dalam erti kata lain ialah bilakah UMNO akan dapat memerintah Kelantan kembali. Kegelisahan ini kadang kala begitu menonjol sehingga terhasilnya suasana yang mengugat kerjasama yang terjalin. Kedua, timbulnya suara-suara sumbang yang kadang kala bertukar menjadi fitnah. Ini disebabkan berlakunya gerakan PAS di kawasan tertentu yang memang dulunya PAS tidak wujud lagi. Ketiga, berlakunya salah anggapan yang didorong oleh laporan yang salah tentang suatu kejadian yang akhirnya menjadi begitu sensitif sekali.

Mohd. Noor dalam isu perpaduan ialah perpaduan tidak boleh dibina atas dasar nifak dan kepura-puraan seperti yang disebut oleh al-Quran,

نَحْسِبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

Al-Hasyar: 59:14

Engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah (disebabkan berlainan kepercayaan mereka).Demikian itu, kerana mereka adalah kaum yang tidak memahami (perkara yang sebenarnya yang memberi kebaikan kepada mereka).

Fadzil Mohd. Noor menegaskan lagi,

Kita hendaklah membina perpaduan kita dari hati yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, dari hati yang dapat dikikis sifat-sifat angkuh, keakuan dan dendam. Dari hati yang bersedia untuk bermusyawarah dan memperbaiki diri...Perpaduan yang kukuh tidak dapat dicapai dengan sogokan wang ringgit....perpaduan bangsa akan dapat dicapai sebagai perpaduan yang berkesan apabila pemimpin-pemimpin bangsa bersedia berfikir dan menerima Islam sebagai pilihan yang mendasari pemerintahan dan perpaduan.²⁰¹

Selain daripada itu, dalam konteks perpaduan ummah, pandangan Fadzil Mohd. Noor tidak terikat dengan perpaduan parti politik dalam negara sahaja. Jika pandangan beliau terhadap perpaduan PAS dan UMNO agak mustahil dapat dijayakan kerana perbezaan dalam pemahaman isu perpaduan, tetapi dalam isu menyatakan dokongan untuk membela nasib umat Islam di luar negara yang ditindas, Fadzil Mohd. Noor telah membuktikan kesediaannya bersama dengan UMNO untuk menyatakan solidariti. Syarahan Perdana mengenai Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ABIM pada 8 Mei

²⁰¹ Fadzil Mohd.Noor & Abdul Hadi Awang, , *Ibid*.

2002, bertempat di Balai Tun Syed Nasir telah mempertemukan Mahathir Mohamad dan Fadzil Mohd. Noor adalah suatu peristiwa penting dalam sejarah politik Negara kita. Program ini berjalan lancar dan mendapat liputan secara langsung dan dipancarkan di seluruh negara oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM). Program tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badwi, Timbalan Presiden PAS Dato'Seri Abdul Hadi Awang dan kehadiran beberapa pemimpin UMNO dan PAS yang lain. Inilah kehebatan dakwah politik yang merentas ideologi kepartaian untuk membela nasib umat di peringkat antarabangsa.²⁰²

4.4.1. Memanfaatkan Kepelbagaian Golongan Dalam Perjuangan PAS

Fadzil Mohd. Noor dilihat sebagai pemimpin yang berjaya menggarap kekuatan sumber manusia dan memanfaatkan semua golongan untuk mencapai cita-cita perjuangan PAS. Perlu diakui hampir semua kepimpinan utama PAS datangnya dari kepelbagaian latar belakang sama ada dari sudut pendidikan atau wadah gerakan Islam yang bergerak sebagai NGO. Perbezaan latar belakang ini sering dijadikan alat oleh sesetengah pihak untuk melemahkan PAS dari dalam.

Pertama, Fadzil Mohd. Noor berjaya memanfaatkan sumber manusia dari golongan profesional dan ulama. Profesional merujuk kepada golongan yang berkaitan dengan bidang profesion seperti undang-undang, perubatan dan sebagainya. Golongan ulama pula merujuk kepada orang yang ahli atau pakar dalam disiplin pengetahuan agama Islam.²⁰³ Untuk menjamin keserasian dan penyatuan pemikiran

²⁰²Penulis menghadiri sendiri Program Syarahan Perdana mengenai Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ABIM pada 8 Mei 2002.

²⁰³ Dewan Bahasa dan Pustaka, ms 1233 & 1759.

dua golongan ini maka timbulah suatu pemikiran dari Fadzil Mohd. Noor iaitu mengulamakan golongan profesional dan memprofesionalkan golongan ulama. Maksud mengulamakan ialah menjadikan seseorang itu ulama atau alim.²⁰⁴ Manakala maksud memprofesionalkan ialah menjadikan seseorang itu bersifat atau bertaraf profesional.²⁰⁵ Pengaruh kepimpinan Fadzil Mohd Noor akhirnya telah berjaya menepis dan melenyapkan dakwaan pihak tertentu dan pihak media kononnya berlaku pertembungan golongan ulama dan profesional didalam PAS. Ketika disoal berkenaan senario baru terdapatnya calon-calon muda dan profesional dalam PAS ketika pilihan raya, adakah dominasi ulama itu akan lenyap, beliau memberi respon,

Saya ingat tidak timbul masalah itu, sebab mereka yang menganggotai PAS sudah menerima konsep kepimpinan ulama, tidak kiralah mereka itu profesional atau sebagainya. Mereka telah menerima konsep kepimpinan yang berteras dan berakar-umbikan kepada Islam. Bukan dari segi *substance* dan semangatnya. Itu yang lebih penting. Meskipun tidak digolongkan dalam kalangan ulama tetapi mereka menerima Islam sebagai perjuangan mereka. Kita melihat pada komitmen mereka itu.

Disinilah letaknya pengaruh dakwah politik di Fadzil Mohd. Noor di dalam PAS, di mana beliau menyakinkan ahli PAS bahawa gabungan golongan profesional dan ulama PAS adalah merupakan suatu kekuatan yang menjamin masa depan perjuangan dakwah politik PAS di negara Malaysia. Fadzil Mohd. Noor sangat menyakini bahawa penyertaan golongan profesional di dalam PAS tidak akan berlaku sebarang perubahan nilai dan mengancam perjuangan PAS yang berpegang teguh dengan perinsipnya. Beliau juga melontarkan suatu pandangan yang sangat berbeza dan baru di kalangan pendokong PAS bahawa tidak semestinya ulama itu

²⁰⁴ Ibid. ms.1759

²⁰⁵ Ibid,ms.1233

secara formalnya lulusan dari pusat pengajian Islam, tetapi persoalan yang paling penting diutamakan ialah penguasaan dan penghayatan Islam. Malah bagi beliau menegaskan apa yang berlaku iaitu gabungan golongan profesional dan ulama di dalam PAS sangat relevan dan mencontohi gerakan Islam di luar negara.

Saya fikir mungkin pemimpin PAS akan lebih terbuka dan lebih banyak dipikul oleh golongan intelektual pada masa depan. Tetapi saya fikir penerimaan mereka pada konsep kepimpinan ulamak akan terus menjadi teras. Dalam gerakan-gerakan Islam, kepimpinan mestilah dipelopori oleh mereka yang dinaggap lebih berautoriti dalam Islam. Inilah asas mana-mana gerakan Islam. Tidak semestinya ulama itu secara formalnya lulusan dari pusat pengajian Islam. Gerakan Islam di luar negeri seperti Jamaat Islami dan Ikhwan Muslimin, yang memimpin mereka sekarang bukan terdiri dari ulamak yang lulusan Universiti Azhar jurusan pengajian Islam. Mereka ada yang berkelulusan undang-undang, dan sains, tetapi mereka menguasai soal-soal Islam, dan mereka menghayatinya. Itu kriteria yang diutamakan. Ikhwan misalnya dipimpin oleh saintis, meskipun dibawahnya ramai ulamak. Pada saya, apa yang berlaku, perubahan dalam PAS menjadikan PAS itu wadah yang lebih terbuka. Semua kalangan boleh menyertai, tanpa apa-apa halangan untuk mereka memegang pimpinan parti, tetapi prinsip-prinsip Islam tetap menjadi teras kepimpinannya.

Isu ini masih diteruskan oleh pelbagai pihak terutamanya media akhbar.²⁰⁶ Ketika di saat-saat menghadapi pemilihan kepimpinan PAS di dalam Mukhtar kali ke-59, isu pertembungan golongan profesional dan ulama begitu hangat di bincangkan, sehingga Presiden PAS ketika ini Abdul Hadi Awang telah menegaskan bahawa haram bagi ahli PAS terpengaruh dan mempercayai kononnya berlaku pertembungan dua golongan tersebut,

Ini mainan media, gendang yang dipalu oleh mereka tidak seharusnya diikuti. Haram bagi kita menari mengikut

²⁰⁶Joceline Tan, "Testing time for the ulama", laman sesawang *The Star online*, dicapai 4 Disember 2013, <http://www.thestar.com.my/Opinion/Columnists/Analysis/Profile/Articles/2013/11/17/Testing-time-for-ulama.aspx>

gendang itu (Kenyataan ketika menutup perasmian Ijtimak PAS Selangor di Dewan Sivik pada 17 November 2013)

Kedua, Fadzil Mohd. Noor turut berpengaruh di kalangan pelbagai golongan individu yang berpotensi sama ada profesional atau ulama dari pelbagai pertubuhan atau NGO yang berasaskan Islam seperti ABIM, Jemaah Islam Malaysia (JIM), Islamic Representative Council (IRC) dan sebagainya. Fadzil Mohd. Noor juga membawa kepimpinan muda ke dalam PAS yang bukan datangnya dari PAS. Keyakinan dan kepercayaan dengan wadah perjuangan PAS serta peluang yang diberikan oleh Fadzil Mohd. Noor kepada semua pihak ini telah berjaya menarik sejumlah kepimpinan utama pertubuhan atau NGO yang bersasakan Islam ini. Sehingga kini nama-nama penting yang mengisi kepimpinan PAS pusat adalah daripada kepelbagaian latar belakang sama ada dari aspek pendidikan atau pertubuhan Islam yang dinyatakan., tetapi dari pertubuhan gerakan Islam yang tidak asing lagi seperti Persatuan Ulama Malaysia (PUM), ABIM, dan JIM. Kehadiran pelbagai golongan dari pelbagai pertubuhan ini, telah memantapkan gerak kerja PAS diperingkat lapangan bersama rakyat Malaysia. Antara tokoh-tokoh utama kepimpinan yang dikaitkan antaranya ialah Salahuddin bin Ayub (Setiausaha ABIM cawangan Pontian 1981-1983) kini sebagai Naib Presiden PAS Pusat, Kamarudin bin Jaafar (Setiausaha Agung ABIM 1983-1987) pernah menjawat sebagai Setiausaha Agung PAS di era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor, Dzulkefly Ahmad pernah menjadi pemimpin Pergerakan Mahasiswa di United Kingdom 70-80an (JIM 1997-1998) dan sebagainya. Pengaruh dakwah politik beliau telah berjaya membina kaderisasi kepimpinan yang terdiri daripada golongan ulama dan profesional. Inilah kehebatan Fadzil Mohd. Noor yang di katakan berjaya menyulam dua golongan ini untuk membina kekuatan PAS dalam dakwah politik

yang mencabar ini. Selain daripada itu beliau cukup berjaya menanam semangat hormat menghormati dikalangan rakan-rakan PAS dari pelbagai latar belakang pertubuhan Islam tersebut.

Tetapi Fadzil Mohd. Noor ini tentu pengalaman saya paling dekat, bila kita melihat beliau memimpin pada masa itu, PAS meningkat pantas betul. Ada yang menyatakan kerana isu Anwar, saya kata mungkin tepat, tetapi kalau tanpa kepimpinan yang berwawasan dan punyai sahsiah yang boleh menarik minat ramai, termasuk golongan muda, dan professional. Ditanya golongan professional yang masuk bersama PAS, jawapan semua kerana staz Fadzil, bila ditanya “random”itu sahaja dokongannya. Ianya memecah tembok dokongan tradisi PAS yang lama, walaupun dia masih seorang yang alim, masih paling cukup selesa di pondok dengan tok-tok guru. Saya tahu, saya banyak berjalan dengannya, dia cukup selesa itu macam dia rasa sebagai “home ground”, tetapi dia boleh merentas sehingga boleh membuat beberapa keputusan menarik tokoh-tokoh professional dan menonjolkan mereka di dalam kepimpinan parti.²⁰⁷

4.4.2. Perpaduan Parti Politik, NGO Dan Tokoh Masyarakat

Fadzil Mohd. Noor merupakan seorang ahli politik yang berpengaruh dalam kepimpinan dalam konteks kepimpinan yang tulen. Mewujudkan gerakan bersama parti-parti politik pembangkang, NGO dan tokoh-tokoh masyarakat di dalam negara bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilakukan. Kemelut politik negara yang tidak menentu kesan daripada pemecatan Anwar Ibrahim, berjaya diurus dengan baik oleh Fadzil Mohd. Noor. Ini terbukti apabila Fadzil Mohd. Noor berjaya mengajak semua parti politik pembangkang dan NGO duduk bersama dalam suatu mesyuarat menentang kezaliman ISA ekoran penahanan Anwar Ibrahim. Fadzil

²⁰⁷ Dato’Seri Anwar bin Ibrahim dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

Mohd. Noor diberi kepercayaan untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut di Markaz Tarbiah PAS di Taman Melewar. Pada mesyuarat yang berikutnya, keputusan telah diambil iaitu mendesak kerajaan agar membebaskan segera semua tahanan ISA dan memansuhkan akta berkenaan. Pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor selaku Presiden PAS telah berjaya mewujudkan penyatuan gerakan parti politik, NGO dan tokoh-tokoh masyarakat yang dikenali sebagai Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK).²⁰⁸

GERAK telah dipengerusikan oleh Presiden PAS iaitu Fadzil Mohd. Noor sendiri, dilancarkan di Markaz Tarbiah PAS di Taman Melewar pada 27 September 1998.²⁰⁹ Pelancaran GERAK dihadiri puluhan ribu rakyat dan ratusan wartawan dalam dan luar negara. Ini adalah inisiatif Fadzil Mohd. Noor yang dibantu oleh Ketua Pemuda PAS ketika itu Mahfuz Omar. Sokongan semua pihak yang terlibat telah berjaya menggerakkan GERAK ke persada perhatian rakyat Malaysia dan pihak pemerintah. Melalui GERAK, sebaran maklumat kepada rakyat serta pandangan kepada pihak kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.²¹⁰ Fadzil Mohd. Noor

²⁰⁸ Tamadun, Oktober 1988, Penahanan Anwar Lahirkan GERAK.h.80.

²⁰⁹ Shaari suib Biodata pimpinan PAS.

²¹⁰ Pengisytiharan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) 1) Menyedari fenomena keadilan sedang dicabuli dan rakyat kini sudah mula mempersoalkan kebebasan kehakiman dalam proses keadilan negara.2) Menyedari gejala penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa untuk menyekat kebebasan bersuara dan mempertahankan diri melalui hak yang dijamin oleh undang-undang kini cukup berleluasa sehingga penangkapan yang dibuat secara tidak bertamadun.3) Menyedari Ikrisis dan kegawatan politik negara kini sedang dilanda secara paling serius sehingga menafikan keadilan dan hak menyuara dan mendengar dari kalangan rakyat.4) Menyedari pemerintahan hari ini menuju kepada kezaliman dan ketidakadilan, menyedari bahawa krisis ekonomi kini menimbulkan krisis politik dan krisis sosial/moral, yang sangat serius;Maka kami yang tersenarai di bawah ini bersetuju membentuk satu Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) dengan objektif berikut :1.Mengembeling seluruh tenaga rakyat untuk menegakkan keadilan dan menentang kezaliman.2.Memastikan agar institusi pemerintah terutama mahkamah, media dan polis tidak diperalat untuk menekan serta 3.menakutkan rakyat dan menyebarkan fitnah.4.Menggerakkan potensi rakyat untuk mengembalikan keadilan yang asasi. Bagi mencapai objektif-objektif tersebut:a) GERAKmenuntut kerajaan khususnya instrumen perundangan agar tidakdisalahgunakan bagi menghalalkan segala tindakan ke atas mereka-mereka yang tidak sealiran dengan pemerintah.b) GERAK juga menyesali unsur dan gejala fitnah yang berleluasa

menegaskan keputusan menubuhkan GERAK merupakan suatu kejayaan PAS di arena politik negara sekaligus membuktikan pengaruh dakwah politik yang berjaya.

Kejayaan PAS menggabungkan parti politik dan NGO dalam satu gerakan yang disebut Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia atau GERAK, cukup membuktikan keupayaan kepimpinan PAS menerajui kebangkitan Rakyat di Negara ini... .Kita di dalam PAS cukup sedar dengan aspirasi rakyat yang mahukan perubahan ini, sebab itu kita memimpin Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) untuk mengembleng tenaga parti-parti politik dan NGO menjadi suatu kekuatan berkesan menentang ketidakadilan pemerintah... .Saya mengucapkan terima kasih kepada kompenan GERAK yang memberi kepercayaan kepada saya untuk memimpin ke arah penubuhan ini.²¹¹

GERAK dianggotai oleh dua parti pembangkang utama ketika itu, DAP dan PRM, Sementara itu NGO terdiri daripada ABIM, PKPIM, PUM, JIM, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Persatuan Perubatan Islam Malaysia, Ikatan Siswazah Muslim, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), dan Teras Pengupayaan Melayu (TERAS). Tokoh Masyarakat yang terlibat antaranya ialah Tan Sri Abdul Samad Ismail atau Pak Samad Ismail (Tokoh Wartawan Negara), Profesor Emeritus Dato'Shahnon Ahmad (Tokoh Sasterawan Negara) dan Profesor Dr. Aziz Bari

berlaku dalam percaturan politik sekarang ini sehingga mengakibatkan maruah agama dan adab kesucilaan rakyat Malaysia terjejas.c) GERAK menuntut supaya mereka yang ditahan dibawah ISA dibebaskan tanpa syarat ataupun dihadapkan ke mahkamah terbuka.d) GERAK menegaskan serta mendesak dengan sekeras-kerasnya agar ISA segera dihapuskan memandangkan akta ini sedang berleluasa menindas rakyat untuk mendapat keadilan.e) GERAK mendesak pihak kerajaan akan memastikan semua tahanan ISA tidak dianiayai melalui penggunaan apa-apa kaedah yang melibatkan seksaanfizikal, tekanan psikologi, mahupun bahan kimia yang boleh mendera tahanan untuk membuat pengakuan secara paksa atau dalam keadaan yang tidak disedari.f) GERAK menuntut supaya kerajaan memberhentikan serta merta operasi menahan individu rakyat di bawah ISA .g) GERAK mendesak supaya badan kehakiman dan media dijamin kebebasannya agar tidak diperalat oleh mana-mana pihak yang boleh mencabuli pelaksanaan prinsip perundangan dan keadilan untuk semua. h) GERAK menggesa pihak polis menjalankan tugas secara profesional, beretika dan adil serta tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tugasnya.

²¹¹ Fadzil Mohd Noor, "Bersama Menegakkan Keadilan" (Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan PAS ke-45, Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur, 28-30 Mei 1999).

(Pakar Perlembagaan Negara).²¹² Kejayaan Fadzil Mohd. Noor mengemudi GERAK telah membuktikan pengaruh besar beliau diterima oleh semua pihak sama ada dari pihak parti politik, NGO, tokoh-tokoh masyarakat dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Ini sekaligus mengiktiraf PAS sebagai sebuah parti politik yang dominan dalam aliran, percaturan politik Malaysia yang gawat ketika itu. GERAK telah bersidang dan mengeluarkan kenyataan yang kuat agar sebuah Suruhanjaya Diraja dibentuk oleh Kerajaan²¹³ untuk menyiasat dan memberitahu keadaan Anwar Ibrahim yang sebenarnya.

Fadzil Mohd. Noor yang sanggup menjadi pembela Anwar Ibrahim sehingga mencetuskan kewujudan GERAK merupakan perintis kejayaan PAS di masa hadapan. Ini terbukti akhirnya PAS mendapat kejayaan dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1990an hingga ke hari ini. Penubuhan GERAK merupakan suatu asas dakwah politik terhadap NGO, bahawa isu menegakkan kebenaran dan keadilan serta menentang kezaliman merupakan isu besar yang sewajarnya didokong bersama oleh semua pihak. Isu tersebut melepasi sempadan politik, agama dan kaum. Fadzil Mohd. Noor sangat berjaya meletakkan kesedaran ini terutamanya kepada pemimpin politik dan NGO yang bukan beragama Islam. Secara tidak langsung, kebenaran dan keadilan berlandaskan perspektif Islam berjaya diterima oleh semua pihak yang terlibat dan disebarluaskan kepada rakyat Malaysia. Fadzil Mohd. Noor berjaya melaksanakan apa yang ditegaskan oleh beliau dalam ucapan dasar muktamar tahunan PAS ke 45 yang bertajuk, “Bersama Menegakkan Keadilan” sekaligus merealisasikan mesej dakwah politiknya.

²¹² *Ibid.*

²¹³ Syed Husin Ali, *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*, SIRD, (Kuala Lumpur, 2012), 143.

“Pada tahun 1998, almarhum setia membela saya serta keluarga yang difitnah dan ditohmah dengan tuduhan yang mengaibkan. Tujuh hari selepas saya ditahan, tanggal 27hb September 1998, almarhum bersama Azizah dan sahabat seperjuangan yang lain menubuhkan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat atau lebih dikenali sebagai GERAK. Permuafakatan ini terdiri dari pelbagai parti politik dan gerakan massa demi membawa Perubahan serta menentang kezaliman Umno- Barisan Nasional”.²¹⁴

Kejayaan GERAK dilihat sebagai perintis dalam melahirkan gabungan parti-parti politik pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA) yang juga merupakan tindakan awal *tahaluf siyasi*. Tahaluf siyasi membawa makna kerjasama harakah Islam dengan mana-mana pergerakan lain yang tidak bermatlamatkan Islam di dalam perjuangannya. Kerjasama ini boleh terjadi di dalam apa jua bidang yang dipersetujui bersama untuk sama-sama menghadapi musuh yang sama. Tahaluf siyasi juga kemungkinan boleh berlaku dengan gerakan yang pernah atau berpotensi untuk menentang ideologi harakah Islam. Dalam suasana hari ini, tahaluf siyasi yang dimaksudkan juga termasuk kerjasama dengan golongan bukan Islam untuk menghadapi musuh yang sama.²¹⁵ Tahaluf siyasi PAS bukan lah perkara asing. Ini terbukti apabila PAS menyertai perikatan (BN) pada tahun 1971 dan disingkir keluar pada 1978. Pengalaman PAS yang disingkir keluar pada tahun 1978 itu menjadi pengajaran besar untuk PAS dalam mengatur langkah dan tidak bermakna meninggalkan terus tahaluf siyasi.

PAS pernah bersama UMNO di tahun 70-an dan menubuhkan Barisan Nasional bersama UMNO dan rakan-rakannya. Penyertaannya dengan keputusan Muktamar Khas supaya teguh membawa mesej Islam secara tahaluf

²¹⁴ <http://anwaribrahimblog.com/2011/06/23/memperingati-almarhum-ustaz-fadzil-noor/>

²¹⁵ <http://kias.edu.my/tahalufsiasi08.htm>

siyasi. Ketika bersama UMNO, PAS memecat sesiapa kalangan ahlinya, termasuk ahli parlimennya yang berjoget dan minum arak bersama UMNO. Kemudian PAS dihalau keluar daripada Barisan Nasional tahun 1978 dan selepas itu kerajaan PAS Kelantan dijatuhkan dengan perisytiharan darurat yang diluluskan oleh UMNO dan rakan-rakannya melalui sidang khas parlimen dan pilihanraya khas selepas itu. Lalu PAS bersendirian mara ke hadapan dengan cita-cita Islamnya. PAS adalah tersendiri, tidak sama dengan UMNO.²¹⁶

Di era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor, tahaluf siyasi PAS telah di teruskan untuk membina kekuatan barisan pembangkang terutamanya parti DAP dan Keadilan. Tahaluf siyasi juga telah membawa kerja sama yang erat PAS dan NGO yang melibatkan pelbagai kaum di dalam negara ini. Terbukti kehadiran Fadzil Mohd. Noor diterima oleh semua kaum di negara ini.

Selain daripada Buhanudin al-Helmy, yang menampakan sosok negarawan, pejuang kebangsaan dan parti Islam, yang punyai hubungan baik dengan pimpinan-pimpinan yang lain dan juga yang bukan Islam, selepas beliau yang paling menonjol ialah Fadzil Noor, dan masa dialah maka kita lihat hubungan dengan parti-parti yang berasaskan bukan Islam majoriti, dan badan-badan bukan Islam. Kesederhanaan sosoknya yang berbicara dengan sopan, lembut, dalam mesyuarat dan sebagainya menjadikan Fadzil Mohd. Noor tokoh yang berwibawa.²¹⁷

4.3.3 Kesan Terhadap Rakyat Tidak Beragama Islam

Dalam konteks sumbangan kebangkitan dan kesedaran Islam, ada ramai tokoh-tokoh besar, sebelumnya yang terlibat dalam gerakan dakwah, gerakan

²¹⁶<http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/presiden/13826-tahaluf-siyasi-pas-bersama-pakatan-rakyat>

²¹⁷ Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

pembaharuan dalam PAS tetapi Fadzil Mohd. Noor itu tertonjol kerana boleh memecahkan tembok tradisi dokongan PAS, dakwah, dan Islam kepada suatu lebih terbuka, jadi maknanya dia lebih teliti dalam mengemukakan hujah dalam isu-isu yang dianggap terlalu kontroversi atau menakutkan di kalangan lain, kerana beliau memberi ungkapan, berbicara dalam ruang PAS tetapi dia memikirkan ,bahawa apa yang dia sebut dalam gerakan itu, dapat difahami dan dibaca oleh awam kerana dia lebih teliti dan lebih bijak.²¹⁸

Pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor juga berkesan kepada rakyat atau masyarakat bukan Islam. Ini membuktikan kejayaan dakwah politik beliau yang menegaskan bahawa rakyat atau masyarakat bukan Islam turut mempunyai hak dan tanggungjawab membantu pemerintahan Islam dapat difahami oleh rakyat Malaysia. Sebagai contoh, adalah suatu kesalahan dalam Islam jika berlaku penganiayaan, penindasan dan diskriminasi terhadap rakyat bukan Islam. Pada peringkat awal, keperihatinan dakwah politik beliau kepada rakyat bukan Islam begitu terserlah dengan tindakan beliau bersungguh-sungguh bersama-sama dengan kepimpinan ulama PAS yang diketuai oleh almarhum Yusuf Rawa, Abdul Hadi Awang, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Nakhaie Ahmad untuk menjayakan misi Chinese Consultative Council (CCC). Penubuhan CCC merupakan suatu ruang untuk rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam memahami sebaik mungkin memahami dan menerima prinsip perjuangan PAS yang berlandaskan Islam.²¹⁹ Pada waktu yang sama beliau melarang sebarang tindakan dari umat Islam untuk memaksa orang

²¹⁸ Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

²¹⁹ Kamaruddin Jaafar 2001:XIV

bukan Islam untuk menganuti agama Islam. Pandangan Fadzil Mohd. Noor ini selari dengan apa yang ada di dalam Perlembagaan.²²⁰

PAS menolak sebarang bentuk paksaan orang bukan Islam untuk menerima Islam. Tugas PAS ialah menyampaikan risalah Islam manakala hidayah adalah merupakan ketentuan Allah.²²¹

Pandangan Fadzil Mohd. Noor bertepatan dengan firman Allah s.w.t,

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ
وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Surah Al-Baqarah 2: 256

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Fadzil Mohd. Noor secara jelas telah menggunakan pengaruhnya untuk melaksanakan dakwah politik kepada rakyat bukan Islam yang merupakan suatu tuntutan yang wajib dilaksanakan. Soal apakah orang bukan Islam memeluk Islam atau tidak, itu semua atas izin Allah s.w.t.. Urusan dakwah politik adalah tanggungjawab yang perlu beliau laksanakan, urusan hidayah itu adalah hak mutlak

²²⁰Perlembagaan membenarkan kebebasan beragama. Perkara 11 menyatakan “tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya,” tetapi perkara ini juga memberi kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan untuk “mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

²²¹ Bersama Menegakkan Keadilan, Ucapan Dasar, 2.

Allah s.w.t. Pada waktu yang sama pemerintah Islam tidak boleh mengabaikan hak rakyat bukan Islam, sekaligus bertindak dengan adil terhadap mereka. Fadzil Mohd. Noor telah membuat suatu penegasan yang cukup jelas dalam hal ini melalui dakwah politik, bahawa melakukan penganiyaan, penindasan dan diskriminasi terhadap rakyat yang bukan beragama Islam adalah suatu perkara yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Ini semua berlandaskan firman Allah s.w.t,

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْٓا اَعْدِلُوْٓا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Al--Maidah 5: 8

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor yang mengangkat pengertian keadilan Islam tanpa mengira kaum dan agama, telah berjaya menunjukkan keindahan Islam dan merupakan agama yang sesuai untuk semua manusia. Penegasan dakwah politik terhadap rakyat bukan Islam begitu ketara dalam aspek hak dan tanggungjawab bukan Islam dalam mengurus negara juga merupakan suatu tanggungjawab yang wajar dipikul oleh mereka.

Bagi orang bukan Islam pula, mereka juga mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Tanggungjawab mereka adalah untuk memelihara Negara ini sebagaimana rakyat lain memeliharanya. Mereka berkewajipan untuk mematuhi undang-undang, member taat setia kepada Negara dan menjaga kedaulatannya supaya tidak dicabuli oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan untuk meruntuhkannya. Menjadi tanggungjawab mereka juga untuk memelihara perasaan orang Islam dan menghormati Negara Islam.²²²

Bagi menyampaikan mesej besar Islam kepada rakyat yang bukan beragama Islam, merupakan suatu dakwah politik yang cukup penting dan mengharungi cabaran yang besar dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Antara cabaran yang perlu diharungi ialah usaha menakut-nakutkan orang bukan Islam terhadap PAS oleh pihak-pihak tertentu, kononnya jika PAS berjaya mendapat kuasa untuk memerintah, maka akan berlakulah huru-hara dan perbalahan antara kaum.²²³ Abdul Hadi Awang menegaskan peranan dan pengaruh Fadzil Mohd. Noor dalam konteks dakwah politik telah berjaya memecahkan tembok pemisah di antara orang Islam dan orang bukan Islam.

Ya saya bersetuju peranan beliau ketika memimpin PAS dan di masanya berlaku kejayaan kita memecahkan tembok yang memisahkan kita dengan orang yang bukan beragama Islam secara khusus, telah berjaya memperkenalkan Islam kepada orang bukan Islam. Walaupun segelintir sahaja yang masuk Islam tetapi sebahagian besar dari mereka mahu mengenali apa dia Islam. PAS pernah menang tahun 59 (1959) di Terengganu dan kemudian Kelantan. Kita telah menguasai kuasa politik tetapi tidak boleh menguasai pentadbiran akar umbi di jabatan-jabatan kerajaan. Selepas berlakunya kebangkitan Islam pada tahun 80 an, melalui politik dan dakwah yang saya sebutkan tadi berlakunya pengisian di jabatan dan kementerian di peringkat pusat dan negeri. Apabila kita menang pada tahun 80 (1980) di Kelantan, tahun 99 (1990) di Terengganu, sekarang ini di Kedah dalam masa yang pendek di Perak, hasil daripada

²²² Bersama Menegakkan Keadilan, Ucapan Dasar, 24.

²²³ *Ibid.*

gelombang itu kita telah berjaya membuat pengisian-pengisian walaupun dalam keadaan kuasa yang terhad kerana amalan federalism di Malaysia yang tidak mengikut perlembagaan dengan cara yang sebenar, walaupun demikian kita telah berjaya menunjukkan contoh-contoh amalan Islam dalam pemerintahan dalam pentadbiran negeri...²²⁴

Isu Negara Islam juga menjadi salah satu isu hangat di era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor, apabila Perdana Menteri Mahathir Mohamad mencabar presiden PAS menunjukkan konsep Negara Islam dalam bentuk penulisan. Maka cabaran itu telah disambut oleh Fadzil Mohd.Noor.²²⁵ Dalam konteks memperkenalkan Negara Islam, dibawah kepimpinan Fadzil Mohd. Noor, ada pengaruh dan kesannya kepada rakyat yang bukan Islam seperti tokoh pengkaji politik PAS seperti Liew Chin Tong.²²⁶ Menurut beliau, Fadzil Mohd. Noor memperkenalkan suatu cadangan Negara Islam dalam bentuk memorandum PAS kepada rakyat Malaysia, “Memorandum Negara Islam: Pemerintah Islam Dalam Abad ke-21”, dalam muktamar PAS ke 48 di Kota Bharu Kelantan pada Mei 2002. Tujuh perkara dasar dalam memorandum berkenaan ialah,²²⁷

- a. Masyarakat madani
- b. Hak saksama (*al-musawah*)
- c. Kedaulatan undang-undang berasaskan syariah yang luas makna dan ruang lingkupnya
- d. Keadilan (*al-adalah*)
- e. Meritokrasi (*as-solahiyah*)

²²⁴ Abdul Hadi Awang.

²²⁵ Briget Welsh Dan James U.H.Chin et. al., *Bangkit,Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia* (Selangor: Strategic Information And Reseach Development Center, 2014), 148.

²²⁶ Seorang graduan dari Australian National University (ANU), yang menulis tesis ijazah sarjana muda dalam tajuk “Islamic State Debate in PAS” pada tahun 2004.

²²⁷ Edmund Terence Gomez et al.,*Politics In Malaysia, The Malay Dimension* (London And New York: Routledge, Taylor And Francis Group, 2008),114.

- f. Negara berkeadilan
- g. Pentadbiran dinamik dan inovatif

Menurut Liew Chin Tong, walaupun Fadzil Mohd. Noor yang masih dalam peringkat awal mengetengahkan memorandum berkenaan, beliau dilihat mampu mencari titik pertemuan walaupun ada perbezaan dalam aspek peradaban, kepercayaan dan pegangan politik rakyat Malaysia. Fadzil Mohd. Noor berpendapat sifat pemerintahan Islam perlu ada syura, pemilihan dan demokrasi. Pembinaan negara mesti berasaskan akhlak dan sisitem nilai yang tinggi bertunjangkan sistem kepercayaan yang benar, kerana menurut Fadzil Mohd. Noor pembinaan negara mesti berpaksikan kepada akhlak, sisitem nilai yang tinggidan sistem kepercayaan yang benar. Beliau menjelaskan lagi bahawa pentadbiran yang diingini oleh PAS ialah mendukung kedaulatan undang-undang serta menekankan aspek khidmat dan kebajikan sehingga melahirkan konsep negara berkeadilan, yang akan memakmurkan negara serta mengelak dari unsur kerosakkan, pembaziran dan kemusnahan. Bagi Liew Chin Tong, pemikiran Fadzil Mohd. Noor terbantut apabila beliau meninggal dunia, yang mengakibatkan memorandum yang dibawa oleh Presiden PAS itu tidak lagi menjadi keutamaan PAS dan amat mengejutkan apabila PAS telah mengeluarkan satu dokoumen baru pada November 2002 dengan nama Dokumen Negara Islam yang direstui oleh Majlis Syura Ulama PAS.²²⁸ Tujuh prinsip utama Dokuman yang baru berkenaan ialah,

- a. Negara undang-undang (perlaksanaan hudud, qisas dan takzir kepada umat Islam sahaja, dan kepada yang bukan Islam boleh memilih sama ada menerima hukuman berkenaan atau *common law*)
- b. Sistem khalifah

²²⁸ <http://roketkini.com/2011/06/07/akhirnya-impian-fadzil-noor-tercapai-oleh-liew-chin-tong/>

- c. Takwa
- d. Sistem Syura (*Consultation*)
- e. Keadilan dan kesamarataan (*al-adalah wal Musawah*)
- f. Kebebasan (*al-Hurriyah*)
- g. Ketuanan mutlak (*al-Siyadah wal Hakimiyah*)

Bagi pandangan Liew Chin Tong, walau pun perubahan yang dilakukan oleh PAS itu berlandaskan niat yang murni, ada kesannya apabila timbul persepsi negatif di kalangan orang ramai sehingga parti itu ditolak dalam PRU tahun 2004. Ini kerana dokumen baru yang diketengahkan oleh PAS menakutkan rakyat bukan Islam dan orang Islam yang berpendirian sederhana.²²⁹ Tetapi menjelang tahun 2007 ketika timbul rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia terhadap pentadbiran negara di era kepimpinan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi, berlakulah gerakan-gerakan mobilisasi demokrasi seperti perhimpunan Bersih yang mendesak kerajaan BN supaya telus dan adil dalam pilihan raya. Ramai pemimpin PAS yang terlibat bersama dengan kebangkitan rakyat ketika itu. Pada masa inilah PAS mula kembali kepada idea asal Fadzil Mohd. Noor yang mahu melihat PAS menjadi sebuah parti yang lebih terbuka dan berurus perdana dalam menarik sokongan rakyat. Pada waktu yang sama, pemimpin PAS yang sedia ada telah memantapkan idea bahawa Islam adalah untuk semua. Hasilnya, PAS yang terbuka berkerja sama bersama PKR dan DAP telah mendapat kejayaan besar dalam PRU tahun 2008 di bawah payung Pakatan Rakyat (PR).²³⁰

²²⁹ <http://roketkini. Ibid.>

²³⁰ Edmund Terence Gomez et al., *Politics In Malaysia, The Malay Dimension* (New York: Routledge Taylors And Francis Group, 2008), 113-114.

Pada muktamar PAS ke-57, Presiden PAS Abdul Hadi Awang telah membawa idea “Negara Berkeadilan” suatu idea yang diasaskan oleh Fadzil Mohd. Noor melalui “Memorandum Negara Islam: Pemerintah Islam Dalam Abad ke-21”. Menurut Liew Chin Tong lagi, ternyata impian Fadzil Mohd. Noor suatu ketika dahulu, telah menjadi kenyataan, sekaligus dilihat PAS sudah bersedia untuk memberi komitmen penuh terhadap PR selaras dengan impian Fadzil Mohd. Noor yang mahu memberi pilihan terbaik kepada rakyat Malaysia yang terdiri pelbagai kaum dan agama, juga terus melangkah untuk menguasai pentadbiran negara.²³¹ Penjelasan yang ada jelas adanya pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor bukan sahaja merentas masa, tetapi berjaya menyakinkan orang bukan Islam dalam memahami politik Islam yang sarat dengan keadilan dan kesederhanaan, secara tidak langsung. Inilah pengaruh besar dakwah politik Fadzil Mohd. Noor dikalangan orang yang bukan Islam di dalam negara ini.

Pemerhati politik yang datangnya dari rakyat bukan Islam, banyak mempelajari kepimpinan Fadzil Mohd. Noor yang begitu terbuka, mendekati rakyat bukan Islam secara dialog dan membawa budaya sederhana dalam semua pendekatan. Ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat dan rakyat Malaysia yang bukan Islam sekaligus membuka ruang menyampaikan keadilan Islam. Ini juga memberi peluang yang besar kepada Fadzil Mohd. Noor melebarkan pengaruh dakwah politiknya yang sarat dengan nilai sejagat yang mampu diterima oleh semua pihak yang bukan beragama Islam di Malaysia.

²³¹ *Ibid.*

Ketika beliau sebagai presiden PAS, jawatan yang dipegangi pada tahun 1989, PAS berkembang dalam kekuatan dan nombor. Selain dari berkuasa di Kelantan pada tahun 1990, dan kemudian di Terengganu pada tahun 1999, PAS juga muncul sebagai parti pembangkang utama di Parlimen berikutan pilihan raya umum 1999. Berikutan penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim daripada UMNO dan kemunculan gerakan reformasi, ramai profesional Islam muda dan orang-orang perniagaan juga telah diambil ke dalam parti itu, termasuk ke dalam kepimpinan parti. Dialog dengan orang bukan Islam, terutama mereka dalam parti-parti pembangkang lain mencapai tahap yang baru semasa menjelang 1999 Pilihanraya Umum. Hasilnya ialah pembentukan Barisan Alternatif, pakatan pembangkang baru, dan pelepasan Bersama Manifesto BA "Ke Arah Hanya Malaysia". Pencapaian ini menunjukkan bahawa PAS dan lain-lain rakyat Malaysia kritikal, dalam dan luar pakatan BA, orang Islam dan juga bukan Islam, mempunyai banyak persamaan dan boleh bekerjasama pada banyak sebab-sebab yang sama, jika hanya mereka bersedia untuk berdialog, untuk berunding, dan untuk bekerjasama dengan satu sama lain. Walaupun DAP kemudiannya meninggalkan pakatan BA, hubungan rapat antara PAS dan bukan Islam telah berterusan. Sekali tidak kecil, Fadzil Noor, yang secara peribadi baik hati dan sangat mudah didekati, memudahkan perundingan dan kerjasama tersebut. Beliau juga merupakan penaung Gerakan Mansuhkan ISA, satu rangkaian 83 organisasi menyeru pemansuhan undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa perbicaraan. Adalah menjadi harapan Aliran yang warisan Datuk Fadzil Noor ini iaitu untuk mengubah PAS ke dalam parti yang lebih inklusif dan perundingan berbanding dengan negara-negara Islam dan juga orang bukan Islam - akan hidup. Ia adalah satu cabaran yang tidak ditakuti dan terus diperjuangkan oleh Fadzil Noor.²³².

Dalam gerakan dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor mempunyai persamaan dengan gerakan dakwah politik yang diterjemahkan oleh junjungan besar umat, Nabi

²³² Aliran Executive Committee, "Media Statement: The Passing of Datuk Fadzil Noor, a Great Malaysian", laman sesawang Aliran, dicapai 1Jun 2013, <http://aliran.com/archives/ms/2002/0623.html>

Muhammad s.a.w.. Jika diteliti, ketika Nabi Muhammad diangkat sebagai rasul dan ketua sebuah negara iaitu di Madinah, beliau mengerakkan *amar ma'rūf nahī mungkar*. Maknanya *amar ma'rūf nahī mungkar* dilaksanakan dalam konteks dakwah politik, iaitu Rasulullah melaksanakan urusan dakwahnya di dalam jalur politik ketika sebagai pemerintah.

Ternyata dakwah politik yang ditampilkan oleh Rasulullah saw memberi kesan yang cukup bermakna dalam menyebarkan keadilan Islam kepada golongan bukan Islam. Begitu juga apa yang dilakukan oleh Fadzil Mohd. Noor, ketika kemuncak kepimpinannya iaitu sebagai Presiden PAS dan Ketua Pembangkang di Parlimen Malaysia, beliau menggunakan kesempatan berhujah dan mengerakkan *amar ma'rūf nahī mungkar* di Parlimen. Penampilan beliau sebagai tokoh ilmuan dan politik yang berjuang menegakkan kebenaran dan keadilan berdasarkan perintah Allah SWT dan RasulNya, sangat memberi kesan, bukan sahaja kepada perwakilan parlimen yang beragama Islam tetapi kepada yang bukan Islam. Sebagai seorang tokoh dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor berjaya menampilkan qudwah kepimpinan yang unggul seperti bersifat kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab dengan amanah yang dipikul. Kesimpulannya, Fadzil Mohd. Noor berjaya menunjukkan keberkesanan pengaruh kepimpinan dan dakwah ketika berperanan sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen Malaysia.

Saya menyanjungi Ustaz Fadzil, dan saya masih ingat dia sebagai pemimpin politik, sebagai seorang datuk dalam sebuah keluarga, dia tahu menyayangi, menjaga perasaan dan kebaikan oranglain, dia tidak seperti ahli politik yang slalu menunjukkan perasaan emosi yang garang, tetapi cara ucapannya, dia selalu

utamakan pandangan secara rasional dan dia jarang marah (YB Teresa Kok, ahli parlimen, Seputeh, DAP).²³³

Saya percaya, allahyarham itu seorang yang baik, hati yang baik, seorang yang boleh menjaga keluarga, dan boleh mengwujudkan kasih sayang dan simpati kepada orang lain, dan suka membantu orang lain, dan saya percaya ahli PAS, UMNO dan DAP dan semua lapisan masyarakat ada menghormatinya. (YB Dr. Tan Sing Ghiaw, Timbalan Pengerusi DAP, Ahli Parlimen Kepong).²³⁴

4.4.4. Membina Kekuatan Dan Perpaduan PAS

Pada suatu ketika, PAS dirundung permasalahan dalaman yang mengugat keutuhan PAS sebagai parti politik Islam, terutamanya pada tahun 1982. Cabaran besar Fadzil Mohd. Noor sepanjang beliau menerajui kepimpinan parti politik, beliau menggunakan asas dakwah politiknya untuk menyusun serta membina kekuatan dan perpaduan PAS. Menurut pandangan Lim Guan Eng, selaku pihak luar dari parti PAS, Fadzil Mohd. Noor telah memainkan peranan penting untuk membina kekuatan dan perpaduan PAS di saat-saat genting walaupun pada ketika itu beliau hanya sebagai Timbalan Presiden PAS.

Pada tahun 1982, PAS telah mengalami pergelutan dalaman, di mana Presiden parti pada masa itu Dato' Asri Muda, telah disingkirkan dan diganti dengan Tuan Haji Yusof Rawa, manakala Dato' Fadzil Noor dipilih sebagai Timbalan Presiden. Pada ketika itu, PAS berada dalam keadaan yang parah. Empat daripada lima Ahli Parlimen mereka telah disingkirkan, kecuali Dato' Seri Tuan Guru Nik Aziz. Dalam keadaan yang sukar, Dato' Fadzil selaku Timbalan Presiden telah mengambil langkah-langkah untuk membina semula parti. Cabaran yang dihadapi kepimpinan pada masa itu adalah sangat besar. Bukan sahaja dari segi politik dalaman tetapi juga dari segi persepsi luar parti PAS,

²³³ Dokumentari: Ustaz Fadzil Noor-2, <http://www.youtube.com>

²³⁴ Dokumentari: Ustaz Fadzil Noor-2, *Ibid.*

serta keputusan pilihan raya umum yang kurang memuaskan.²³⁵

Lim Guan Eng melihat sumbangan besar Fadzil Mohd. Noor dalam konteks dakwah politik di Malaysia ialah peranan besar Fadzil Mohd. Noor membina semula parti PAS sebagai parti dakwah, daripada parti yang dilihat sebagai parti nasionalis. Di samping itu, Fadzil Mohd. Noor juga telah memanfaatkan lidah rasmi atau akhbar yang dikenali sebagai Harakah dan institusi pendidikan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) sebagai elemen penting untuk mengukuhkan dakwah politik PAS di persada negara. Beliau juga menganggap Fadzil Mohd. Noor mempunyai peranan penting dalam konteks gabungan politik atau tahaluf siyasi dan seorang tokoh yang berperanan besar dalam membangkitkan kesedaran Islam melalui dakwah politik. Beliau juga menambah politik Islam yang ditampilkan oleh Fadzil Mohd. Noor adalah politik yang sederhana dan demokratik. Ramuan ini menambahkan keyakinan rakyat yang bukan Islam memahami Islam dalam konteks kepimpinan negara.

Sumbangan terbesar Dato' Fadzil adalah dalam pembinaan semula parti PAS. Di bawah kepimpinan beliau pada tahun 80-an, PAS telah dibina semula sebagai parti dakwah. Ini adalah perubahan daripada halatuju nasionalis yang diterajui oleh Dato' Asri Muda. Pada masa yang sama, Harakah dan PASTI, iaitu dua institusi PAS yang sangat penting sekarang, juga telah dizahirkan di bawah kelolaan beliau. PAS yang kita kenali pada hari ini, iaitu sebuah parti kebangsaan yang mempunyai wakil dan pemimpin dari serata negara, adalah hasil titik peluh Dato' Fadzil Noor... Antara iktibar paling penting kepimpinan Dato' Fadzil adalah komitmen beliau terhadap proses pembinaan gabungan politik (koalisi). Beliau merupakan seorang pemimpin yang inklusif dan senantiasa menghulurkan tangan yang mesra kepada orang lain. Sebagai contoh, beliau memainkan peranan yang penting sebagai salah satu tunggak Barisan Alternatif, iaitu

²³⁵ YAB Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) dalam temu bual dengan penulis, 17 Mac 2014.

pelopor kepada Pakatan Rakyat hari ini. Jikalau kerana usahanya untuk mendekati DAP, tidak mungkin Barisan Alternatif dan kemudiannya Pakatan Rakyat akan terbentuk... Dato' Fadzil telah memainkan peranan yang penting dalam kesedaran Islam. Beliau telah menjadikan parti PAS daripada sebuah parti nasionalis kepada parti yang memperjuangkan pencerahan Islam. Dibawah kepimpinan Dato' Fadzil, PAS telah menjadi parti dakwah yang berjaya. Tambahan lagi, politik Islam yang diperjuangkan beliau adalah politik yang sederhana dan demokratik...Dato' Fadzil merupakan seorang pemimpin yang inklusif serta dinamik. Kedua-dua sifat itu sukar dijumpai dalam seseorang pemimpin, kerana ia seakan-akan bercanggah. Kebiasaannya, pemimpin yang dinamik akan dilihat sebagai autoritarian, namun Dato' Fadzil dapat memaparkan kepimpinan yang merangkumi semua kumpulan dan golongan yang lain. Beliau juga merupakan pemimpin yang jelas wawasannya...Dato' Fadzil telah bertungkus lumus mengurus perdanakan parti sejak dari sebelum sehingga selepas Reformasi. Beliau telah berusaha untuk mengimbangkan elemen konservatif dalam parti agar PAS dapat menonjolkan persepsi umum yang boleh diterima oleh rakyat Malaysia, khususnya orang bukan Islam. Dalam erti kata lain, Dato' Fadzil berjaya mengemudikan PAS daripada parti konservatif kepada parti kebangsaan yang lebih diterima dalam arus perdana politik Malaysia.²³⁶

Pandangan rakyat yang bukan Islam terhadap Fadzil Mohd. Noor dalam konteks dakwah politik dapat dicerminkan dengan ahli politik yang bukan Islam. Terbukti pendekatan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor memberi kesan yang cukup besar dalam konteks keadilan Islam dalam kepimpinan negara.

4.5. Sumbangan Dakwah Politik Yang Berpandangan Jauh

Fadzil Mohd. Noor adalah seorang tokoh dakwah politik yang berpandangan jauh dalam semua perkara, sama ada dalam bentuk pemikiran, tindakan, dan pandangan secara formal atau sepontan. Berpandangan jauh bermaksud mempunyai hematan dan kebolehan (keperluan, masalah, perkembangan, dsb) yang akan datang atau

²³⁶ *Ibid.*

timbul.²³⁷ Tindakan bijak dan berpandangan jauh ini memberi kesan yang baik bukan sahaja kepada PAS tetapi dalam konteks dakwah politik. Misalnya, dua peristiwa besar politik negara berjaya ditangani dengan penuh bijaksana dan berhikmah iaitu pertama konflik dalaman UMNO yang melibatkan Razaleigh Hamzah dan yang kedua pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPM).

4.5.1. Bersama Semangat 46

Konflik dalaman UMNO telah menyebabkan Razaleigh Hamzah bersama penyokongnya yang dilabelkan sebagai “Team B” terkeluar, yang akhirnya membentuk parti Semangat 46. Pandangan jauh Fadzil Mohd. Noor begitu terserlah apabila beliau berjaya menyakinkan pemimpin PAS dan pemimpin Semangat 46 agar bekerjasama ketika itu, sehingga membentuk gagasan baru yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah (APU).²³⁸ Menurut pandangan Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub,²³⁹ kejayaan PAS merampas Kelantan dalam pilihanraya umum 1990 adalah hasil pemikiran dan tindakan bijak presidennya ketika itu Fadzil Mohd. Noor.²⁴⁰ Pemikiran dan tindakan bijak Fadzil Mohd. Noor ketika itu ialah kesediaan beliau untuk berunding dengan Razaleigh Hamzah dan bergabung dengan parti Semangat 46. Tindakan Fadzil Mohd. Noor mendapat kecaman dan bantahan dari penyokong PAS.

²³⁷ *Kamus Dewan, Ibid., op.cit, h.1128.*

²³⁸ Tengku Razaleigh menubuhkan Parti Semangat 46 bersama dengan Datuk Rais Yatim. Semangat 46 bekerjasama dengan PAS dan DAP dalam Pilihan Raya Umum tahun itu tetapi gagal memenangi untuk membentuk kerajaan

²³⁹ YB.Salahuddin Ayub, Naib Presiden PAS merangkap Ahli Parlimen Kubang Kerian, Kelantan.

²⁴⁰ Salahuddin Ayub, “Fadhil Noor, Ikon Pencetus Kebangkitan Rakyat”(Ucuptama Wacana Memperingati Mantan Presiden PAS, Almarhum Ustaz Fadzil Noor, Anjuran Lujnah Dakwah dan Pembelaan Islam DPP Pusat dan Dewan Muslimat PAS Selangor, Musolla Pejabat PAS Pusat, Kuala Lumpur, 6 Jun 2010).

Walaupun tidakkan itu dikecam sendiri oleh penyokong PAS, ia menguntungkan PAS dari segi jangka masa panjang.²⁴¹

Sebenarnya tidak mudah untuk Almarhum berdepan dengan kritikan termasuk dari dalam parti sendiri, sebelum Angkatan dapat dibentuk.”²⁴²

Pada peringkat perbincangan bersama parti Semangat 46, Fadzil Mohd. Noor bersetuju dengan permintaan Razaleigh Hamzah yang mahu menjadi Menteri Besar Kelantan pada waktu yang sama PAS bertanding lebih banyak kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan. Beliau berpandangan, biarlah Razaleigh Hamzah mahu menjadi Menteri Besar, tetapi beliau mahu PAS bertanding lebih banyak kerusi di peringkat DUN, dan bersetuju agar parti Semangat 46 bertanding lebih banyak kerusi di parlimen. Akhirnya PAS bukan sahaja mendapat kemenangan besar, dan merampas semula Kelantan, malah berjaya meletakkan calonnya menjadi Menteri Besar di Kelantan.²⁴³

Walaupun Datuk Fadzil mengalah sedikit, PAS tetap memerintah Kelantan sejak tahun 1990.²⁴⁴

4.5.2. Menangani Krisis Pemecatan Anwar Ibrahim

Menurut Salahuddin tindakan bijak Fadzil Mohd. Noor juga dapat dilihat dalam isu pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan TPM. Kes pemecatan TPM merujuk kepada tindakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Mahathir Mohamad memecat timbalannya Anwar Ibrahim pada 2 November 1998.²⁴⁵ Bagi penganalisis politik

²⁴¹ *Ibid.*

²⁴² Ahmad Lutfi Othman et al, *Ibid.op.cit*.h.14.

²⁴³ Salahuddin Ayub, *Ibid.op.cit*.

²⁴⁴ *Ibid.*

²⁴⁵ Zunar,*Ibid., op.cit*

Maclean Patrick dan Stan Lee, pemecatan Anwar Ibrahim telah membawa kepada suasana tidak puas hati sebahagian besar penyokong Anwar Ibrahim.²⁴⁶

Pada 2 September, dia dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dan segera diusir keluar dari UMNO. Tiada sebab diberikan bagi pemecatan itu, namun, media telah membuat spekulasi bahawa ia berkaitan dengan dakwaan salah laku seks yang diedarkan di dalam “surat layang” pada perhimpunan agung '98. Oleh kerana lebih banyak tuduhan-tuduhan jahat yang timbul, penyokong Anwar membalas dengan mengadakan perhimpunan jalanan besar-besaran yang jelas menunjukkan siapa rakyat Malaysia lebih mahukan untuk memimpin mereka. Tidak hairanlah bahawa pada 20 September, Anwar ditangkap dan diletakkan dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Fadzil Mohd. Noor diberitakan terus mengunjungi Anwar Ibrahim di rumahnya, walaupun Anwar Ibrahim masih menjadi Timbalan Presiden UMNO tanpa merujuk terlebih dahulu kepada parti.²⁴⁷ Beliau ketika itu sanggup mengambil penerbangan dari Alor Setar ke Kuala Lumpur semata-mata untuk bertemu Anwar Ibrahim. Tindakan ini mengundang rasa tidak puas hati penyokong PAS.²⁴⁸ Ramai penyokong PAS membantah dan menentang tindakannya itu.²⁴⁹

Fadzil Mohd. Noor sekali lagi berjaya menyakinkan PAS bahawa isu fitnah dan pemecatan Anwar Ibrahim sebagai TPM Malaysia ini sewajarnya di lihat dalam aspek menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. Akhirnya PAS menjadi harapan semua pihak untuk mengetuai gerakan bersama parti politik, NGO dan tokoh masyarakat untuk menentang kezaliman yang menimpa Anwar Ibrahim. Ini telah membuktikan pengaruh besar beliau kepada rakyat Malaysia untuk bersama-

²⁴⁶ <http://anwaribrahimblog.com/2011/12/23/sejak-13-tahun-dr-m-menipu-rakyat-untuk-menjatuhkan-anwar/>

²⁴⁷ Ahmad Lutfi Othman et al, *Ibid.op.cit.*

²⁴⁸ Salahuddin Ayub, *Ibid.,op.cit*

²⁴⁹ *Ibid.*

sama terlibat dalam menegakkan keadilan dan menentang kezaliman, sekaligus Fadzil Mohd. Noor dilihat sebagai tokoh yang membawa harapan bagi rakyat Malaysia untuk cuba menyelesaikan kemelut politik negara ketika itu. Dengan berlandaskan platform politik, beliau membuktikan kekuatan pengaruhnya untuk membawa parti dan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO yang mempunyai kepelbagaian ideologi dan fikrah ke meja perundingan untuk bersama-sama menumpu agenda yang satu iaitu menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. Peranan besar Fadzil Mohd. Noor ini telah membawa PAS ke dalam arus perdana dan percaturan politik negara.²⁵⁰

4.5.3. Menggagaskan Penubuhan Parti Keadilan

Dalam menangani kekecewaan rakyat dalam isu pemecatan Anwar Ibrahim, sekali lagi Fadzil Mohd. Noor memperlihatkan kematangan dalam hasrat dakwah politik yang lebih luas. Pengaruh dalam sudut pandangan beliau ini cukup mempengaruhi Anwar Ibrahim yang pada peringkat awalnya ada menyatakan kesediaannya untuk menyertai PAS dan ini amat mengembirakan Fadzil Mohd. Noor. Tetapi akhirnya, Fadzil Mohd. Noor merestui penubuhan parti baru iaitu²⁵¹ Parti Keadilan Nasional (KeADILan).²⁵² Menurut beliau penubuhan KeADILan berupaya menampung penyokong reformasi dengan corak parti pelbagai kaum.²⁵³

²⁵⁰ Ahmad Lutfi Othman et al. *Ibid.,op.cit*

²⁵¹ Zunar, *Ibid.op.cit.h.317*

²⁵² Usaha menubuhkan parti politik menghadapi jalan buntu disebabkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). Maka gerakan Reformasi mengambil keputusan untuk mengambil alih sebuah parti kecil yang sedia ada iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 1990. Pelancaran Parti KeADILan Nasional diadakan pada 4 April 1999. Parti Keadilan Nasional (KeADILan) kini dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat (PKR) selepas penggabungan dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Sumber: <http://www.keadilanrakyat.org/keadilan/pengenalan/sejarah/>

²⁵³ Penyokong Reformasi merujuk kepada kebangkitan rakyat menentang kezaliman terhadap Dato Seri Anwar Ibrahim selepas pemecatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Saya merasa kagum dengan nasihat Ustaz Fadzil kepada saya dengan merestui penubuhan keADILan. Menurut beliau, lebih baik mewujudkan wadah baru yang berupaya menampung dukungan dan penyokong-penyokong reformasi dengan corak parti berbagai kaum. Kalangan yang kurang arif dengan sosok sederhana, hikmah dan kematangan politik Ustaz Fadzil Noor, pasti akan terkejut dengan hemah beliau. Demikianlah kenyataannya seorang tokoh besar umat penggerak politik Islam yang mampu melihat kepentingan luas perjuangan. Ustaz Fadzil menyakini bahawa perubahan yang diidam-idamkan oleh pencinta keadilan akan berhasil dengan muafakat bersama rakyat.²⁵⁴

Cuba kita tengok, dalam menghadapi isu saya dalam perebutan jawatan dalam UMNO, dia tidak lihat saya sebagai musuh, tetapi melihat sebagai seorang sahabat yang ada agenda yang mungkin dia tidak setuju beberapa perkara tetapi dia rasa dia tidak pertikaikan keikhlasan saya, dia bimbang takut saya tewas dalam UMNO. Walaupun pada awalnya kita bertempur, di antara UMNO dan PAS. Dia mahu saya menang dan dia mahu saya pimpin. Tentulah dia ada agenda yang lagi besar di antara kami, tetap saya kesampingkan itu dahulu. Soal umpamanya penyingkiran, dia tahu pada masa itu saya Timbalan Presiden UMNO dan TPM, tetapi dia boleh menolak semua fitnah politik itu dengan awal menunjukkan simpati sangat kuat kepada saya, Azizah dan anak-anak. Sekali itu saya katakan, “Ustaz jangan, nanti anda belum sempat jelaskan pada PAS semua kerana reaksinya bukan semuanya positif”. Dia kata. “Anwar anda kena jaga, kerana masalah ini besar, anda jaga Azizah dan anak-anak, ana boleh tangani masalah dalam PAS”. Dia cukup yakin walaupun pada masa itu tidak semudah itu. Tapi dia fikir panjang, isu itu dapat mengembleng kekuatan, kerana cara saya di aibkan dan dipukul, dengan sendirinya membangkitkan kesedaran baru. Jadi Ustaz Fadzil itu dia pandang ke hadapan.²⁵⁵

Ini bermakna Fadzil Mohd. Noor terlibat secara tidak langsung telah mengagaskan penubuhan parti KeADILan. Penubuhan parti KeADILan selain daripada memperkuatkan BA, ia juga dilihat sebagai wadah untuk rakyat memahami erti keadilan Islam yang akhirnya akan memahami perjuangan PAS untuk mengangkat kefahaman rakyat tentang keadilan Islam. Dari suatu sudut, ini menggambarkan

²⁵⁴ Zunar, *Ibid.*

²⁵⁵ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, *Ibid.*

bahawa yang menjadi keutamaan ketika kegawatan politik akibat pemecatan Anwar Ibrahim itu adalah mempercepat penyebaran dakwah politik keadilan dari sudut Islam dan ini merupakan kesempatan yang terbaik.

Menurut Sheikh Azmi Ahmad²⁵⁶, perjuangan parti KeADILan adalah berteraskan ajaran Islam, berpandukan Al-Qur'ān dan al-Sunnah untuk menegakkan keadilan, kebebasan, ketelusan, kebenaran dan hak.²⁵⁷ Pada peringkat ini, kehadiran parti KeADILan akan menyebarkan prinsip dakwah politik yang ada pada PAS di bawah kepimpinan Fadzil Mohd. Noor. Pada waktu yang sama akan mengukuhkan PAS sebagai parti yang berpengaruh dalam konteks menggerakkan massa. Langkah Fadzil Mohd. Noor ini memberi impak pada jangka masa hadapan perjuangan politik untuk menegakkan kebenaran dan keadilan kepada rakyat Malaysia, sekaligus mempengaruhi perubahan landskap politik negara kini. Beliau telah pun menegaskan perkara ini di dalam ucapannya di muktamar PAS ke-46,

Ini sesuai dengan keluasan perjuangan PAS bahawa PAS tidak hanya bergerak di dataran politik sahaja, tetapi ia adalah *prime mover*, penggerak massa yang utama dan syumul.

Pengaruh Fadhil Mohd. Noor, dalam membawa suatu idealisme cukup memberi kesan dalam jangka masa yang agak panjang. Misalnya dalam membawa suatu gagasan penubuhan Negara Islam Fadzil Mohd. Noor mempunyai suatu penjelasan dakwah politik yang cukup mendalam. Dalam suatu temuramah beliau oleh wakil

²⁵⁶ Sheikh Azmi Ahmad merupakan bekas mufti Pulau Pinang, bekas pimpinan ABIM dan juga pernah menjadi Naib Presiden KeADILan.

²⁵⁷ Siri Monograf Agenda BINA WADAH keADILan, Binawadah Memperkasakan Agenda Perubahan, Parti keADILan Nasional (keADILan) Sheikh Azmi Ahmad, *Asas Wadah Perjuangan di Alaf Baru*.2000.ms.21

portal berita Malaysiakini mengenai penubuhan negara Islam, Fadzil Mohd. Noor menjawab,

Penubuhan negara Islam tidak boleh dicapai serta merta sebab umat Islam telah begitu jauh meninggalkannya selepas kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah dan kebangkitan penjajahan Eropah. Ini memerlukan masa yang panjang dan tidak dapat dilaksanakan secepat mungkin terutama di negara demokrasi. Kita perlu mencari strategi bertemu dengan rakyat supaya ia dapat diterima oleh semua pihak.

Kenyataan ini seolah-olah menggambarkan Fadzil Mohd. Noor mula longgar dengan perjuangannya yang juga perjuangan PAS untuk menegakkan sebuah Negara Islam apabila PAS berkuasa. Tetapi sebagai pemimpin yang cukup tajam pemikirannya, pandangannya itu dilihat sebagai pandangan yang berpandangan jauh dan cukup sesuai dalam suasana iklim politik Negara ketika itu. Pada ketika itu PAS baru memulainya menyakinkan rakyat Malaysia misi perjuangan PAS dan baru meletakkan pengaruhnya di dalam masyarakat. Tidak mungkin PAS jatuh di dalam perangkap musuh politik yang akan mengeksploitasi isu Negara Islam dan hukuman hudud bagi menakut-nakutkan rakyat bukan Islam. Tindakan sesetengah pihak yang sanggup mempolitikkan isu Negara Islam dan hukuman Hudud dengan memberi gambaran yang buruk, bukan sahaja merugikan Islam secara keseluruhannya, malah telah merugikan PAS dalam mencari sokongan rakyat yang bukan Islam. Ini mengakibatkan DAP telah mengumumkan partinya keluar daripada BA pada 22 September 2001²⁵⁸ dan ini merugikan pakatan pembangkang yang mahu mewujudkan barisan pembangkang yang kuat sekaligus mengimbangi politik negara. Menurut Asri Zainal Abidin kenyataan Fadzil Mohd. Noor tersebut

²⁵⁸ “DAP keluar BA sebab Negara Islam” Pengumuman dibuat oleh setiausaha agung parti Kerk Kim Hock di sidang akhbar khas yang diadakan di Petaling Jaya Menurut keputusan itu diambil selepas parti itu mengadakan satu mesyuarat tergempar Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC). Sumber: <http://www.malaysiakini.com/news/4786>

menggambarkan beliau adalah seorang tokoh politik pro Islam yang moderat, terbuka dalam menilai keadaan dan suasana dan pencetus rentak perubahan berfikir.

...bagi yang mengkaji nas-nas Islam secara meluas dan mendalam akan menilai kenyataan ini, sebagai suatu kenyataan yang pengucapnya memahami tabiat Islam. Golongan yang gopoh, yang berkempen negara Islam tanpa ilmu yang masak, seperti yang menghafal sepatah dua ayat dan berceramah tidak mungkin dapat mengucapkan satu ungapan yang begini. Ucapan ini lahir daripada memahami hakikat dan tabiat din yang sebenar.²⁵⁹

Menurut Abdul Hadi Awang dalam konteks politik PAS kini yang membawa idea negara berkeadilan, ia merupakan cetusan awal oleh Fadzil Mohd. Noor. Mereka berdua memulakan perubahan sejak zaman Yusof Rawa menerajui PAS dan ketika Fadzil Mohd. Noor mengambil alih, perancangan untuk menyelamatkan negara dengan melakukan islah atau pembaikan di dasari dengan idea negara berkeadilan. Dengan merujuk kepada buku ucapan dasar Presiden PAS 2011, dapatlah diringkaskan bahawa negara berkeadilan mementingkan kepimpinan yang adil, konsep keadilan menyeluruh dan politik yang adil, fungsi semak imbang, melaksanakan amanah, kemurnian undang-undang dan mencakupi urusan hubungan manusia secara adil, dan hubungan manusia dengan tuhan.²⁶⁰ Ini bermakna dalam menghadapi Pilihan raya ke 12 yang lalu, dimana PAS menawarkan manifesto yang bertemakan “Kerajaan Beramanah, Adil, Bersih dan Menuju Negara Berkeadilan” merupakan implementasi cetusan awal Fadzil Mohd. Noor.

²⁵⁹ Kenyataan yang diambil dari artikel yang ditulis oleh Dr. Mohd Asri Zainul Abidin mantan Mufti Negeri Perlis (tahun 2000) dalam Majalah Tamadun semasa beliau masih pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Sumber: <http://www.detikdaily.net/v6/modules>.

²⁶⁰ YB Dato’ Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2011), *Konsep Asas Negara Berkeadilan*, Pejabat Presiden Dan Dewan ‘Ulama PAS Pusat. Kuala Lumpur. h.11-40.

4.5.4. Mengubah Landskap Politik Negara

Terdapat dua peristiwa besar yang berkaitan politik Malaysia, di mana Fadzil Mohd. Noor berperanan sebaik mungkin dan berhikmah sehingga bukan sahaja memberi manfaat yang besar kepada PAS, malah telah mengubah landskap politik Malaysia. Peristiwa pertama ialah apabila berlakunya konflik dan perpecahan di dalam parti UMNO yang membuatkan beberapa pemimpin kanan UMNO seperti Razaleigh Hamzah dan Rais Yatim dari kumpulan B atau *Team B* keluar dari UMNO dan menubuhkan parti Semangat 46 pada tahun 1988. Menurut Salahuddin Ayub, Naib Presiden PAS, ketika itu Fadzil Mohd. Noor mengambil pendekatan berani dengan menghulurkan tali persahabatan dan kerjasama politik walaupun pada peringkat awal ada sebahagian pemimpin PAS yang tidak bersetuju.²⁶¹ Pandangan jauh ini turut diakui oleh Ahmad Lutfi Othman, Ketua Pengarang Harakah, bahawa pandangan jauh Fadzil Mohd. Noor terserlah apabila PAS di bawah pimpinannya berjaya menyakinkan parti Semangat 46 membentuk gagasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU)²⁶² dalam mengharungi Pilihanraya Umum 1990 dan seterusnya Pilihanraya Umum 1995. Bukan sesuatu yang mudah dalam membawa suatu pemikiran yang di lihat janggal oleh kebanyakan ahli dan pemimpin PAS di pelbagai peringkat hingga menyebabkan Fadzil Mohd. Noor dikritik hebat.²⁶³ Fadzil Mohd. Noor begitu tenang dan sabar dengan mengambil masa membuat penjelasan yang jelas kepada semua pihak terutamanya ahli PAS. Akhirnya strategi dan kerjasama yang ada di antara PAS dan Semangat 46, menghasilkan kemenangan

²⁶¹ Salahuddin Ayub, *Ibid.*

²⁶² Angkatan Perpaduan Ummah (APU) merupakan barisan pembangkang yang disertai oleh PAS, Semangat 46, BERJASA, HAMIM dan KIMMA

²⁶³ <http://www.tranungkite.net/lama/b06/lutfi22.htm>, 26 Jun 2002.

besar terutamanya PAS, apabila PAS berjaya membentuk semula kerajaan di Kelantan pada tahun 1990 dan kekal sehingga ke hari ini.

Peristiwa kedua dalam isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada Kerajaan pada 2 September 1998, Fadzil Mohd. Noor sangat bersimpati mengenangkan sahabat rapat yang dirasainya telah dianiaya. Beliau sebenarnya sudah lama risau dan sangsi dengan keikhlasan UMNO menerima Anwar Ibrahim. Di pertengahan Ogos 1988 dua minggu sebelum pemecatan Anwar Ibrahim, Fadzil Mohd. Noor telah pergi menziarahi beliau bersama Haron Din. Ketika itu Fadzil Mohd. Noor dan Haron Din mahu berlepas ke Afrika Selatan. Beliau dengan jujur mengingatkan Anwar Ibrahim tentang muslihat pengkhianatan pihak tertentu di dalam UMNO iaitu nasihat yang berulang kali diingatkannya sejak 1982 lagi.²⁶⁴ Keikhlasan UMNO di bawah kepimpinan Mahathir Mohamad memujuk dan mempelawa Anwar Ibrahim menyertai UMNO dicurigai oleh Fadzil Mohd. Noor. Beliau secara peribadi tidak mencurigai keikhlasan penyertaan Anwar Ibrahim yang berhasrat mengambil pendekatan sederhana dan bekerjasama dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, beliau ada mengingatkan kepada Anwar Ibrahim bahawa beliau berkemungkinan akan dikhianati. Peringatan tentang pengkhianatan ini telah diulang-ulangi oleh Fadzil Mohd. Noor iaitu bermula pada peringkat awal hasrat Anwar Ibrahim menyertai UMNO pada tahun 1982, ketika pertandingan pemilihan UMNO pada tahun 1987, dan dipertengahan bulan Ogos pada tahun 1988. Fadzil Mohd. Noor berpandangan bahawa PAS sudah berpengalaman dan sudah merasai pengalaman perit menyertai Barisan Nasional semasa Perdana Menteri Malaysia, Abdul Razak pada 1972 dan ditendang keluar pada 1978 oleh Hussein Onn, termasuklah

²⁶⁴ Zunar (2005), *Ibid.op cit.*h.313.

serangan berterusan Mahathir Mohamad terhadap PAS, dan keengganan UMNO melaksanakan dasar Islam.²⁶⁵

Selepas pemecatan Anwar Ibrahim yang menggemparkan negara, Fadzil Mohd. Noor telah mengambil keputusan untuk berjumpa dan menziarahi Anwar Ibrahim yang masih lagi sebagai Tmbalan Presiden UMNO di rumahnya tanpa merujuk terlebih dahulu dengan parti.²⁶⁶ Sebagai Presiden PAS ketika itu, beliau telah mengambil suatu pendirian secara mudah membela Anwar Ibrahim, ketika itu beliau dibantah oleh majoriti dalam pimpinan tertinggi PAS. Tetapi beliau sanggup mengambil tindakan dan begitu berjiwa besar dan berpandangan jauh.²⁶⁷ Walaupun menjadi isu, besar di peringkat dalaman PAS, sebagai pemimpin, Fadzil Mohd. Noor begitu tenang dan berani mengambil risiko. Apabila berhadapan dengan Majlis Syura Ulama (MSU) PAS²⁶⁸ dan berdepan dengan Jawatankuasa PAS Pusat (JKPP) untuk memberi penjelasan dan mempertahankan tindakannya. Akhirnya penjelasan beliau telah diterima dengan baik oleh semua pihak.²⁶⁹ Keterbukaan dan pemikiran jauh Fadzil Mohd. Noor ini, turut diakui oleh Abdul Hadi Awang.²⁷⁰

²⁶⁵ Warkah Anwar 304-305.

²⁶⁶ Dato' Kamarudin bin Jaafar (Ahli Parlimen Tumpat dan AJK PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 5 Jun 2011.

²⁶⁷ *Ibid.*

²⁶⁸ Berdasarkan Perlembagaan PAS (Pindaan 2011), Fasal 8, Majlis Syura 'Ulamak telah diberi kuasa seperti berikut; (a) Menghuraikan, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS dan mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan yang menimbulkan kesamaran mengenai maksud dan tujuannya dan membuat ketetapan mengenainya. (b) Mengeluarkan arahan dan perintah supaya dasar dan ketetapan itu dipatuhi dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau badan di dalam PAS dan mengawasi serta memelihara supaya dasar dan ketetapan serta kehendak-kehendak dalam Perlembagaan dipatuhi dalam kegiatan, gerakan dan pentadbiran PAS. (c) Mendengar dan memutuskan semua rayuan semula tatatertib yang dikemukakan oleh ahli PAS mengikut Fasal 83, Perlembagaan. Ahli Majlis Syura 'Ulamak terdiri daripada tidak lebih tujuh belas orang iaitu; (a) Seorang Mursyidul 'Am (b) Seorang Timbalan Mursyidul 'Am (c) Seorang Setiausaha Majlis Syura'Ulamak (d) Tidak lebih empat belas orang Ahli Majlis Syura'Ulamak.

²⁶⁹ Jamilah binti Ibrahim, dalam temu bual dengan penulis, 27 Jun 2011.

²⁷⁰ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

Susulan daripada cabaran dalaman parti PAS itu, Fadzil Mohd. Noor seterusnya membuka langkah dakwah politik yang lebih besar dengan membawa PAS di dalam *tahaluf siyasi* sehingga tertubuhnya gabungan parti-parti politik pembangkang yang dikenali sebagai BA pada tahun 1999, yang terdiri daripada PAS, DAP, Parti Keadilan Nasional (PKN), dan PRM. Cabaran besar BA dalam menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ialah larangan menggunakan satu simbol atau logo oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang diumumkan oleh Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar. Alasan yang diberi oleh SPR ialah BA merupakan satu parti yang tidak berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).²⁷¹ Walau bagaimanapun PAS di bawah kepimpinan Fadzil Mohd. Noor tetap mendapat kejayaan besar apabila pada PRU 1999. PAS bukan sahaja berjaya membentuk suatu barisan pembangkang yang kuat sepanjang kemerdekaan, malah PAS telah berjaya merampas Terengganu dari BN. Gabungan yang dikenali sebagai BA ini telah terlibat dalam PRU 1999, 2004 dan 2008. BA ini merupakan kerjasama parti pembangkang yang diasaskan oleh Fadzil Mohd. Noor dalam penubuhan GERAK dan kekuatannya diakui oleh para penganalisis politik Negara.

Krisis Kewangan 1997 mencetuskan krisis politik ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hal ini diikuti oleh tuntutan demokrasi yang dibawa menerusi gerakan reformasi. Tuntutan kepada demokrasi dan isu-isu yang lebih universal seperti hak asasi manusia, keadilan, dan kesamarataan lantang disuarakan. Ketika itu muncul permuafakatan parti-parti pesaing atas nama Barisan Alternatif yang dianggotai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Tindakan Rakyat (DAP), Parti Keadilan Nasional, dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Ini adalah gabungan parti-parti pesaing paling kuat pernah ditubuhkan di Malaysia di era sebelum PRU 12.²⁷²

²⁷¹ <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp>.

²⁷² Seminar Politik Malaysia, Badrul Azmier Mohamed @ Bakar *Lima Puluh Satu Tahun Dominasi Barisan Nasional Dalam Politik Malaysia: Suatu Analisis*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam 2008, 797.

Dalam pengamatan yang mendalam, permulaan pengaruh Fadzil Mohd. Noor di dalam mewujudkan APU, GERAK, dan BA telah membawa perubahan yang besar dalam landskap politik negara pada hari ini. Kerjasama atau tahaluf siyasi pada era Fadzil Mohd. Noor telah membawa kepada penubuhan gabungan parti politik baru ketika ini yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Perubahan landskap politik kini membawa suatu suasana iklim yang baru kepada negara. Kini PR telah mampu memberi saingan yang cukup membanggakan apabila pada PRU 12, parti pembangkang telah berjaya menguasai lima buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu mengekalkan Kelantan, di samping menguasai Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Kehadiran PR kini mampu mewujudkan suatu sistem semak dan imbang antara kerajaan dan pembangkang atau lebih dikenali sebagai sistem dua parti (Two Party System), yang baik untuk negara.

4.6. Politikus Dakwah Politik Yang Wajar Di Contohi

Sebagai ahli dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor merupakan pemimpin yang terbuka, mempunyai jati diri yang teguh, berintegriti dan seorang yang sangat teliti dalam sesuatu isu sebelum memberi pandangan. Ini terbukti teguran-teguran dan hujah beliau semasa menjadi Ketua Pembangkang sukar dipatahkan oleh pihak lawannya. Sebagai ahli dakwah politik juga, beliau berpolitik secara bersih, iaitu berakhlak, tidak mengamalkan rasuah, tidak pecah amanah, sehingga berjaya menutup fitnah terhadap dirinya. Selain daripada itu, Fadzil Mohd. Noor telah berjaya membuktikan bahawa beliau tidak terkesan dengan kedudukan atau jawatan yang tinggi. Beliau hidup seperti orang biasa bersama masyarakat, berusaha menunaikan kehendak orang ramai dan masih boleh menyampaikan ceramah-ceramah ilmu pengetahuan agamanya. Sehingga beliau menjadi Ketua

Pembanggang, Ahli parlimen, Ahli Dewan Negeri dan sebagai Presiden PAS, beliau masih dilihat seorang pemimpin yang sederhana, disanjung oleh kawan dan lawan dan dilihat seorang pemimpin yang tidak memiliki kekayaan sehingga hayatnya. Jasa beliau sebagai tokoh politik yang begitu mencintai ilmu, Fadzil Mohd Noor telah mengasaskan institusi pendidikan Muassasah Darul Ulum di Kedah.²⁷³

Fadzil Mohd. Noor seorang pemimpin yang bermoral tinggi dan mengharungi perjuangan dalam masa yang panjang dengan penuh kesabaran. Walaupun dia tidak melihat pencapaian yang terdapat pada hari ini tetapi beliau telah menghasilkan suatu amal yang memberi faedah yang berterusan. Inilah perkara yang wajar dilakukan oleh setiap orang yang beriman yang percaya kepada perjuangan yang berwawasan dunia sehingga ke akhirat. Beliau seorang yang sangat teliti, dilihat lambat bertindak untuk buat sesuatu keputusan. Namun begitu, kerana kelambatan yang ada pada beliau boleh mematangkan mereka yang gopoh bertindak, kerana tindakan yang dilihat cepat itu kadangkala suatu tindakan yang gopoh. Beliau seorang yang penyabar dalam menghadapi cabaran dan tenang menghadapi gelombang yang berlaku. Beliau boleh melayan tetamu beberapa jam. Boleh menghadiri majlis kenduri sehingga 20 sehari, semata-mata untuk meraikan masyarakat.²⁷⁴

Suatu ketika ada pandangan daripada ahli PAS yang menyarankan kepada Fadzil Mohd. Noor agar menetapkan suatu disiplin yang tegas kepada semua ahlinya seperti menghadiri usrah dan menghafal Al-Qur'ān seperti yang dilakukan oleh

²⁷³ Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman dalam temu bual dengan penulis, 30 Jun 2011.

²⁷⁴ Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.

beberapa badan NGO Islam. Fadzil Mohd. Noor berpandangan PAS tidak boleh bertindak seperti NGO Islam yang dimaksudkan untuk mendisiplinkan ahlinya kerana ahli PAS begitu ramai dan kebanyakan ahlinya terdiri daripada masyarakat yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dan kebanyakannya adalah orang sederhana seperti nelayan. Ini membuktikan Fadzil Mohd.Noor memahami realiti ahli PAS itu sendiri.²⁷⁵

Menjadi tokoh dakwah politik yang dihormati, pendedahan awal banyak membentuk karektor Fadzil Mohd.Noor. Penglibatan secara serius bersama badan dakwah seperti ABIM, adalah antara faktor penting yang membentuk sosok tubuh yang luas pemikiran dan kematangannya untuk berhadapan dengan masyarakat yang berbilang kaum. Bermula dengan disiplin usrah mingguan yang merupakan agenda wajib beliau melainkan keuzuran sahaja. Aktiviti usrah yang dilalui itu bermula dengan solat maghrib sehingga lewat malam, dengan pengisian bacaan al-Mathurat, makan bersama, solat berjemaah, membaca al-Quran dan membincangkan isu-isu semasa. Penglibatan dan pendedahan awal dengan berbagai pemikiran ini, dikatakan faktor besar beliau muncul dan segar sebagai pemimpin yang kefahaman politiknya yang luas dan kebijaksanaan yang sangat dikagumi.²⁷⁶

Kami kalau usrah mingguan itu wajib melainkan di luar negara atau sakit. Usrah mingguan itu panjang, dari maghrib sehingga jam 12. Jadi maknanya bukan sekadar usrah ringkas untuk memenuhi program, tetapi suatu amalan yang cukup serius. Umpamanya solat Maghrib, membaca al-Mathurat, solat Isyak, makan dan terus usrah. Usrah ini mula dengan membaca Al-Qur'ān, umpamanya tafsir jalalian, Syed Qutb, al-Mawardi, Qurtubi dan Abdullah Yusuf Ali. Jadi satu ayat itu dengan 5 atau 6 kupasan tafsir, arab dan inggeris yang

²⁷⁵ Haji Ahmad bin Mat Lazim (Bendahari Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2012.

²⁷⁶ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

ada. Selepas itu dengan hadis yang relevan untuk konteks semasa. Barulah kita buka isu-isu semasa dan laporan kegiatan kita aktiviti Abim. Jadi saya dalam perbincangan baru-baru ini bersama-sama anak muda, bicara soal usrah, saya rasa tradisi ini memang pengajian yang sungguh-sungguh dan serius. Jadi makna kalau 4 jam *solid* pembicaraan dan sesuatu topik itu mendalam. Tidak bermakna saya naik ke makam tinggi, tidak. Saya nak tunjukkan tradisi kita membudayai ilmu dan menghayatinya, itu serius dan sebab itu, pada masa itu kalau kita baca fiqhud dakwah Pak Natsir, fiqhud dakwah Mustafa Masyhur, kalau tafsir saya sebut tadi 5 atau 6, kalau kitab-kitab, Said Hawa ataupun Said Ramadan al-Buti, itu teks. Baru ini saya dapat terjemahan baru al-Hikam, itu teks yang juga kita rujuk, Saya membawa balik Malik bin nabi, masa itu hanya bahan arab dan Pranchis, belum pun lagi diterjemah dalam bahasa Inggeris, kita kupas, Hossein Nasr, pemikir Jepun Toshihiko Izutsu, itu disebar. Seseekali kita panggil Naquib al- Attas, kadang-kadang Husin al-Attas dalam dialog. Ada penceramah-penceramah dari luar mewakili ikhwan, Mustafa Masyhur, Kurshid Ahmad dari Pakistan atau juga Hassan Turabi dari Sudan, dan banyak juga dari Indonesia, Pak Natsir, buya Hamka, jadi saya nak tunjukkan di sini bahawa ia tidak seperti semangat orang yang terlalu rigid membawa satu faham tetapi kita membawa satu sikap yang lebih lapang. Kita pada masa itu juga cuba dedahkan rakan-rakan dengan pemikiran-pemikiran semasa yang bukan Islam supaya kita faham dan kita tahu. Jadi kalau pimpinan Abim kalau macam Ustaz Fadzil, dia ada kekuatannya bahasa Arab, dia tahu Frantz Fanon, dia tahu siapa Ivan illich, kerana kalau kita kupas sedikit di dalam usrah itu, ustaz-ustaz ini dapat menangkap dan kita yang tidak menguasai bahasa arab kupasan Said Ramadan al-Buti, Said Hawa, Fathiyakan, begitu juga, dikupas bab-bab itu dengan ulasan termasuk orang-orang seperti Abdul Ghani Samsudin dengan catatan yang cukup *detail*. Bagi saya tradisi itu yang ada pada Ustaz Fadzil yang menyebabkan dia itu dengan sendirinya ia muncul dan segar sebagai pemimpin yang kefahaman politikunya dan kebijaksanaannya sangat dikagumi.²⁷⁷

4.7. Kesimpulan

Fadzil Mohd. Noor meninggalkan kesan yang besar dalam konteks membangunkan negara agar selari dengan kehendak Islam dengan terlebih dahulu membangunkan

²⁷⁷ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.

PAS. Membangunkan PAS bukan sahaja merujuk kepada menggalakkan semua pihak berusaha menambahkan jumlah keahlian, tetapi turut menekankan aspek tarbiyah untuk membina kekuatan kerohanian dan ahli PAS yang komited dalam perjuangan. Kelebihan beliau yang dilihat sebagai pemimpin dan juga ulama memberi kelebihan untuk Fadzil Mohd. Noor meningkatkan keyakinan umat Islam khususnya ahli PAS di seluruh negara untuk ikut serta perjuangan PAS untuk membina negara. Fadzil Mohd. Noor boleh menjadi ikutan yang sangat baik dan praktikal kepada semua pihak sama ada ahli politik mahu pun masyarakat secara keseluruhannya. Dalam usaha menyampaikan dakwah di arena *siasah* atau politik, beliau di lihat sebagai individu yang komited, sanggup berkorban, berakhlak mulia dan *istiqomah* dalam perjuangan terutamanya dalam menegakkan kebenaran dan keadilan kepada seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa dan agama. Ini kerana Malaysia yang berbilang kaum dan agama anutan dilihat sebagai unik dan tidak sama dengan mana-mana negara di dunia. Ini merupakan suatu cabaran yang besar yang harus dipikul oleh para dai' termasuklah susuk tubuh yang bernama Fadzil Mohd. Noor ketika hayatnya.

Sumbangan beliau dalam konteks dakwah politik di Malaysia wajar diteladani dan dihayati oleh semua pihak termasuklah generasi mendatang. Pengaruh pemikiran beliau yang mencakupi politik, ekonomi dan sosial tersebut, dikukuhkan dalam aspek yang selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah bersesuaian dengan konsep dakwah politik. Pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor ketika hayatnya sangat penting dan memberi kesan yang cukup besar dalam konteks membangunkan negara menurut acuan Islam. Malah pengaruh dakwah politik Fadzil Mohd. Noor bukan sahaja dikaitkan dengan kejayaan PAS, tetapi kejayaan beliau

menyebarluaskan peringatan Allah dan RasulNya kepada rakyat dan kerajaan Malaysia. Fadzil Mohd. Noor menggunakan kesempatan waktu dan masanya sebagai aktivis dakwah politik sepenuh masa apabila beliau meletak jawatan sebagai Pensyarah di UTM. Tumpuan sepenuh masa inilah yang memungkinkan Fadzil Mohd. Noor mampu membina membina PAS menjadi parti politik yang mampu mentadbir negara. Elemen “pengaruh” merupakan suatu kekuatan dan kejayaan yang ada pada Fadzil Mohd. Noor dalam konteks dakwah politik di Malaysia. Pengaruh Fadzil Mohd. Noor sangat besar dan mempunyai kesan dalam konteks dakwah politik negara. Pengaruh beliau begitu terserlah di awal kepimpinan beliau mengemudi PAS, dengan membina PAS menjadi sebuah parti yang berpengaruh sama ada kepada pihak pemerintah, parti-parti politik pembangkang, masyarakat sehingga merentas di dalam pemikiran rakyat yang pelbagai kaum.

Sosok tubuh Fadzil Mohd. Noor pada suatu ketika dilihat sudah berjaya meletakkan dirinya bukan sahaja sebagai pemimpin yang sangat berpengaruh kepada PAS, parti-parti politik pembangkang seperti DAP, Parti Rakyat Malaysia (PRM) tetapi kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik negara, diukur dalam bentuk pemikiran, pandangan, tindakan dan memberi respon dalam beberapa isu besar negara sekaligus mematahkan hujah yang cuba disampaikan oleh pihak lawan. Sumbangan Fadzil Mohd. Noor ini dikaji dan dinilai sepanjang beliau bergerak dalam dakwah politik yang begitu menyerlah dalam menangani isu politik negara.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1. Pendahuluan

Fadzil Mohd. Noor secara tidak langsung telah menggagaskan pendekatan dakwah politik sepanjang beliau terlibat secara langsung dalam arena politik negara. Sepanjang penglibatan beliau sebagai tokoh dakwah politik yang kuat melaksanakan misi menyampaikan ajaran Islam, dakwahnya bukan sekadar menasihati dan memperingati, tetapi melaksanakan *amar ma'rūf nahī mungkar*. Beliau dilihat sebagai tokoh pejuang dakwah politik yang tidak gentar dengan rintangan dan ancaman, malah beliau berjaya menempuhi setiap halangan politik dengan penuh kesabaran dan tenang. Ketika hayat Fadzil Mohd. Noor, beliau banyak memberi pengajaran yang sangat besar dalam memahami erti perjuangan untuk

memartabatkan Islam. Dalam erti kata lain, mempraktikkan perintah Allah di dalam kehidupan, bermula di dalam pentadbiran negara sehinggalah di dalam kehidupan seharian umat, khususnya kepada penggiat sepenuh masa dakwah politik sama ada di kalangan pendokong PAS atau kepada pihak lawannya.

5.2. Memahami Dakwah Politik

Berdasarkan pengkajian yang bertajuk sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik, pengkaji telah berusaha membahaskan konsep dakwah politik dan sekaligus mengangkat Fadzil Mohd. Noor sebagai contoh yang relevan. Dalam agenda melaksanakan segala perintah Allah dalam konteks demokrasi berparlimen seperti Malaysia, sudah tentu agenda dakwah politik perlu dilaksanakan. Maka pemilihan Fadzil Mohd. Noor sebagai tokoh dakwah politik dalam negara ketika ini adalah tepat, memandangkan beliau dikenali sebagai tokoh dakwah yang disegani sebelum beliau serius terlibat sebagai ahli dan menjadi pemimpin PAS. Dakwah politik atau "الدَّعْوَةُ السِّيَاسِيَّةُ" ialah dakwah yang bersifat politik atau dengan maksud lain ialah menjalankan tanggungjawab dakwah Islam dalam kancah politik. Atau suatu tindakan atau penglibatan dakwah di jalur politik hanya bertujuan untuk membela dan menegakkan Islam berasaskan *amar ma'ruf nahi mungkar* (mengajak membuat kebaikan serta mencegah kemungkaran). Ini terbukti apabila Fadzil Mohd. Noor melibatkan diri secara langsung dalam "politik praktis", untuk merialisasikan dakwah. Ini merupakan suatu gambaran yang cukup jelas bahawa sebahagian umat Islam wajib berpolitik untuk berdakwah. Bagi mengukuhkan konsep dakwah politik ini, pandangan M. Natsir dalam karyanya yang bertajuk Agama, dan Politik sangat penting, bahawa Umat Islam tidak mungkin dapat melepaskan diri dari politik.

Apabila telah terlibat dengan politik, umat Islam tidak mungkin pula dapat melepaskan diri dengan fikrah Islam.

Maka apabila keyakinan membela dan menegakkan Islam itu ada, sudah tentu ia tidak akan dapat dipisahkan dengan dari menegakkan masyarakat, menegakkan negara, dan menegakkan kemerdekaan. Dalam mengkaji kepimpinan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor, secara tidak langsung memberi suatu pengajaran yang bernilai dalam aspek asas perhubungan diri beliau dengan orang lain, bagi memastikan misi tercapai. Di dapati pengalaman suatu ketika sebagai pemimpin gerakan NGO Islam seperti ABIM, banyak membentuk gerak kerja beliau meyusun langkah mengukuhkan PAS. Ada banyak persamaan kepimpinan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor dengan penekanan kepimpinan Islam yang digariskan oleh ABIM. Antaranya memberi pengukuhan dalam asas-asas perhubungan dalam gerakan Islam.²⁷⁸ Antara manfaat mengukuhkan asas-asas perhubungan dalam gerakan, diharap akan dapat mencapai tujuan seperti menimbulkan kefahaman bersama secara mendalam di kalangan ahli-ahli PAS dalam segala urusan, melahirkan perhubungan yang tidak berlandaskan kepada kebendaan semata-mata sebaliknya berasaskan hubungan kerohanian, mewujudkan perhubungan yang terus-menerus di kalangan ahli dalam segala suasana dan keadaan sekali gus berkesan dalam masyarakat dan mewujudkan perhubungan yang menyeluruh terhadap semua lapisan masyarakat dengan berlandaskan program yang sesuai sehingga menimbulkan simpati dan sokongan terhadap perjuangan PAS.

²⁷⁸ Ustaz Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan Dalam Islam, Pesanan Seorang Da'i*, (Kuala Lumpur, Budaya Ilmu Sdn.Bhd., 1992), 133-134.

Maka asas-asas perhubungan yang ditampilkan oleh Fadzil Mohd. Noor sepanjang memikul amanah kepimpinan dan melaksanakan dakwah politiknya ialah,²⁷⁹ kasih sayang (المحبة), kerjasama dan kebajikan (التعاون), berpegang teguh kepada hukum Allah (الإعتصام), sentiasa ada perhubungan (الإتصال), dan patuh kepada pemimpin (الطاعة). Sewajarnya setiap individu yang terlibat di dalam lapangan dakwah politik mencontohi watak perhubungan yang ada pada diri Fadzil Mohd. Noor. Ini merupakan asas-asas perhubungan yang terserlah pada diri beliau bagi menjayakan misi dakwah politik bagi menimbulkan semangat bekerja untuk menjayakan agenda perjuangan PAS. Bagi mengukuhkan PAS di pentas politik nasional, Fadzil Mohd. Noor bertindak mengukuhkan PAS di peringkat akar-umbinya.

Bagi mempersiapkan PAS sebagai wadah besar menjayakan dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor melaksanakan pendekatan mengukuhkan asas-asas perhubungan dalam gerakan seperti, mempertingkatkan keahlian PAS di seluruh negara, menerapkan program “*Usrah*”²⁸⁰ pada semua peringkat ahli dan kepimpinan PAS, mengukuhkan program “*Tarbiyah*” pada semua peringkat ahli-ahli dan kepimpinan PAS, mewujudkan perhubungan dan ikatan persaudaraan yang kuat antara ahli-ahli PAS di seluruh negara, merapatkan hubungan gerakan, bermula pada peringkat kepimpinan PAS Pusat, kepimpinan PAS negeri, kepimpinan daerah sehinggalah peringkat unit dan mendekati rakyat yang tidak beragama Islam sekali gus memberi penjelasan yang jelas perjuangan PAS sekaligus menyebarkan risalah Islam.

²⁷⁹ Ibid.

²⁸⁰ Makna Usrah dari segi bahasa, perkataan usrah (bahasa Arab) bermaksud keluarga. Kamus Dewan Edisi Ketiga menyatakan, usrah ialah perkumpulan yang melibatkan kegiatan agama seperti perbincangan tentang sesuatu tajuk agama dan sebagainya. Makna Usrah dari segi istilah, ialah kelompok manusia yang beriman dengan Islam dan berusaha tolong-menolong sesama sendiri untuk memahami dan menghayati Islam, berusaha mempertingkatkan ilmu dan amal, dan menghindari maksiat dan permusuhan. Tujuan usrah ialah menghubungkan diri dengan Allah, merapatkan ukhuwah Islamiah

5.3. Sejarah Perjuangan Dalam Dakwah Politik

Sejarah perjuangan Fadzil Mohd Noor sebagai pendakwah yang berorganisasi, merujuk penglibatan beliau dalam gerakan dakwah yang bermula sebagai setiausaha PUM, Setiausaha PERKIM sehinggalah penglibatan dalam ABIM dengan pelbagai jawatan, almarhum turut terlibat dalam siri-sisri demonstrasi yang melambangkan keberanian dan keseriusan membela nasib umat. Sehinggalah ditakdirkan beliau sebagai pemangku Presiden ABIM ketika Anwar Ibrahim selaku Presiden ABIM di tahan dibawah ISA kali pertama selama 2 tahun. Ketika inilah daya kepimpinan Fadzil Mohd. Noor terserlah dan teruji sebagai pemimpin utama sebagai sebuah gerakan Islam yang dominan di persada dakwah ketika itu. Ini bermakna bekal sebagai pendakwah yang terlibat secara terus di lapangan telah diteruskan dalam arena politik. Sepanjang kajian, terbukti tokoh yang dikaji ini dikurniakan dengan beberapa kelebihan yang melambangkan kehebatannya dari pelbagai sudut. Selain daripada memiliki ilmu yang tinggi, beliau juga dilihat sebagai pencinta ilmu. Ini terbukti di samping terlibat aktif sebagai pemimpin besar PAS, beliau tetap mencari ruang menyampaikan kuliah-kuliah agama yang menyentuh ilmu tafsir, akidah, politik Islam dan sebagainya. Beliau juga menyampaikan buah fikirannya dengan menulis beberapa makalah ilmiah seperti yang bertajuk *Masalah Perpecahan Bangsa dan Asas Penyelesaiannya*, *Masyarakat Madani Alaf Baru* dan sebagainya. Selain daripada itu, tokoh ini juga membuktikan keseriusannya dalam bidang keilmuan apabila beliau turut mendaftar diri sebagai pelajar sarjana di Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM)²⁸¹ tetapi hasrat ini tidak dapat diteruskan apabila tuntutan yang besar sebagai pemimpin politik terpaksa diberi keutamaan.

Kekuatan yang ada sebagai pemedato sejak dibangku sekolah lagi telah dimanfaatkan sepanjang di arena politik sehinggalah beliau sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen. Keseriusan mengupas, membahas sesuatu isu sehinggalah membuat teguran yang disulami dengan ayat-ayat al-Quran dan Hadis ketika di dalam parlimen, telah membawa elemen dakwah politik yang kuat. Ini memberi kesan kepada semua pihak sama ada pemimpin politik, masyarakat yang beragama Islam atau yang bukan Islam. Sepanjang berjuang sebagai tokoh dakwah politik, Fadzil Mohd. Noor menunjukkan kualiti peribadi dan akhlak yang unggul, kekuatan intelek yang tinggi dan yang lebih penting ialah konsisten membela prinsip menegakan kebenaran dan keadilan. Beliau membela prinsip kebenaran dan keadilan dengan membuat teguran kepada pihak kerajaan yang berkuasa dalam urusan tadbir negara dengan berlandaskan *qul al-haq walau kaana murran* (Katakan yang benar walaupun pahit). Ini boleh dilihat bagaimana Fadzil Mohd. Noor berhujah dengan penuh yakin dan memberi peringatan agar tidak membangunkan fitnah dalam isu tragedi di Memali yang mengorbankan Ibrahim Libya bersama pengikutnya.

Selepas Fadzil Mohd. Noor mengambil alih jawatan Yang Dipertua PAS Pusat daripada almarhum Yusuf Rawa pada tahun 1989, proses *tarbiyah* diperkukuhkan. Ketika itu Yusuf Rawa telah dilantik menjadi Mursyidul Am PAS, Fadzil Mohd.

²⁸¹ Prof. Dr. Razali Nawawi (Mantan Presiden ABIM Yang Pertama dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2012.

Noor telah dibantu oleh Abdul Hadi Awang sebagai Timbalan YDP manakala Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Akibat kezururan Yusuf Rawa, maka Nik Abdul Aziz Nik Mat telah diamanahkan sebagai Mursyidul Am PAS. Gandingan tiga serangkai ini iaitu Fadzil Mohd. Noor, Abdul Hadi Awang dan Nik Abdul Aziz Nik Mat ini telah menjadikan PAS sebagai parti yang dominan di kalangan umat Islam dan begitu berjaya membawa PAS di kedudukan yang terbaik dalam urusan dakwah politik. Malah pengaruh PAS di bawah kepimpinan Fadzil Mohd. Noor turut membuka mata rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam mengenali kebenaran dan keadilan Islam melalui perjuangan PAS. Fadzil Mohd. Noor dan rakan-rakan seperjuangannya yang lain menggunakan kesempatan yang ada menyampaikan ceramah tanpa rasa jemu untuk menyakinkan rakyat di seluruh negara. Misalnya, pada awal tahun 1980 an, ceramah Fadzil Mohd Noor dan rakan-rakannya begitu menyerlah di masjid-masjid di Lembah Kelang. Fadzil Mohd. Noor begitu sinonim di Masjid Ar-Rahman berhampiran di Universiti Malaya, Abdul Hadi Awang di Masjid Mujahidin di Damansara dan Nik Abdul Aziz di Masjid Hospital Besar Kuala Lumpur.²⁸² Ketika ini Fadzil Mohd. Noor, begitu dikenali di Lembah Kelang sebagai pemimpin muda PAS yang serius dan dakwah politik yang begitu mencabar di samping tidak mempunyai pendapatan tetap, pada waktu yang sama memikul amanah berkeluarga. Ini merupakan pengorbanan besar Fadzil Mohd. Noor untuk menjayakan dakwah politik

Dakwah politik Fadzil Mohd. Noor melalui medan-medan ceramah, sangat memberi impak yang cukup menakjubkan. Antara senjata utuh Fadzil Mohd. Noor dalam

²⁸² Abu Firdaus, Allahyarham Ustaz Fadzil Noor dalam kenangan, Kolumnis Fikrah, Harakah, 27-30 Jun 2011.

dakwah politik ialah nasihat-nasihat yang diucapkan secara spontan tetapi begitu kuat kesannya kepada umat Islam khususnya ahli PAS. Antara nasihat beliau yang wajar dihayati oleh seluruh pendokong perjuangan PAS ialah:

Jangan masuk PAS kalau anda cari dunia. Jangan panggil diri anda pejuang Islam kalau anda nak manusia puji anda. Anda jangan perasan macam anda ulama kalau perjuangan anda hanya setakat serban, jubah dan kopiah. PAS bukan untuk orang yang buru dunia, PAS adalah untuk orang yang buru akhirat. Hidup mulia atau mati syahid. Mati beriman.²⁸³

...tetapi agama Allah ini akan ada orang yang memperjuangkannya, tidak akan putus perjuangannya. Akan terus ada kata Nabi segolongan umatku yang akan terus berada di atas kebenaran memperjuangkan kebenaran Islam ini dan mereka tak boleh dimudaratkan, digugat dan dihalang oleh penentang-penentang mereka.....Cuma jika kita tak mahu berjuang, Allah akan gantikan dengan orang lain.....kita hanya merupakan mata rantai yang menyambung rantaian perjuangan yang akan berakhir dengan berakhirnya dunia ini.²⁸⁴

Kata-kata ini mempunyai makna yang begitu besar dan mendalam, dan cukup menjadi suatu bukti nilai keikhlasan, kejujuran dan keyakinan Fadzil Mohd. Noor dalam menyertai dakwah politik melalui PAS. Malah yang paling utama kata-kata nasihat ini akan menjadi suatu nasihat yang sentiasa relevan sepanjang perjuangan PAS. Inilah mutiara kata yang sangat bernilai dan memampu mendidik generasi baru yang memilih dan menyertai PAS sekaligus akan membantu ahli PAS berpegang teguh dengan prinsip asas perjuangan PAS tanpa mempunyai niat peribadi dan mencari untung dunia semata-mata. Kepimpinan Fadzil Mohd. Noor dianggap sebagai peransang anak muda untuk menyertai PAS di awal 1980an

²⁸³ Ustaz Zainudin Hashim, "Mengenang Amanat Ustaz Fadzil Mohd Noor" <http://www.detikdaily.net/v6/>

²⁸⁴ Ucapan semasa Jubli Emas 50 tahun Pas Kedah, http://www.kidu.edu.my/html/infusions/fusion_tube/view

kerana sikap terbuka²⁸⁵ dan komitmennya di dalam perjuangan. Ketika ini, PAS telah menjadi sebuah parti politik yang begitu besar pengaruhnya di persada negara dan berjaya menarik minat generasi baru dan muda menyertai perjuangan PAS dan menyakini PAS.

5.4. Sumbangan Dalam Dakwah Politik

Sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik, sangat besar sehingga boleh disimpulkan seperti membina asas dakwah politik, dakwah politik dalam isu keadilan dalam konteks politik, ekonomi dan sosial, dalam isu perpaduan dan berpandangan jauh sehingga dilihat oleh penganalisis politik sebagai tokoh yang mampu mengubah landskap politik negara. Suatu perkara yang menarik untuk dilihat sebagai kejayaan dalam mengemudi PAS ialah keberhasilan Fadzil Mohd. Noor memartabatkan golongan ulama dan golongan profesional. Memertabatkan ulama dan profesional ini bermaksud menggabungkan kekuatan dan kelebihan dua golongan ini dalam menjayakan dakwah politik dalam bentuk satu pasukan yang mantap. Fadzil Mohd. Noor akhirnya melahirkan konsep memprofesionalkan ulama dan mengulamakan profesional. Ketika era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor sebagai Presiden PAS jelas menunjukkan kepimpinan utama Ahli Jawatan Kuasa Pas Pusat adalah gabungan ulama dan profesional. Ini memberi kesan yang cukup besar kepada masyarakat secara keseluruhannya bahawa PAS cukup bersedia mentadbir negara.

²⁸⁵ Kenyataan oleh Abdul Shukor Harun atau dikenali sebagai Pak Shukor. Beliau adalah sahabat baik Ustaz Fadzil Mohd. Noor dan juga sebagai bekas Pengarang Kanan akhbar Harakah. Fikrah Harakah 27-30 Jun 2011.

Kehebatan dan kewibawaan Fadzil Mohd. Noor juga berjaya menepis cubaan musuh-musuh politik untuk mewujudkan persepsi bahawa wujudnya persengketaan dan jurang antara ulama dan profesional. Fadzil Mohd.Noor berkeyakinan bahawa PAS tidak akan menghasilkan kejayaan dakwah politiknya tanpa pengembelian dua kelompok tersebut. Senario gabungan calon PAS di dalam pilihan raya di kalangan ulama dan profesional di era kepimpinan Fadzil Mohd. Noor cukup terserlah. Percaturan ini membuahkan hasil yang luar biasa bagi PAS pada Pilihan Raya Umum 19 iaitu pilihan raya umum yang ke-10. Ia menyaksikan prestasi terbaik PAS sejak parti itu ditubuhkan. Misalnya, PAS dapat mempertahankan negeri Kelantan dengan begitu cemerlang, sekali gus menawan negeri Terengganu dan membuka laluan kemenangan di Kedah, Pahang, Perak dan Selangor. Fadzil Mohd. Noor sendiri telah menang di DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang yang akhirnya mengangkat beliau sebagai Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia menggantikan Lim Kit Siang yang tewas di Pulau Pinang. Beliau sangat yakin tidak akan berlaku pertembungan dan perubahan nilai dalam PAS apabila berlakunya gabungan ulama dan profesional. Fadzil Mohd. Noor membuat suatu pengorbanan besar apabila melepaskan jawatan sebagai tokoh akademik, sebagai pensyarah.

Tindakan Fadzil Mohd. Noor ini secara tidak langsung telah mengajar dan membuktikan kepada seluruh umat Islam bahawa dakwah politik ini merupakan suatu medan yang sangat penting dan wajar diberi tumpuan besar. Beliau merasakan penglibatan di dalam dakwah politik ini merupakan suatu amanah besar yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah kelak. Beliau merasakan keberadaan sepenuh masa di dalam dakwah politik ini akan membantu PAS

menyampaikan mesej perjuangannya. Umat Islam dilihat mulai sedar tentang keperluan memahami politik yang didasari dasar-dasar Islam. Suasana Negara yang dilatari dengan kepelbagaian bangsa dan agama, sudah pasti ini menjadi cabaran besar kepada golongan pendakwah khususnya yang memilih untuk bergiat cergas di medan politik. Dalam suasana serba mencabar ini, Fadzil Mohd. Noor telah mempamerkan ketekunan dakwah politik yang luar biasa. Beliau telah berkorban masa, wang ringgit, tenaga dan sebagainya. Akhirnya dakwah politik Fadzil Mohd. Noor telah berjaya menembusi minda rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama ini untuk melihat keadilan dan keindahan Islam sama ada melalui tindakan atau melalui perbahasan sebagai Ketua Pembangkang Malaysia. Dakwah politiknya yang konsisten meliputi semua aspek kepentingan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Pada waktu yang sama beliau juga lantang menyatakan pandangan beliau untuk merealisasikan pemerintahan Islam di Negara ini. Beliau tidak pernah dilihat orang yang cepat berputus asa untuk melihat kejayaan, akhirnya berjaya menjadi seorang ahli politik Islam yang sederhana dan memahami realiti yang ada di Malaysia.

5.5. Kesimpulan

Sepanjang perjuangan dakwah politik Fadzil Mohd. Noor mempunyai impak yang sangat besar sehinggakan diakui ada beberapa tindakan yang dilakukannya mendapat manfaat dalam jangka masa panjang selepas pemergiannya, misalnya konsep tahaluf siyasi dan sebagainya. Ini di akui bukan sahaja pendokong-pendokong perjuangan PAS, malah di akui juga pemimpin bukan Islam yang telah membuat kajian berkenaan perjuangan PAS ketika bersama dalam barisan pembangkang. Setiap pandangan dan kajian dakwah politik Fadzil Mohd. Noor bukan berniat untuk mengkultuskan beliau, malah sebagai manusia pasti tidak

terlepas dari melakukan kesilapan. Ketokohan dan kewibawaan Fadzil Mohd. Noor sebagai tokoh politik yang berjaya telah menjadi perhatian penting bagi semua pihak. Beliau dikatakan seorang pemimpin politik yang berjaya merubah lanskap pemikiran politik dengan menerapkan konsep dakwah politik di negara. Fadzil Mohd. Noor adalah seorang pemimpin yang adil, bersih, bertanggungjawab, menampilkan ikutan yang baik dan membawa implikasi yang besar dalam politik negara. Di samping berusaha untuk memperkukuhkan keyakinan rakyat tentang perjuangan PAS, beliau juga dilihat sebagai ketua pembangkang yang progresif mengangkat martabat Islam. Fadzil Mohd. Noor merupakan tokoh dakwah politik yang wajar di contohi oleh umat Islam yang terlibat di dalam kancah politik. Semoga kajian ini mampu memberi manfaat dan menjadi suatu rujukan kepada semua pihak yang berjuang menegakkan Islam di jalur politik. Dengan bahasa yang lebih tepat, Fadzil Mohd. Noor adalah seorang mujaddid gerakan Islam dalam konteks dakwah politik.

BIBLIOGRAFI

A. Rujukan Buku

Abdul Hadi Awang. *Konsep Asas Negara Berkeadilan*, Kuala Lumpur: Pejabat Presiden Dan Dewan 'Ulama PAS Pusat, 2011.

Abdul HadiAwang. *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: GG Edar, 1989.

Abdul Halim El-Muhammady. *Dinamika Dakwah, Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., 1992.

Abdul Qadir Abu Faris. *Ujian, Cobaan, Fitnah Dalam Da'wah*, terj. Abu Fahmi Ibnu Marjan. Jakarta: Gema Insani Press, 1987.

- Abdul Wahab Zakaria. *Konsep Kepimpinan Dalam Islam, Pesanan Seorang Da'i*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn., 1992.
- Ahmad Amīn. *Kitab Al-Akhlak*. Beirut: Dar Al-Kitab al-‘Arabī, 1969.
- Ahmad Ghalush. *Dakwah Islamiah, Siri 1*, Terj. Ismail bin Mohd Hasan. Kuala Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, 1990.
- Al-Mawardī. *Al-Ahkam Al-Şultaniah wa Al-Wilayah Al-Dīnīyah*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqīah.
- A S Hornby. *Oxford Fajar, Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd, 2000.
- Briget Welsh Dan James U.H.Chin et. al., *Bangkit,Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi Di Malaysia*. Selangor: Strategic Information And Research Development Center, 2014.
- Universiti Malaya. *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001.
- Universiti Malaya. *Panduan Penulisan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2012.
- Carlton Clymer Rodee et.al. *Introduction To Political Science, Fourth Edition*. Singapore: McGraw, Hill, Inc., 1983.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan, Buku 1*. Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd, 2006.
- Edmund Terence Gomez et al., *Politics In Malaysia, The Malay Dimension*. New York: Routledge Taylors And Francis Group, 2008.
- Fadzil Mohd. Noor. *Aqidah Dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 2003.
- Fadzil Mohd. Noor. *Masyarakat Madani Alaf Baru*. Kedah: Pustaka Mahabbah, 2003.
- Fadzil Mohd Noor Dan Haji Abdul Hadi Awang. *Perpecahan Bangsa Dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Dewan Pemuda PAS Pusat,1988.
- Ghazali Darussalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn.Bhd.,1996.
- H.Abuddin Nata. *Metodologi Studi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2000.
- Kamus Dewan. Ed. Ke-4.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.

- Hasan Al-Banna. *Risalah Jihad*. Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations (IIFSO), 1986.
- Husni Adham Jarror. *Pergilah ke Jalan Islam, Sebuah Paket Tentang Metode Gerakan Islam Masa Kini*. Jakarta: Gema Insani Press, 1993.
- Ian McLean And Alistair McMillan, *Consice Dictionary Of Politics, New Edition*, New York: Oxford University Press, 2003.
- Ibnu Taimiyah. *Peradaban Politik Islam*, terj.Rofi'Munawwar. Surabaya: Albaz Publishing & Distribution Sdn. Bhd., 1997.
- Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah, Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009.
- Ishomuddin. *Teori Kepimpinan Dan Kekuasaan Politik Islam*. Malang: Penerbitan Universitas Muhammadiyah, 2006.
- John Hilley. *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni Dan Pembangkang Baru*, terj. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd., 2008.
- John Sinclair et.al. *Collins Cobuild, Learner's Dictionary*, London: Harper Collins Publishers Ltd., 1999.
- Kamarudin Jaafar. *Fadzil Noor, Perjuangan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat Sdn. Bhd., 2001.
- Keneth D. Bailey. *Methods of Social Research, Third Edition*. New York: MacMillan, Inc., 1987.
- Khairiah Salwa Mokhtar Dan Mahmod Sabri Haron. *Istilah Pentadbiran Awam dan Politik*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2002.
- Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy. *Sistem Politik Islam, menurut al-Qur'an, Sunnah dan Pendapat Ulama Salaf*, Terj. Ustaz Mat Taib Pa et.al. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., 2008.
- Lu'ayy Safī, *Al-'Aqīdah wa Al-Siyasah, Ma'alim Nazariyah 'Ammah li al-Dawlah al-Islamiyah*, Damssyik: Dar al-Fikr, 2001.
- M. Anuar Tahir et al., *Fadzil Nor, Ni'amat Yusuf Dan Abdul Wahab Zakaria, Bintang-bintang Di Medan Dakwah*, Selangor: Yayasan Pembangunan Ummah, 2004.
- M. Natsir. *Fiqhud-Da'wah, Djejak Risalah Dan Dasar-Dasar Da'wah*, Kuwait: International Islamic Federation of Student Organizations (I.I.F.S.O). 1980.

- Muhammad Imarah. *Anugerah Islam Untuk Ketamadunan*, terj. Dr. Muhammad Nur Manuty. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, 2007.
- Muhammad Iqbal. *Fiqh Siyasah, Kontekstualisasi Doktrin Politik Islam*. Jakarta: Gaya Media Pertama, 2001.
- Muhammad Natsir. *Berdakwah Dijalur Politik, Berpolitik Dijalur Dakwah*. Kuala Lumpur: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2009.
- Mujahid Yusuf. *Menuju PAS Baru, Krisis, Peluang Dan Dinamisme*. Kuala Lumpur: The Malaysian Insider Sdn. Bhd., 2010.
- Neil J.Salkind. *Exploring Research, Fifth Edition*, United States Of America: Pretence Hall, 2003.
- Nor Raudah Hj Siren. *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.
- Perry, Chase et.al. *Western Civilization, Ideas, Politics & Society, Seventh Edition*. New York: Houghton Mifflin Company, 2004.
- Ramli Bin Endut. *Dakwah: Satu Pengenalan, Koleksi Dakwah 8*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998.
- Saari Sungib. *Tokoh-Tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah: Kisah-Kisah Inspiratif Para Pemimpin Gerakan Islam Sedunia*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2010.
- Sa'īd Ramaḍān Al-Būṭī. *Al-Jihad fī Al-Islam, Kaifa nafhamuhu? Wa kaifa Numarisuhu*. Damshiq: Dar Al-Fikr, 1993.
- Salahuddin Bin Abdullah Dan Hydselan Bin Hashim. *Sejarah Pas Kelantan, Langkah-Langkah Menuju Mardhatillah 1959-1978*. Kelantan: Pejabat Perhubungan Pas Kelantan, 2010.
- Sheikh Al-Fikri. *Fadzil Noor: Pemikiran Dan Pendekatan Dakwah*. Selangor: Dewan Ulama Pas Pusat, 2003.
- Sidi Gazalba Dan Zainab Ismail. *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini-Dakwah Kepada Non-Muslim: Masalah Dan Cabaran*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, 1995.
- Subky Abd.Latif. *Fadzil Noor, Dia Guru Dia Kawan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim Sdn. Bhd., 2003.
- Syaikh Muhammad bin Shalih al-Utsaimin. *Panduan Kebangkitan Islam*. Muhammad Ihsan Zainuddin), (terj.), Jakarta: DarulHaq, 2002.

- Syed Husin Ali. *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*, Kuala Lumpur: SIRD, 2012.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), 1993.
- Thohir Luth. *M. Natsir, Dakwah dan Pemikirannya*. Jakarta: Gema Insani Press, 1999.
- Uma Sekaran. *Research Methods For Bussiness, A Skill Building Approach, Fourth Edition*. United States Of America: John Wiley & Sons, 2003.
- Wahbah al- Zuhaili. *Usul Fiqh Al-Islami*. Damshiq: Dar Al-Fikr, 2009.
- Wan Hussein Azmi. *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Yusuf al-Qardawi. *Min Fiqh Al-Daulah fi Al-Islam Makanatuhā, Ma'alimuhā, Tabi'atuhā, Mauqifuhā min Al-Dimoqrathiyah wa Al-Ta'dudiyah wa al-Marah Wa Ghairu Al-Muslimin*. Kaherah: Dar al Syuruq, 1999.
- Yusuf al-Qardawi. *Ad-din wa Al-Siyasah*. Kaherah: Darul Shorouk, 2006.
- Zabidi bin Morad. *Fadzil Noor Dalam Kenangan, Pulu Mengingatimu*, Dewan Pemuda PAS Kedah, Selangor, 2005.
- Zainudin Hashim & Riduan Mohamad Nor. *Tokoh-tokoh Gerakan Islam Abad Moden Siri 2*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd., 2010.
- Zunar. *Warkah Anwar, Surat-Surat Dari Penjara 1998-2004*. Selangor: Edisi Prima Sdn. Bhd., 2005.

B. Kertas Projek dan Disertasi

- Ahmad Lutfi Othman (2007), "Pulu Mengenang Ustaz Fadzil", Ahmad Lutfi Othman *et al.* (eds.)
- Ahmad Nawawi B. Yusuf (2003), "Dato'Fadzil @ Ali B. Mohd Noor", (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Dekad Terajui Perubahan, 20 Tahun Harakah 1987-2007. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Dan Penyelidikan PAS Pusat.

Fadzil Mohd Noor (1978), “*Aqidah Satu Pandangan*” (Kertas Kerja di dalam *tamrin Malaysian Islamic Study Group (MISG)*).

Farish A.Noor (2002), “PAS post-Fadzil Noor: Future Directions and Prospects” (Kertas Kerja *Forum at The Forum On Regional Strategic And Political Developments, Institute Of Southeast Asian Studies, Singapore, 25 Julai 2002*).

Harakah, 27-30 Jun 2011:1 “Memperingati Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor, Sukar Dicari Ganti”.

Hussein Umar (2002), “Fiqh Al-Dakwah: Peranan Gerakan Dakwah Pasca 11 September” (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Memperkasa Gerakan Dakwah di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, 8 Jun 2002), h.5.

Mohd Ismail Bin Mustari (2005), “ Mendepani Kemelut Sosial Umat Islam: Cabaran Gerakan Dakwah” (Kertas Kerja Muzakarah Gerakan Dakwah Dan Kepedulian Sosial, Anjuran Jabatan Agama Islam Perak Dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Cawangan Perak, Pusat Konvensyen PTTC, Ipoh,Perak).

Muhaimin Sulam (2003), “Kepimpinan Politik Dato’Hj.Fadzil Mohd Noor” (Kertas Projek, Fakulti Sains Sosial Dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Muktamar Parti Islam Malaysia (PAS)”(Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam (29-30 Ogos 2007), Prosiding, penyusun: Abdul Ghafar Hj.Don, Anuar Puteh dan Wan Kamal Mujani, Bangi:Selangor: fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Siddiq Fadzil (2004), “Dato’Haji Fadzil Nor: Satu Catatan Apresiasi” (Kertas Kerja Seminar Tokoh Gerakan Islam Malaysia, Anjuran Yayasan Pembangunan Ummah, ABIM Dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Anjung Rahmat, Kuala Lumpur).

Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke 45, Bersama Menegakkan Keadilan, pada tarikh 12, 13, 14 Safar 1420 H.

Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-44, Tarikh 18,19,& 20 Muharram 1419 bersamaan 15,16 & 17 Mei 1998, Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur.

Ucuptama YB. Salahuddin Ayub (2010), “Fadzil Noor, Ikon Pencetus Kebangkitan Rakyat”(Ucuptama di Wacana Memperingati Al-Marhum Ustaz Fadzil Noor di Musolla Pejabat PAS Pusat, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, 6hb Jun 2010.

Zubaidah binti Saman (2006), *Dato’Haji Fadzil Mohd Noor: Tokoh Politik Islam, 1978-2002*, (Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

C. Makalah dalam Akhbar

Abu Firdaus, "Allahyarham Ustaz Fadzil Noor Dalam Kenangan," *Harakah*, 27-30 Jun 2011, 27-30.

D. Makalah dalam Majalah

Dinsman dan Zulkifli Roslan, "Mana Lebih Samseng ? Yang Mempertahankan Perlembagaan, Atau Yang Tidak Menghiraukan Perlembagaan?" *Debat*, Februari 2000.7-11.

_____, "PAS Ke Arah Lebih Liberal?" *Debat*, Februari 2000.12.

"Penahanan Anwar Lahirkan Gerak". Tamadun, Oktober 1988.h.80.

E. Makalah Jurnal

Roslan bin Mohamed, "*Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah: Suatu Tinjauan*," Jurnal Yadim, Bilangan Kedua (November 2001), 104.

F. Laman Sesawang

Abdul Hadi Awang, "Tahaluf Siyasi PAS Bersama Pakatan Rakyat", laman sesawang *Harakahdaily*, dicapai 13 Oktober 2012, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/Presiden/13826>.

Lajnah Penerangan Dan Dakwah, DPP Kawasan Dungun, Terengganu, "100,000 Ziarah Jenazah Presiden PAS Di Darul Ulum", laman sesawang *Tranungkite*, dicapai 13 Oktober 2012, <http://www.tranungkite.net/lama/b06/harakah663.htm>

Ahmad Lutfi Othman, "Mengenang Almarhum Ustaz Fadzil Mohd.Noor", laman sesawang *Tranungkite*, dicapai 13 Oktober 2012, <http://www.tranungkite.net/lama/b06/lutfi22.htm>.

Azlina Ngainon, "DAP Keluar BA Sebab Negara Islam", laman sesawang *Malaysiakini*, dicapai 13 Oktober 2012, <http://www.malaysiakini.com/news/4786>.

Liew Chin Tong, "Akhirnya Impian Fadzil Noor Tercapai", laman sesawang *Rocketkini*, dicapai 25 Jun 2011, <http://www.rocketkini.com/2011/06/07/akhirnya-impian-fadzil-noor-tercapai-oleh-liew-chin-tong/>.

Aliran Executive Committee, "The Passing of Datuk Fadzil Noor, a Great Malaysian", laman sesawang *Aliran* dicapai 1 Jun 2013, <http://aliran.com/archives/ms/2002/0623.html>.

Macleon Patrick, Stan Lee, Sejak 13 Tahun Dr.M Menipu Rakyat Untuk Menjatuhkan Anwar", laman sesawang *Anwaribrahimblog.com* dicapai 28 Disember 2011, <http://anwaribrahimblog.com/2011/12/23/sejak-13-tahun-dr-m-menipu-rakyat-untuk-menjatuhkan-anwar>.

Dokumentari, “Ustaz Fadzil Noor-1”, laman sesawang *Youtube* dicapai 28 Disember 2011, <http://www.youtube.com>.

Parti Keadilan Rakyat, “Sejarah”, laman sesawang *Parti Keadilan Rakyat* dicapai 28 Disember 2011, <http://www.keadilanrakyat.org/keadilan/pengenalan/sejarah/>.

Deden Mauli Darajat, “Membaca Kemenangan AKP Di Turki”, laman sesawang *Republika Online*, dicapai 18 Ogos 2014, http://www.republika.co.id/berita/jurnalisme_warga/wacana/14/04/07/n3nbmc-membaca-kemenangan-akp-di-turki.

Joceline Tan, “Testing time for the ulama”, laman sesawang *The Star online*, dicapai 4 Disember 2013, <http://www.thestar.com.my/Opinion/Columnists/Analysis/Profile/Articles/2013/11/17/Testing-time-for-ulama.aspx>

SENARAI NAMA YANG DITEMU BUAL

1. Haji Ahmad Subky bin Haji Abdul Latif (Kolumnis akhbar *Harakah* dan mantan AJK PAS Pusat), dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2010.
2. Dr. KH. Mujaar Ibnu Syarif (Pendiri Pondok Pesantren Darussiyasah, Dosen Fakultas Syari’ah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta dan pensyarah pelawat di Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, Disember 2010.
3. Dato’ Hj. Md. Hashim bin Haji Yahaya (Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Dekan Akademi

Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 19 April 2011.

4. Dato' Kamarudin bin Jaafar (Ahli Parlimen Tumpat, AJK PAS Pusat dan mantan Setiausaha Agung PAS,), dalam temu bual dengan penulis, 5 Jun 2011.
5. Dr. Ammar bin Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor (Anak kedua almarhum Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor, Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.
6. Datin Khadijah binti Ibrahim (Isteri almarhum Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.
7. Muna Izzah binti Dato' Haji Fadzil Mohd. Noor (Anak keempat almarhum Dato' Haji Fadzil Mohd Noor) dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.
8. Hajah Jamilah binti Ibrahim (Mantan Senator dan Ketua Muslimat PAS Pusat) dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2011.
9. Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman (Mantan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan menyandang beberapa jawatan penting), dalam temu bual dengan penulis, 30 Jun 2011.
10. Dato' Haji Yazid bin Jaafar (Mantan ketua Dewan Pemuda PAS Selangor, Exco Dewan Pemuda PAS Pusat, Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak dan Pesuruhjaya PAS Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 16 Julai 2011.
11. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Presiden Pas merangkap Ahli Parlimen Marang dan Adun Rhu Rendang) dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2011.
12. Dr. Atabik Luthfi (Pengurus Pusat Ikatan Dai Indonesia) temu bual dengan penulis perhubungan dan pertanyaan melalui telefon dan email dengan penulis, 26 Disember 2011.
13. Haji Ahmad bin Mat Lazim (Bendahari Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2012.
14. Haji Zawawi bin Haji Ahmad (Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Islam Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah, mantan Ahli Parlimen Padang Terap dan pensyarah Universiti Malaya), dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2012.
15. Profesor Dr. Razali bin Nawawi (Mantan Preiden Angkatan Belia Islam Malaysia yang pertama dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2012.
16. Gema Hadi Shah Putra (Guru bahasa Arab di Maahad Al-Ummah, Chemor Perak dan juga seorang pensyarah sambilan Kolej Darul Hikmah, Cawangan Perak) dalam temu bual dengan penulis, 24 Disember 2012.

17. YAB Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) dalam temu bual dengan penulis, 17 Mac 2014.
18. Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Mursyidul Am PAS dan mantan Menteri Besar Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 10 Jun 2014.
19. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Ketua Pembangkang Malaysia, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat, mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 23 Jun 2014.